

[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA

Bil. 26

Khamis

23 Jun 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005	(halaman 29)
USUL:	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3)	(Halaman 133)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Mengambil Lebih Banyak Bangsa Cina dan India Dalam Perkhidmatan Awam - <i>Y.B. Tuan M. Kila Segaran (Ipoh Barat)</i>	(Halaman 133)
Projek Perumahan Kos Rendah Taman Pinggir Hijau Di Jalan Ipoh Lumut, Terbengkalai - <i>Y.B. Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah)</i>	(Halaman 137)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Khamis, 23 Jun 2005
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA
 [Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah senarai projek-projek infrastruktur yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan oleh kerajaan melalui pakej RM2.6 bilion peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan di bawa ke hadapan dan dijangka dilaksanakan tahun ini. Berapakah jumlah dan nilai projek ini yang akan dilaksanakan di Sabah dan adakah ianya melibatkan projek pembesaran Lapangan Terbang kota Kinabalu (KKIA) yang terlalu sesak.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 21 Jun 2005, terdapat 35 bilangan projek Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dikenal pasti untuk dibawa ke hadapan bagi pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dengan anggaran kos sebanyak RM2.4 bilion.

Senarai projek-projek tersebut adalah seperti berikut:-

BIL.	SENARAI PROJEK	AMAUN (RM)
1.	Cadangan Pembinaan Dewan Besar Universiti Malaya - 1 Pakej	40 juta
2.	Cadangan Kompleks Makmal Kimia di Lot 5270 Universiti Malaya - 2 Pakej	100 juta
3.	Membina jalan bawah tanah dari Jalan Hang Tuah dan Jalan Imbi Kuala Lumpur - 1 Pakej	70 juta
4.	Pembinaan Institut Kemahiran Tinggi Mara IKTM di Kemaman	86 juta

	Terengganu - 4 Pakej	
5.	Projek Pembesaran Akademi Percukaian Negara dan Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Bangi Selangor - 2 Pakej	60 juta
6.	Projek Pembinaan Jalan Nothern Ring Road By Pass Sandakan Sabah - 2 pakej	70 juta
7.	Projek Membaik Pulih Jalan Raya Menggatal Ke Peremis Sabah - 1 Pakej	30 juta
8.	Lebuhraya Alor Star, Padang Besar, Hulu Pauh, Chuping Padang besar - 2 pakej	43 juta
9.	Projek Pembinaan Bangunan Pusat Latihan Teknologi Tinggi, Advance Technology Training Center (ADTEC) di Taiping Perak	80 juta
10.	Jalan Damar Laut Changkat Jering - 1 Pakej	50 juta
11.	Menaik Taraf Persimpangan Bertingkat Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Tambun Perak	37 juta
12.	Menaik Taraf Laluan 5 Jalan Ko Ki, Dekat Jalan Ko Ke Setiawan - 1 Pakej	74 juta
13.	Projek Klinik Kesihatan Jenis Dua Taiping Perak	17 juta
14.	Naik Taraf Jalan Gopeng Ke Seputeh Kinta Perak	98 juta
15.	Naik taraf jalan Jerantut, Benta, Maran, Pahang - 6 pakej	225 juta
16.	Cadangan Pembinaan Kompleks MRSM Di Daerah Pekan Pahang - 2 Pakej	31 juta
17.	Cadangan Pembinaan Politeknik Pulau Pinang - 4 Pakej	250 juta
18.	Laluan FR 1 Ke Persimpangan P178 Sepanjang 4 Kilometer Ke Bulatan Bukit Tengah, Pulau Pinang	67 juta
19.	Jambatan Baru Dua Lorong Bersebelahan Jambatan Merdeka dan Membina Jambatan Baru Pinang Tunggul - 1 pakej	34 Juta
20.	Projek Pembinaan Akademi JPJ Melaka - 2 Pakej	30 juta
21.	Hospital Baru Gua Musang Cadangan Tambahan Bangunan - 1 Pakej	71 juta
22.	Projek Trans Kedah Interland Highway dari Durian Burung ke	217 juta

	Kupang Kedah - 2 pakej	
23.	Jalan Timur Barat Dari Pendang ke Sungai Tiang Kedah 3 pakej	160 juta
24.	Menaik Taraf Jalan Jitra Melalui Kodiang Kedah Ke Arau Perlis - 1 Pakej	71.5 juta
25.	Pembinaan Kompleks Pekan Rabu Mukim Kuah, Langkawi Kedah	10 juta
26.	Cadangan Pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Bandar Diraja Anak Bukit, Kedah	163 juta
27.	Pembinaan Kompleks Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di Langkawi Kedah - 5 pakej	50 juta
28.	Menaik Taraf Persimpangan Bertingkat Jalan Lingkaran Dalam IRR Inering Road Johor Bahru Johor, Persimpangan Bertingkat Jalan Tebrau Daripada Aras 2 Kepada Aras 3 -1 Pakej	30 juta
29.	Projek Pembinaan Pos Tedong Limbangan Bahagian Limbang Sarawak - 1 pakej.	55 juta
30.	Klinik Kesihatan Bakar Arang, Kedah	10 juta
31.	Klinik Kesihatan Lukut, Negeri Sembilan	10 juta
32.	Klinik Kesihatan Dungun, Terengganu	10 juta
33.	Klinik Kesihatan Merlimau	10 juta
34.	Klinik Belaga Sarawak - 1 pakej	60 juta
35.	Bangunan ICU CC Hospital Banting	44 juta
	JUMLAH	2.4 bilion

Berdasarkan senarai di atas terdapat dua buah projek di negeri Sabah yang terlibat dengan program ini iaitu projek pembinaan Jalan Northern Ring Road By Pass Sandakan Sabah yang dianggarkan kosnya sebanyak RM70 juta yang akan dilaksanakan dalam dua pakej dan projek membaik pulih jalan raya Menggatal ke

Berumis Sabah dianggarkan kosnya RM30 juta akan dilaksanakan melalui satu pakej sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya Sabah dijangka memanggil tender terbuka di kalangan kontraktor Sabah. Bagi projek pembinaan jalan Northern Ring Road By Pass Sandakan Pakej 1 dan pakej 2 serta projek membaik pulih jalan raya Menggatal ke Berimis pada bulan Julai 2005. Mengenai projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, iaitu Kota Kinabalu International Air Port atau KKIA pula adalah dimaklumkan bahawa ia tidak termasuk dalam senarai yang dinyatakan di atas.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang komprehensif. Walaupun jawapan itu agak komprehensif tetapi agak mengecewakan kerana projek yang telah disebutkan iaitu pembesaran lapangan terbang Kota Kinabalu tidak dimasukkan memandangkan seperti yang kita tahu bahawa jumlah kedatangan pelancong ataupun penumpang ke Kota Kinabalu telah pun meningkat sehingga 3 juta dan menyebabkan kesesakan kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.

Walau bagaimanapun, apa yang ingin saya persoalkan di sini ialah tentang tindakan kerajaan untuk membuat satu pendekatan baru iaitu membawa ke hadapan projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan kepada Rancangan Malaysia Kelapan. Saya minta penjelasan daripada Menteri, apakah rasional di sebalik tindakan kerajaan ini. Apakah tindakan ini tidak akan mengganggu perancangan bagi Rancangan Malaysia Kesembilan. Kenapakah projek-projek Rancangan Malaysia Kelapan tidak dilaksanakan. Sebab yang kita tahu bahawa terdapat banyak peruntukan beberapa projek Rancangan Malaysia Kelapan yang belum dibelanjakan. Apakah tindakan dan kewajaran daripada apa yang dilaksanakan oleh kerajaan ini, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jelaskan tadi, daripada 30 lebih projek yang saya sebut tadi, ialah projek kita bawa ke Rancangan Malaysia Kelapan. Itu bukan berertinya Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu tidak termasuk dalam mana-mana projek. Kerajaan akan menimbang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, tetapi kita tidak tahu bilakah tarikh pelaksanaan akan berlaku atau akan ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Apabila kita

dapat kelulusan daripada Jabatan Perdana Menteri, dengan serta-merta kita akan menjalankan projek.

Selain daripada itu, kami tahu masalah yang dihadapi oleh penumpang-penumpang dan juga pengguna-pengguna Lapangan Terbang Antarabangsa di Kota Kinabalu sekarang. Bilangan pengguna sudah bertambah tetapi Lapangan Terbang Antarabangsa yang sedia ada itu sudah 30 tahun. Jadi, ia tidak boleh menampung keperluan yang diperlukan sekarang. Kami sudah mengambil perhatian mengenai perkara itu.

Jawapan yang kedua, mengapakah kerajaan membawa projek-projek seperti apa yang saya katakan tadi ke Rancangan Malaysia Kelapan, ini untuk memperkuat sektor pembinaan. Sektor pembinaan di negara kita sekarang iaitu paling rendah jikalau kita banding dengan sektor-sektor yang lain. Ramai di antara kontraktor tidak mempunyai apa-apa kerja.

Kerajaan tidak mempunyai apa-apa projek untuk diserahkan kepada mereka. Jadi ini akan membantu mereka dan juga akan membantu ekonomi negara kita diikuti dengan sektor pembinaan. Ini akan dikuatkan lagi. Saya percaya ini akan membawa lebih hasil kepada kontraktor, kepada negara, dan juga pekerja-pekerja dalam sektor pembinaan. Itulah sebabnya kerajaan telah membawa projek ini kepada Rancangan Malaysia Kelapan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya hendak ucapkan selamat datang kepada semua pelajar ke Dewan Rakyat pada pagi ini. Yang keduanya, saya hendak ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah memberi beberapa jalan untuk negeri Kedah, negeri yang miskin. Terima kasih banyak Menteri. *[Mengucapkan terima kasih dalam bahasa Tamil]*

Soalan yang ketiganya ialah bagaimanakah pihak kementerian hendak memonitor pengagihan kerja-kerja ini supaya semua kontraktor ini dapat kerja kerana ini penting. Kadang-kadang main kontraktor mendapat projek tetapi pengagihan kepada kontraktor-kontraktor kecil itu mungkin tidak elok menyebabkan beberapa projek kerajaan terbengkalai. Apakah pihak kementerian Yang Berhormat Dato' memahami kadang-kadang main kontraktor tidak membayar kepada subkontraktor-subkontraktor mereka.

Jadi bagaimanakah kita hendak mencari satu kaedah sistem untuk kita menyelaraskan supaya projek-projek yang besar ini diagihkan kepada kontraktor-kontraktor jenis kecil ini supaya depa juga mendapat nikmat daripada projek-projek yang diumumkan oleh Yang Berhormat tadi. Secara langsungnya adakah konsep payung akan terus wujud dan memanfaatkan kontraktor-kontraktor kecil dan apakah tindakan tegas yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah projek yang terbengkalai yang tidak dapat disiapkan dan ada juga kontraktor-kontraktor yang menipu kerajaan dan rakyat dengan mengambil pembayaran awal dan akhirnya meninggalkan projek itu untuk.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, jawapan kementerian saya kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan mengapakah projek ini dijadikan sebagai projek. Projek ini bukan projek besar. Pada masa dahulu, pada asalnya projek-projek ini semuanya berharga RM300 juta RM400 juta dan seperti itulah. Kita mahu juga memecahkan projek itu di mana dijadikan projek pakej-pakej kecil supaya ini boleh dipelawa kepada beberapa banyak kontraktor boleh mengambil bahagian dalam tawaran.

Sekarang ini projek-projek yang telah ditetapkan ini ada arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semua projek akan ditawarkan kepada kontraktor, bukannya kita bahagi. Tidak ada. Kita tawarkan kepada kontraktor supaya kontraktor juga boleh mendapat peluang untuk memasuki dalam tawaran. Kalau bernasib baik dia dapatlah. Ini ada peluang sekarang.

Yang kedua, berkenaan dengan masalah kontraktor besar dengan kontraktor kecil. Kami sudah mengambil tindakan, dalam projek ini Yang Berhormat, saya sudah minta JKR untuk menetapkan lebih kurang 10% daripada tiap-tiap projek dikhaskan kepada kontraktor-kontraktor kecil. Walaupun ini dilaksanakan bersama dengan kontraktor besar tetapi diawasi oleh JKR di mana bayaran-bayaran akan diserahkan terus daripada JKR kepada kontraktor kecil.

Saya percaya tindakan seperti itu tidak membangkitkan apa-apa isu. Pada masa dahulu bukan macam itu. Jikalau ada juga kontraktor besar, semua bayaran diserahkan kepada kontraktor besar. Apabila kontraktor besar dapat juga bayaran, tidak mahu bayar kepada kontraktor kecil. Kalau kontraktor kecil selesai kerja RM10 juta, dia bagi RM5 juta. Bayaran yang kedua, dia kata RM5 juta bagi RM2.5 juta. Bayaran yang ketiga potong 30% atau 40%. Pada akhirnya dia bayar lebih kurang 60% sahaja kepada kontraktor kecil. Kalau kerja sudah selesai, kontraktor kecil pergi tanya duit dia kata mahukah saya bagi satu potongan. Mahu potongan pula lagi. Ini potongan saya sekarang bayar. Dia potong sampai kontraktor kecil sudah mampuslah.

Jadi inilah satu sejarah yang telah berlaku setakat ini, kita mahu juga meminda itu minda. Minda kontraktor besar dipinda sekarang. Selain daripada itu, projek-projek terbengkalai kerajaan sudah mengambil tindakan. Jikalau kita tahu kontraktor yang sedia ada mempunyai pengalaman tetapi mempunyai masalah kewangan oleh kerana barangan pembinaan sudah naik harga, bagi kami kita menimbang jalan yang lain macam manakah kita akan selesaikan. Ini sudah kita senaraikan. Kita akan membincangkan dengan Kementerian Kewangan untuk membantu kontraktor meneruskan kerja sehingga dia selesai kerja. Kalau tidak kita panggil tawaran sekali lagi, enam bulan sudah hilang. Pada akhirnya, kita minta kontraktor bayar bakinya. Kontraktor baru minta lebih duit. Baru bayar baki balik, lebih masalah. Jadi inilah satu senario saya bagi kepada Ahli Yang Berhormat. Saya juga suka memberi satu taklimat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan apakah masalah kontraktor-kontraktor dan bagaimanakah tindakan-tindakan akan diambil. Bukan dalam sesi inilah, sesi akan datang. Terima kasih.

2. **Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan kriteria untuk kebenaran pendirian *billboard* dan jenisnya yang merentasi lebuhraya dan di kedua-dua belah lebuhraya dan kadar pembayaran yang dikenakan. Apakah keberkesanan *billboard* itu membantu kepada pengguna lebuhraya, termasuklah pengiklanan *billboard* yang menggunakan *animation* dan *motion picture*.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat berapa kriteria bagi menimbangkan permohonan membina paparan iklan di lebuhraya. Di antara kriteria-kriteria tersebut ialah:-

- (i) paparan iklan hendaklah didirikan di lokasi yang tidak menjadi *traffic hazard* kepada pengguna lebuhraya;
- (ii) paparan iklan hendaklah tidak menghalang atau melindungi papan tanda lalu lintas dan peralatan kawalan lalu lintas yang sedia ada;
- (iii) paparan iklan hendaklah didirikan di lokasi yang tidak mengganggu pemandangan dan penglihatan pengguna-pengguna lebuhraya;
- (iv) mesej dan reka bentuk paparan iklan hendaklah senang dan mudah difahami oleh pengguna lebuhraya dan paparan iklan hendaklah didirikan di lokasi-lokasi yang tidak merosakkan atau mencemarkan keindahan alam sekitar dan persekitaran lebuhraya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga jenis-jenis paparan iklan yang merentasi lebuhraya adalah pertama, *gantry*, yang kedua, *parapet* jambatan, dan yang ketiga, pintu gerbang. Manakala jenis-jenis iklan yang terdapat di kiri dan kanan lebuhraya pula adalah pertama, *unipole*, kedua, *free-standing*, dan tiga iklan sementara.

Pada masa ini bayaran yang dikenakan adalah bayaran memproses sahaja. Bayaran tersebut dikenakan mengikut jenis iklan yang dipohon seperti berikut:-

- (i) *gantry* - RM200;
- (ii) *parapet* jambatan - RM200;
- (iii) pintu gerbang - RM200;
- (iv) *unipole* - RM500;
- (v) *free-standing* - RM200;
- (vi) iklan sementara, *banner* dan lain-lain - percuma.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemasangan iklan di tepi lebuhraya adalah memberi kesan yang baik kepada pengguna lebuhraya kerana dapat menyampaikan mesej-mesej tertentu seperti mempromosikan lokasi-lokasi pelancongan dan barangan Malaysia. Di samping itu, pengiklanan adalah merupakan satu cara pengindahan yang menggunakan teknologi terkini di samping dapat menjana pembangunan ekonomi serta mengoptimumkan kegunaan tanah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini paparan iklan yang menggunakan *animation* atau *motion picture* masih belum lagi dipasang di lebuh raya keseluruhan. Kesesuaian lokasi serta visual paparan iklan sentiasa dikawal oleh kerajaan supaya ianya tidak menjadi gangguan kepada pengguna lebuh raya.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan papan iklan di lebuh raya. Saya ingin beri satu contoh, di lebuh raya KESAS dari Kuala Lumpur menghalau ke Bandar Kinrara terdapat satu papan iklan yang saya rasa salah satu papan iklan yang paling besar yang merentasi lebuh raya. Papan iklan itu mengganggu penglihatan bagi saya.

Kita memang hendak mementingkan keselamatan dan keselesaan pengguna dan juga pemandu kereta di lebuh raya dan apa yang penting ialah dari segi keselesaan adalah pemandangan semula jadi bukannya papan-papan iklan kerana kita hendak menggalakkan supaya sepanjang perjalanan, pengguna atau pemandu akan berasa seronok dan selesa dari segi penglihatan dan fokusnya tidak terganggu. Maka saya minta penjelasan soalan tambahan saya ialah apakah pihak kementerian ada membuat kajian tentang bilangan papan iklan yang secukupnya dan tidak mengganggu konsentrasi pemandu kereta dan sekiranya ada kemalangan berlaku kerana pemandu tertarik kepada iklan, siapakah pihak yang bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi. Apakah pihak Lembaga Lebuh Raya Malaysia ataupun syarikat konsesi lebuh raya ataupun syarikat papan iklan itu. Minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita ada memasang paparan seperti itu di tiga tempat sahaja. Di tiga tempat itu kita sudah menyiasat berkenaan dengan kekuatan struktur dan lain-lain dan juga apa yang kita pasang itu bukanlah pasangan yang boleh jatuh atau boleh rosak dengan mudahnya. Ini sudah disiasat oleh jurutera-jurutera di Lembaga Lebuh Raya Malaysia dan juga jurutera-jurutera JKR.

Selain daripada itu, kita tahu apabila kita membawa kenderaan visi kita 360 *degree*. 360 *degree* visi kita, paparan itu mesti masuk dalam visi kita. Jikalau tidak kita bawa kenderaan kita tengok sana, mesti langgar arahlah. Kita sudah tetapkan itu, tetapi apa Yang Berhormat lihat atas jalan itu tidak termasuk dalam JKR. Kita membina jalan.

Belum selesai membina jalan, majlis-majlis perbandaran bagi lesen kepada sesiapa sahaja yang memohon. Tetapi bila kita selesai, kita tidak boleh bagi kepada sesiapa. Itu luar daripada sempadan kita. Tetapi dia membina paparan, bila orang mahu tengok dia tengok macam inilah. *[Sambil menunjukkan gaya]* Tengok macam itu macam mana mahu jalan.

Jadi itulah saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat. Ini ada dua pihak. Pihak pertama ialah Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Lebuh Raya Malaysia. Pihak yang kedua saya tidak mahu cakap siapa itu. Ada juga orang banyak kuasa. Minta sahaja paparan, mana-mana pun bagi. Tidak mengira. Sekarang tengoklah lebuhraya Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA, kita ada kita punya paparan di luar 20 kaki ada juga woi! Bukan main ya.

Beberapa Ahli: Woi! *[Ketawa]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Jadi itulah masalah yang kita hadapi. Kita tidak ada kontrol atas majlis-majlis perbandaran untuk memberi paparan. Kami kontrol sahaja. Kita kata, inilah aturan-aturan mesti disediakan oleh syarikat-syarikat. Minta maaflah Yang Berhormat, apa salah yang dibuat oleh orang lain kita tidak boleh mengambil tanggungjawab. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah itu rancangan JKR atau kementerianannya untuk mengadakan satu Rang Undang-undang bagi mengawal semua ini termasuk iklan JKR sendiri, iklan JKR sendiri. Kadang kala dia buat iklan pun dia tak tunaikan termasuklah itu MRR2 di Kepong, sampai sekarang tidak ada kerja untuk memperbaikinya dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa saya pun tengoklah, kadang kala pihak Kerajaan Tempatan tidak terkiralah memang tak kira termasuk setengah-tengah kakitangan Kerajaan bila kita ada komputer pun dia nak tengok yang lucah sahaja. Ada setengah-setengahlah bukan semua. Semua itu baiklah hampir kamilah semuanya. Tapi ada setengah-setengah dia tengok itu, gambar lucah sahaja yang ditengoknya. Dan ini termasuk setengah-tengah yang di sinilah *[Ketawa]*..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Ibni Syed Putera: Kepong tengok di rumah.

Dr. Tan Seng Giaw: Berita Harian sahaja ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong, tumpuan kepada ..

Dr. Tan Seng Giaw: tumpu, tumpu.

Tuan Yang di-Pertua: soalan, ya.

Dr. Tan Seng Giaw:jadi, saya pun tengoklah sebab..... Bukan tengoklah..*[Dewan riuh]*.

Seorang Ahli: Merapu.

Seorang Ahli: Tapi...

Dr. Tan Seng Giaw: *Admit lah [Dewan semakin riuh]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Mengaku. Kepong, mengaku

Dr. Tan Seng Giaw: Tengok iklan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, silakan..

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat, kita mestilah ada undang-undang untuk memantaukan semua keadaan kerana kita ada 144 Kerajaan Tempatan dan kalau tidak ada kawalan maka timbullah masalah bukan sahaja di LDP, di Lebu Raya (PLUS) pun banyak saya tengok bolehkah Yang Berhormat mengambil tindakan supaya kita tidak akan terganggu dengan perkara.

Tuan Yang di-Pertua: Ya baik, - pelarasan dia.

Dato' Seri Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasihlah hari ini saya dapat tahu Yang Berhormat guna komputer dalam Dewan, apa jenisnya? *[Dewan riuh dan disorak]*. Tunjuk, tunjuk sahaja tapi nama jenis tak boleh dapat tengok. Ooh! *Toshiba*, baguslah, saya pun guna *Toshiba* juga *[Ketawa]*.

Saya akan bincang, saya akan membawa perkara ini kepada Majlis-majlis Menteri Besar untuk meminta kerjasama daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga saya akan membawa perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kita akan menyeragamkan papan iklan atau paparan ini. Jadi, masuk dalam satu jenislah macam mana kita akan menggunakannya. Janganlah suka hati kita bagi. Ini mesti kita adakah satu seragam, macam mana kita jalankan ini.

3. Tuan Ahmad Shahbery Cheek [Kemaman] minta Perdana Menteri menyatakan kenapa Parlimen Malaysia tidak ada pusat penerangannya sendiri bagi mendidik masyarakat terutama para pengunjungnya mengenai kepentingan institusi ini dalam sistem berkerajaan kita.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, dimaklumkan bahawa pada ketika ini Parlimen tidak mengadakan Pusat Penerangan dalam usaha untuk mendidik dan mengenai kepentingan institusi dalam sistem kerajaan seperti sekarang. Walau begitu para pelawat yang mengadakan lawatan ke Parlimen akan diberikan taklimat oleh Pegawai Perhubungan Korporat mengenai fungsi-fungsi Parlimen serta kepentingan institusi ini dalam sistem kerajaan demokrasi. Walau bagaimana pun cadangan Yang Berhormat itu adalah baik dan saya akan kemukakan untuk pertimbangan Parlimen.

Tuan Ahmad Shahbery Cheek: Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Kita selalu bercakap tentang soal *bench marking* atau pun tanda aras terhadap apa-apa yang dilakukan oleh rakyat kita. Tetapi, saya percaya bahawa Parlimen sebagai institusi yang tertinggi dalam negara kita sudah tentulah ingin mengadakan aras tanda yang tersendiri dan saya yakin bahawa kalau kita berbangga dengan Parlimen kita. Kita mesti mempunyai sistem untuk menerang dan kita menunjukkan pada orang ramai tentang kelebihan-kelebihan yang ada pada Parlimen kita.

Sekiranya kita pergi ke Parlimen-Parlimen lain yang mereka berbangga dengannya, sering kita di bawa ke auditorium, kita ditunjukkan dengan persembahan audio visual atau *power point* tentang sejarah Parlimen perjalanan dan sebagainya. Kita di bawa ke galeri sebagai mana yang adik-adik kita dapat lihat hari ini. Tapi selepas itu dibekalkan dengan *brochure* dan sebagainya.

Ini semua dikaitkan dengan soal perjawatan Parlimen, latihan kakitangan Parlimen, *exposure* yang diberikan kepada mereka. Cuti *sabbatical* untuk mereka mengemaskinikan ataupun bagaimana untuk menjadikan Parlimen ini sebagai satu institusi yang benar-benar kita berbangga, kita petahankan, kita muliakan. Saya percaya bahawa peningkatan kakitangan bukan sekadar apabila ada desakan tentang *Research Assistant* misalnya dengan izin, Tuan Yang di-Pertua maka hari ini kita umumkan ada 10 *Research Assistant* tetapi besok kalau kita, kata kita perlu kelengkapan ataupun persiapan yang sebagaimana disebutkan tadi mungkin esok kita kemukakan yang baru. Saya percaya bahawa Yang Berhormat Menteri dapat memikirkan atau mencadangkan sesuatu yang lebih comprehensive lagi dalam

meningkatkan perkhidmatan Parlimen kita dan mengagungkan, memperhebatkan institusi ini. Terima kasih .

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah membuat lawatan ke banyak Parlimen di dalam dunia dan saya amat memahami apa Yang Berhormat sebut saya bersetuju iaitu bahawa sememangnya sebagai satu apa yang dikatakan yang institusi yang tertinggi di negara. Kita harus mempunyai aras tanda kita sendiri dan saya bersetuju itu banyak lagi yang perlu kita lakukan dan seperti mana yang telah saya sebut Insya-Allah yang pertama sekali terpaksa memastikan supaya kita menguasai semua urusan berkenaan dengan Parlimen. Jadi, pada hari kita tahu iaitu bahawa kita terletak di bawah JPA dan yang pertama harus kita lakukan ialah mengeluarkan Parlimen ini sebagai satu institusi yang bebas, selepas itu kita boleh putuskan sebagai apa yang perlu kita lakukan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Menteri sedar bahawa antara satu kelemahan Parlimen ini sampai sekarang ialah tidak ada fokus mengenai *accessibility* Parlimen kepada orang ramai dan ini pun ada menjadi satu tajuk mustahak parlimen-parlimen yang lain adalah menjadi satu tajuk kajian *committee-committee* Parlimen yang lain bagaimana boleh membawa Parlimen lebih *accessible* kepada rakyat boleh menjadi *part and parcel* kehidupan mereka bukan sangat begitu *remote* dan kalau begitu bukankah antara perkara-perkara yang wajar diadakan supaya ada *accessibility* Parlimen kepada rakyat ialah bahawa mengadakan *live telecast*. Adakah kerajaan rela untuk ada satu fikiran yang baru, satu fikiran yang baru dalam perkara ini yang bukan semacam ini, bukan semacam yang ada ditunjuk ini ada satu *live telecast* supaya boleh menjadi *part and parcel* kehidupan rakyat dan pun ada satu perubahan-perubahan supaya urusan dan pentadbiran perjalanan Parlimen lebih terkini semacam semalam Yang Berhormat Menteri tidak ada di sini, saya ada cadang semasa soalan jawab hari Rabu oleh kerana ada kabinet *meeting*, mesti tukar hari Rabu 2.30 mengadakan *question time* dan bukan pukul 10.00 khasnya oleh kerana arahan Perdana Menteri kepada semua Ahli-ahli Menteri datang untuk jawab. Perkara yang boleh diubah dengan secepat mungkin. Semacam ini lebihkan *contemporary* , lebih *contemporaneous*. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya telah nyatakan perkara ini banyak kali dan kita tidak berhasrat untuk mengadakan siaran secara langsung disabitkan oleh kerana sebab-sebab yang telah saya beri lebih awal. Apa perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat ini saya percaya boleh diatasi kalau sekiranya kita mengadakan pusat penerangan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kemaman, tadi.

4. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta **Menteri Wilayah Persekutuan** menyatakan bilakah cadangan untuk melaksanakan sistem Jawatankuasa Kemajuan dan Keselesaan Bandar dalam setiap kawasan akan diperkenalkan. Bidang kuasa dan pakej ganjaran yang disediakan untuk mereka serta kesannya ke atas pertubuhan sukarela sedia ada.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Zulhasnan bin Rafique]: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Cheras buat masa ini pihak kerajaan belum mempunyai perancangan untuk memperkenalkan sistem Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Bandar (JKKB) Kuala Lumpur. Sistem dan mekanisme yang sedia ada dilaksanakan oleh pejabat-pejabat cawangan daripada Kuala Lumpur dan Perbadanan Labuan dan Putrajaya melalui Persatuan-persatuan Penduduk dengan dibantu oleh Rukun Tetangga, Jabatan Kemajuan Masyarakat untuk KEMAS dan juga rakan *Corp*. Untuk maklumat Yang Berhormat Cheras, pada masa ini Pejabat Cawangan (DBKL) ada 11 untuk mentadbir dan menguruskan Parlimen. Seluruh Kuala Lumpur terdapat 137 persatuan penduduk berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dan 206 buah kawasan Rukun Tetangga.

Oleh sebab itu pada masa ini kerajaan perlu kaji di atas implikasi kewangan dan kalau ada pertindihan dengan *mekanisme* yang sedia ada dan kita akan maklumkan apabila apa-apa keputusan dibuat pada masa akan datang. Terima kasih

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua. Pada malam kelmarin beratus-ratus bangunan swasta dan kawasan-kawasan awam di tengah-tengah *golden triangle* pusat bandar Kuala Lumpur telah menghadapi satu masalah yang bukan *uncommon* mereka termasuklah pusat-pusat perniagaan, kompleks-kompleks membeli belah, hotel-hotel, restoran-restoran, tempat-tempat hiburan dan pelancongan yang terjejas yang

mengalami kesusahan yang begitu teruk mengakibatkan satu *black out* melebihi dua setengah jam berlaku kerana pencawang utama di Jalan Bukit Bintang, terbakar dan terputus bekalan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara kejadian yang bukan sahaja menyusahkan ramai, merugikan ramai tetapi memalukan negara, di tengah-tengah Ibu Kota, ini bukan perkara baru [*Dewan gamat*]

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] [*Dewan bertambah riuh*]

Tuan Tan Kok Wai: Sabarlah soalan ada hubung kait dengan soalan asal saya.

Seorang Ahli: Bodoh. Kemalangan beritahukah bila Earth Quake hendak berlaku. Tanya dia? Kita tahukah bila mahu mati? Ini sebab kebakaran. Bodoh punya orang.

Tuan Tan Kok Wai: Kejadian iniTuan Yang di-Pertua, walau pun dia membayangkan ketidakcekapan, ketidak *accountability* dan ketidakberkesanan di pihak TNB...

Seorang Ahli: Apa.

Tuan Tan Kok Wai: Tetapi dalam soal yang sama di Wilayah Persekutuan sini. Saya difahamkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Bandar ini adalah dalam *drawing board* bukan langsung tidak wujud. Saya ingin tanya Yang Berhormat walau pun Yang Berhormat tidak memberitahu Dewan ini mengapa Menteri tidak datang jawab tetapi untuk makluman Dewan ini

Seorang Ahli: Apa, bodohlah.

Tuan Tan Kok Wai: Saya tahu Yang Berhormat Menteri sekarang sedang ada bangunan Ibu Pejabat UMNO...

Seorang Ahli: Siapa cakap [*Dewan semakin riuh*] [*Disorak*]

Tuan Tan Kok Wai: ..untuk menghadiri soal jawab Jawatankuasa disiplin UMNO, tak sempat datang di sini soal jawab...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila...

Seorang Ahli: Bodohlah.

Tuan Yang di-Pertua: simpulkan..

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: sebagai soalan ya.

Tuan Tan Kok Wai: Perkara yang saya timbul ini adalah penting kerana, kerana..

Seorang Ahli: Tanya soalanlah.

Tuan Tan Kok Wai: Walau Kuala Lumpur bercita-cita menjadikan Bandar Raya bertaraf dunia [*Dewan gamat*].

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat .

Tuan Tan Kok Wai: banyak masalah berlaku, tiap-tiap hari peratusan aduan yang dituju kepada DBKL kerana ketidakberkesannya ..

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Soalan-soalan.

Tuan Tan Kok Wai: ...maka soalan saya ..

Tuan Yang di-Pertua: Simpulkan sebagai soalan.

Tuan Tan Kok Wai:janganlah begitu riuh sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Simpulkan sebagai soalan Yang Berhormat? Soalan.

Tuan Tan Kok Wai: Apa yang saya ingin menegaskan jika ada sedikit niat pun untuk menubuhkan jawatankuasa ini, jangan berterusan kerana ia tidak akan membawa faedah kepada rakyat, tidak akan mempertingkatkan prestasi DBKL, ia akan merupai Jawatankuasa JKKK ..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat .

Tuan Tan Kok Wai:...yang ditubuhkan dijadikan alat dan tali barut Barisan Nasional sahaja...[*Dewan gamat dengan sorakan*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Yang penting sekali memulihkan Pilihan raya Datuk Bandar dan Ahli-ahli Dewan Bandarraya ..

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Bersorak*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri jawab ya, Yang Berhormat. Menteri jawab. Menteri boleh jawab.

Tuan Tan Kok Wai: Baik-baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri boleh jawab.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Zulhasnan bin Rafique]:
Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk menjawab bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan. Dengan itu soalan tambahan yang telah diajukan oleh Yang

Berhormat bagi Cheras tidak relevan langsung pada soalan yang telah dikemukakan soalan cadangan dan dengan itu jawapan saya tadi yang menyebutkan kita belum mempunyai perancangan untuk memperkenalkan sistem Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Bandar (JKKB). Jikalau ada masalah-masalah yang tertentu contohnya dalam kebakaran semalam yang menyebabkan masalah-masalah berikutan, kita nampak bomba pun bertindak dengan cepat selamatkan situasi, dengan itu insya-Allah, dalam isu-isu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, DBKL akan mengatasi semua sekali masalah. Terima kasih.

5. **Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]** minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa pihak kementerian tidak menerapkan unsur-unsur menjurus kepada pertanian, alam sekitar dan ekosistem di dalam kurikulum sekolah. Ini akan memberikan pendedahan awal bidang pertanian kepada anak-anak memandangkan kerajaan menyasarkan bidang pertanian sebagai fokus utama negara di masa hadapan.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, program pendidikan alam sekitar merentas kurikulum telah dilaksanakan dalam kurikulum KBSR dan KBSM mulai tahun 1992 dan diperuntukkan dari semasa ke semasa. Unsur-unsur alam sekitar dan ekosistem adalah diajar secara merentas kurikulum di dalam mata pelajaran Geografi, Sains, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Antara tajuk-tajuk yang disentuh ialah:

- (i) Tuhan pencipta alam semesta dan sekalian makhluk;
- (ii) bumi dan alam semesta;
- (iii) benda bukan hidup, sumber semula jadi dan tenaga;
- (iv) benda hidup dan alam sekitarnya;
- (v) interaksi antara manusia, haiwan dan tumbuhan; dan
- (vi) pengurusan alam sekitar.

Di peringkat sekolah rendah unsur pertanian telah diterapkan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup yang merupakan mata pelajaran wajib untuk sekolah rendah. Tajuk-tajuk pembelajaran yang berkaitan dengan pertanian adalah tanaman hiasan dan tanaman sayuran, aktiviti pembelajaran dalam mata pelajaran ini melibatkan teori dan amali.

Di peringkat menengah pula, unsur pertanian diterapkan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang merupakan mata pelajaran wajib untuk sekolah menengah. Tajuk berkaitan pertanian yang dipelajari murid seperti perkebunan, *compost*, tanaman sayuran, ternakan ikan air tawar dan landskap.

Di peringkat menengah atas, mata pelajaran vokasional (MPV) menawarkan tiga mata pelajaran pilihan berunsur pertanian iaitu tanaman makanan, landskap dan nursery dan aquaculture dan haiwan rekreasi. Pembelajaran yang berkaitan dengan alam sekitar dan ekosistem juga diperkenalkan dalam aktiviti kurikulum seperti melalui Kelab Alam Sekitar dan Persatuan Pencinta Alam yang mendapat kerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar dan juga Persatuan Pencinta Alam dan NGO-NGO lain yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, kalau senarai yang saya dengar tadi atas jawapan itu telah diwujudkan dan dilaksanakan maka saya tidak nampak kesannya. Jadi, saya minta oleh kerana *average age*, dengan izin, petani-petani kita sekarang ini melampau atau melebihi 55 tahun dan masa depan kita ke arah pertanian disasarkan oleh kerajaan. Jadi, kita patut ada satu program praktikal, sampai kalau kita bawa pelajar-pelajar daripada Kuala Lumpur misalnya pergi ke desa, bila lembu batuk pun mereka lari. *[Ketawa]* Jadi, mereka tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Lembu tanduk.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Tak tahu macam mana.

Tuan Yang di-Pertua: Lembu tanduk.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Lembu tanduk, bukan patuk.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: 'Batuk'.

Tuan Yang di-Pertua: Lembu batuk?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: 'Batuk', Kalau tanduk larilah. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, ini batuk. Lembu batuk itu saya tahu pasal saya memang di dalam sains haiwan. Jadi,...

Seorang Ahli: Selesema.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Ya, Tidak. Jadi, saya minta kalau boleh kementerian kaji balik apa yang sudah ada untuk buat ianya lagi berkesan untuk mempraktikkan benda ini supaya pelajar-pelajar yang muda itu akan jadi *gentleman farmers*, dengan izin, kemudian hari. Soalan saya, bilakah boleh kementerian ini kemaskinikan program-program yang begitu banyak tak berkesan jadi berkesan. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan yang cukup baik. Kementerian Pelajaran memang bersetuju bahawa usaha harus diberikan supaya pelajar-pelajar kita lebih berminat bukan sahaja dalam bidang perniagaan dan sebagainya tetapi juga ada berminat dalam bidang pertanian yang mana negara kita ini memang cukup *conducive* untuk bidang berasaskan pertanian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang mata pelajaran yang diperkenalkan atau diajar dalam sekolah memang menunjukkan keberkesanannya, bukan tidak berkesan, saya cuma sebutkan satu contoh, mata pelajaran vokasional (MPV) yang tak lama telah diperkenalkan di sekolah menengah atas, memang menarik cukup ramai pelajar. Ini sudah menjadi satu mata pelajaran yang cukup diminati oleh para pelajar. Kita harap usaha-usaha ini akan terus kita lakukan dan minda generasi muda juga hendak diubah supaya pertanian juga merupakan satu punca kerjaya yang baik untuk generasi muda. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat setuju dengan Arau. Saya rasa pihak Timbalan Menteri tidak bergantung kepada jawapan yang disediakan. Cuba turun padang terutama sekali sekolah-sekolah di luar bandar. Kerajaan sekarang ini telah mengambil perhatian yang berat untuk menjadikan bidang pertanian ini bidang yang kompetitif dan boleh menyelamatkan import lebih daripada RM13 bilion. Jadi, saya tidak nampak, saya melawat. Di sekolah-sekolah menengah, sekolah-sekolah rendah saya yakin ekosistem landskap cukup baik. Ada pertandingan, tetapi ladangnya tidak ada, sama ada dalam kurikulum atau tidak. Cuba turun padang betul-betul. Kalau turun padang betul-betul saya percaya sebahagian sekolah menengah atau rendah di luar bandar yang rata-ratanya anak petani boleh dilatih dan boleh diarahkan untuk mencintai pertanian dengan kerjasama daripada

Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Haiwan. Kenapa ini tidak berlaku. Kalau pada zaman Inggeris dahulu berlaku, ada ladang. Ini tidak ada ladang, yang adanya landskap, pertandingan landskap yang cukup baik. Jadi, kalau Timbalan Menteri boleh melawat sendiri, jangan bergantung kepada jawapan itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab tidak bergantung semata-mata jawapan diberikan oleh pegawai saya walaupun jawapan disediakan cukup baik. Saya nafikan bahawa anggota kerajaan tidak turun padang. Kalau Yang Berhormat sengaja tidak mahu lihat sebenarnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Menteri saya sendiri turun padang melawat sekolah-sekolah luar bandar. Saya sendiri pun telah melawat sekolah menengah yang mengadakan MPV. Yang Berhormat, bukan tidak. Pasal itu saya jawab di sini bahawa MPV yang diperkenalkan memang cukup berminat. Cuma pada masa sekarang ini tidak mampu untuk memperluaskan supaya tiap-tiap sekolah menengah mempunyai kursus yang seumpama yang saya sebutkan tadi.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: *[Bangun]*

Dato' Hon Choon Kim: Jadilah beri peluang sedikit. Jangan semata-mata memburukkan kerajaan semata-mata kita tidak turun padang. Kalau kita tidak turun padang Malaysia tidak akan jadi Malaysia seperti sekarang. Jadi, Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Hon Choon Kim:adillah kepada pihak kerajaan, adillah kepada kementerian saya, itu yang saya hendak jawab kepada Yang Berhormat.

6. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:-

- (a) adakah skim bantuan ternakan lembu dan kambing yang diberi kepada penternak/petani selama ini benar-benar membantu meningkatkan ekonomi mereka; dan
- (b) berapakah jumlah bantuan yang telah dikeluarkan sepanjang skim ini dilancarkan sehingga akhir tahun 2004.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Skim bantuan ternakan lembu dan kambing yang diberikan pada penternak dan petani telah berupaya meningkatkan tahap sosioekonomi mereka di mana bilangan ternakan dan saiz pemeliharaan penternak-penternak tersebut telah bertambah. Berikutan dengan kesan yang menggalakkan itu pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah menerima banyak permohonan daripada penternak-penternak. Bagi memastikan skim ini terus dapat mencapai sasarannya dengan berkesan, maka Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah mengubah skim berkenaan berbentuk yang lebih komersial melalui pinjaman ternakan dalam jumlah yang lebih ekonomik. Skim tersebut dikenali sebagai Skim Transformasi Usahawan Sektor Ternakan.

Sepanjang pelaksanaan skim teras sehingga akhir tahun 2004 sebanyak 999 ekor lembu betina dan 2,306 lembu jantan telah diagihkan pada para penternak dan petani.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Soalan saya kesimpulannya ialah apakah skim yang telah dijalankan ini boleh meningkatkan taraf kehidupan dan ekonomi penternak. Kalau yang diberikan, minta maaf, ini yang kadang-kadang yang kita tidak faham Tuan Yang di-Pertua. Yang di bawah sistem teras ini 999 ekor lembu betina, selepas itu jantannya 2,306. *[Ketawa]* Jantan lebih banyak daripada betina, bila hendak berkembang biak. Kalau penternak ini bagi seekor, dua ekor apakah mungkin dia punya taraf ekonomi boleh meningkat.

New Zealand, Australia, India menjadi antara negara-negara pengeluar daging dan susu yang terkemuka di dunia. Lembu India memang tidak ada susu tetapi daging. Apakah tidak boleh kita meniru cara negara-negara ini supaya kita dapat mengurangkan pergantungan atau penggantungan import daging untuk negara. Saya tak faham sebenarnya apakah skim yang dibuat oleh Jabatan Haiwan ini hanya seperti kementerian ini ada bantuan, kita ada bantuan, tetapi bantuan yang tak seberapa yang tidak boleh mengubah sebenarnya. Seekor lembu, dua ekor lembu apa boleh ubah hidupkah?

Soal-soal yang berkaitan seperti pengeluaran, pemasaran tidak pernah sebenarnya diatur dengan lebih tersusun untuk mengarahkan penternak, petani kita supaya taraf mereka lebih tinggi. Tidak ada, tidak ada.

Ini antara projek kerajaan yang boleh dikatakan 'gagal', tidak serius. Minta maaf, saya bukan hendak menyentuh tentang jawapan Timbalan Menteri sahabat saya, tetapi ini saya mewakili penternak-penternak.

Tidak berjaya! Kementerian Pertanian gagal tentang ini. Saya ulang sekali lagi. Kementerian Pertanian gagal tentang projek skim ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Biar Menteri jawab. Yang Berhormat biar Menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hendak jawab. Rintihan, Tuan Yang di-Pertua. Parlimen ini tempat kita merintih masalah rakyat. Bukan soal jawab sahaja macam Timbalan Menteri Pelajaran tadi menjawab. Itu jawapan, hanya jawapan. Tetapi di atas bumi tidak berlaku. Itu yang dibangkitkan oleh pihak kawan kita tadi. Soal-soal bagaimana kerajaan serius dalam sesuatu perkara yang dibuat untuk rakyat.

Jangan main-main. Rakyat pada hari ini sudah abad ke-21, Tuan Yang di-Pertua. Sudah lama dijajah dan sudah berubah daripada abad ke-19, abad ke-20 dan di abad ke-21 kerajaan lebih peka kepada rakyat.

Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Yalah, kalau saya cakap macam ini Tuan Yang di-Pertua pula marahkan saya. Tetapi saya ini wakil rakyat datang daripada kampung dan desa mewakili rakyat. Kalau tidak saya yang hendak mengeluarkan pendapat di sini, di mana lagi rakyat hendak bersuara. Ho..... [*Dewan bersorak*]

Saya hendak mengingatkan pihak kerajaan jawapan jangan semata-mata jawapan. Jawapan mesti berjejak kepada kenyataan dan kalau ada kelemahan akui kelemahan dan perbetulkan. Itu yang kami mahu. Jangan hanya jawab tetapi setelah jawapan kosong - *no, nil* tiada kesan. Hendak jadi apa?

Tengoklah dalam skim ini, Skim Teras konon yang dibuat untuk cara bersepadu, 999 ekor betina, 2,000 lebih jantan. Jantan yang lain menganggur, Tuan Yang di-Pertua. [*Dewan riuh*] Tidak tahan dia 900. Jadi, satu ekor lembu betina hendak kena 3 ekor lembu jantan, dahsyat ini! Tidak munasabahlah, Tuan Yang di-Pertua. Macam mana kita hendak menjadi negara pengeluar daging kalau yang betinanya sedikit. Sepatutnya yang betina 10,000 yang jantan 2,000. Satu ekor untuk lima baru padan.

Kita bukan tidak tahu nafsu kambing atau lembu ini dia boleh 20 - satu dengan 20. Ini terbalik. Terbalik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua bersetuju dengan saya?

Tuan Yang di-Pertua: Bersetuju. *[Dewan riuh dengan ketawa]* Kali ini sudah dua peristiwa mengenai lembu dibangkitkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang pertamanya bagi pihak kementerian kita kata skim pawah kita ini berjaya. Sebagai bukti saya hendak sebutkan di sini kita boleh tengok lembu yang banyak di kawasan Jengka. Itu adalah hasil daripada skim pawah kita.

Kalau kita tengok Jengka pada mulanya dibuka mana ada lembu. Itu satu tanah rancangan di bawah skim kita, maka kita dapat lihat bilangan lembu - populasi lembu itu sampai di atas jalan pun banyak lembu. Ini buktinya. Dahulu kita berikan seekor sahaja, selepas itu kita berikan 10 ekor. Pada tahun 2005 kita dapati projek ini berjaya dan kita telah meningkatkan kepada 20 ekor lembu betina. Kita dijanjikan di bawah - dalam tahun 2005 sebanyak RM5 juta. Maksudnya kalau kita bagi seorang petani 20 ekor lembu betina lebih kurang 125 orang akan dapat. Lembu jantan ini dia di bawah peruntukan yang lain. Yang kita berikan kepada petani 20 ekor lembu betina seekor lembu jantan. Kita di Kementerian Pertanian kita faham, seekor lembu jantan berapa ekor lembu betina diperlukan. Bukan maksudnya dalam jawapan saya tadi itu lembu jantan itu diberi kepada petani-petani/penternak yang tidak terlibat di bawah Skim Teras ini pun kita berikan juga.

Ini di antara perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan, bukan kepada petani-petani yang dapat 20 ekor sahaja. Banyak lagi petani-petani yang mampu mengusahakan penternakan secara sendiri tidak bergantung pada skim ini. Mereka memerlukan perkhidmatan jadi kita bagi lembu jantan. Lembu jantan itu banyak bukan untuk bagi Skim Teras sahaja. Lembu jantan ini diberikan kepada orang lain lagi, kepada orang-orang yang tidak terlibat di bawah skim ini. Mereka pun juga perlukan

'penjantan' yang baik. Jadi, penjantan yang baik ada pada Jabatan Perkhidmatan Haiwan, maka kita berikan.

Janganlah katakan kita ini tidak faham, bagi lembu jantan lebih daripada lembu betina. Kita faham, kita boleh terangkan. Jangan tuduh seolah-olah kita berikan maklumat ini lembu jantan lebih daripada lembu betina. Tidak betul. Lembu betina.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya berteraskan kepada jawapan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Ya. Saya hendak kupas. Saya hendak terangkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya, apabila Yang Berhormat menjawab kata betina 900 dan jantan 2,000 kita tidak faham. Ini di bawah projek Teras. Ini masalahnya.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Sekarang bagi saya terangkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat, yang penting untuk rakyat. Soal kita bertelagah itu tidak penting, yang penting apakah pertelagahan itu menguntungkan rakyat.

Seorang Ahli: Jangan marah, Timbalan Menteri. Tidak payah marah.

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri minta jawab.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Saya tidak marah. Saya beritahu tidak betullah kalau kita bagi lembu jantan lebih daripada lembu betina. Jadi saya tambah lembu jantan ini kita bagi.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berapakah kadar yang optimum di antara lembu jantan dengan lembu betina?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, seekor lembu jantan kita bekalkan 20 ekor lembu betina.

Tuan Yang di-Pertua: 20?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: 20. Jadi lembu jantan ini bukan untuk skim ini sahaja, tetapi kepada orang ramai yang memerlukan perkhidmatan ini kita bagi. Saya ingat ini ada sedikit kekeliruan. Jadi saya perjelaskan supaya kekeliruan ini tidak timbul.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panang]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik. Faham. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dari hasil jawapan tadi saya ingin mendapat jawapan daripada pihak Menteri iaitu maksud pinjaman Teras transformasi usahawan ternakan ini diberi kepada orang perseorangan ataupun diberi kepada satu kelompok penternak-penternak, dan adakah bantuan kambing dan lembu ini digunakan juga, diberikan secara percuma tidak dengan bentuk pinjaman Teras transformasi usahawan ternakan ini. Kenapa disebutkan tadi semuanya lembu? Adakah ternakan-ternakan lain seperti kambing biri-biri juga diberi bantuan seperti ini?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Kita berikan pinjaman lembu ini dan kambing pun kita bagi dan syarat-syaratnya ialah pengusaha itu mestilah berkeupayaan dan ada kawasan. Keupayaan dia dari segi kesungguhan dia untuk menternak secara yang komersial dengan bilangan yang lebih banyak. Jadi ada kita bagi lembu dan ada kita bagi kambing kepada pemohon-pemohon yang layak. Mereka seperti yang saya katakan tadi, mestilah berkeupayaan dan ada kawasan untuk dijalankan ternakan, jadi mereka bolehlah mengemukakan permohonan melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan yang ada di negara kita.

7. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) setakat manakah keberkesanan pelaksanaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam usaha membanteras jenayah seksual yang khususnya melibatkan kanak-kanak wanita yang semakin meningkat; dan
- (b) berapakah jumlah kes jenayah seksual yang telah diselesaikan setakat ini yang melibatkan wanita dan kanak-kanak.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, PDRM sentiasa berusaha untuk membanteras dan mencegah aktiviti jenayah seksual di negara ini. Walau bagaimanapun jumlah kes yang dilaporkan sentiasa meningkat. Ini tidak bermakna PDRM gagal dalam menjalankan

tugas, tetapi ia adalah disebabkan beberapa faktor yang menjadi penyebab peningkatan jumlah kes bagi jenayah seksual.

Di antara penyebab yang mempengaruhi peningkatan jumlah kes adalah peningkatan populasi di Malaysia, institusi keluarga yang lemah, pengaruh rakan sebaya, pengaruh persekitaran, sikap perwatakan yang lemah dan pengaruh ICT.

Bagi soalan (b), daripada perangkaan jelas menunjukkan bahawa PDRM telah berjaya menyelesaikan kes-kes jenayah seksual kebelakangan ini. Ini jelas, pada tahun 2003 PDRM telah berjaya menyelesaikan 78% kes jenayah seksual atau 2,548 kes daripada 3,286 kes yang dilaporkan. Manakala pada tahun 2004 pula, sebanyak 3,939 kes telah dilaporkan daripada jumlah tersebut. Sebanyak 3,255 kes atau 83% telah berjaya diselesaikan oleh PDRM.

Bagi tempoh Januari hingga April 2005, PDRM telah berjaya menyelesaikan 1,094 kes daripada 1,313 kes yang dilaporkan. Ini menunjukkan keberkesanan pihak PDRM dalam usaha untuk membanteras gejala jenayah seksual negara pada masa ini. PDRM telah berjaya menyelesaikan hampir kesemua kes-kes yang telah dilaporkan ke muka pengadilan. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya cukup tertarik dengan kenyataan bahawa kita dapat menyelesaikan begitu banyak kes-kes yang melibatkan kanak-kanak dan wanita ini. Cuma saya hendak bertanya tentang penubuhan apa yang dipanggil *Child Protection Unit* ataupun Unit Perlindungan Kanak-Kanak pada 26 Februari 2001, yang mana memberi konsep mesra kanak-kanak di kalangan polis dan mangsa.

Dan, saya juga diberi faham bahawa terdapat lebih kurang 112 rakaman dijalankan oleh pihak polis kepada mangsa kanak-kanak ini. Soalan saya, adakah penubuhan unit ini telah menyumbang kepada meningkatnya kadar penyelesaian kes terutamanya kepada mangsa kanak-kanak yang sesungguhnya mempunyai trauma yang tinggi selepas berlakunya jenayah seks kepada mereka. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Buat masa ini kes kanak-kanak dikendalikan oleh Unit Siasatan Sosial, iaitu di 9B. Sebenarnya, PDRM telah pun mengajukan permohonan kepada kerajaan untuk menaikkan tarafnya kepada sebuah Bahagian. Sehingga hari ini, kita masih menunggu kelulusan daripada

pihak kerajaan untuk PDRM menubuhkan Bahagian Kanak-kanak yang berasingan di PDRM untuk menangani kes kanak-kanak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya akhiri sesi soal jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

11.11 pg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan Mesyuarat. Saya rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 26(1) yang berbunyi:

“Kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, usul-usul yang hendak dibawa ke dalam mesyuarat hendaklah didahulukan dengan pemberitahu kecuali usul-usul yang tersebut di bawah ini:”

Bererti notis dan perlu didahului dan saya rujuk kepada 26(1)(p):

26(1)(p) - “Usul berkenaan dengan hak dan kebebasan semasa kejadian itu berlaku”.

Dan kejadian itu berlaku adalah interpretasikan yang Tuan Yang di-Pertua, sudah tahu, *first available opportunity* dan tujuan saya *invoke Standing Order* ini ialah untuk mencadangkan satu usul untuk merujuk dua Ahli Parlimen kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan ialah Ahli Parlimen Mersing, Timbalan Menteri Kesihatan dan Ahli Parlimen Teluk Kemang, Yang Berhormat Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Sumber Asli.

Dan usul saya di sini sebelum Tuan Yang di-Pertua membuat suatu keputusan. Usul yang saya berhasrat untuk kemukakan ialah:

“Bahawa Dewan ini mengambil tahu bahawa semasa *debate* atas Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat 18(1) terhadap Ijazah Perubatan Crimea State Medical University (CMSU), Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan, Yang Berhormat bagi Telok Kemang telah mengatakan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad tidak bercakap benar, selepas beliau telah memperingatkan Yang Berhormat bagi Mersing

untuk bercakap benar dengan spesifik atas kenyataan bahawa 200 graduan perubatan daripada universiti-universiti terjadual atau *unscheduled university* semua keturunan India telah diberi peluang tambahan apabila mereka seharusnya tidak patut diberi peluang selepas gagal tiga kali dalam peperiksaan kelulusan perubatan.

Ini telah direkodkan di dalam *Hansard* hari Selasa yang bertarikh 21 Jun 2005, muka surat 126, di mana Yang Berhormat bagi Telok Kemang telah pertama kali mencelah Yang Berhormat bagi Mersing dengan peringatan. Saya *quote* di sini:

“Cakap yang benar, cakap yang benar”, dan kemudian dia ada kata, “Jangan kata yang tidak benar.” Bererti dia bercakap tidak benar. Dan, mengambil ketetapan untuk merujuk kedua-dua Yang Berhormat bagi Mersing dan Yang Berhormat bagi Telok Kemang kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan untuk menentukan siapa yang telah memesong Parlimen dalam penghujahan sesuatu yang tidak benar dan memutuskan tindakan disiplin yang patut diambil kepada pihak yang didapati salah. Saya harap bahawa satu ruling dibuat supaya membenarkan saya kemukakan usul ini dan diikuti dengan satu perbahasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin masa sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Tiada boleh tangguh. Tentu Yang di-Pertua untuk timbang perkara ini dalam masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah mendapat bukan usul daripada Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mengenai perkara-perkara yang dikatakan oleh Yang Berhormat yang mengatakan bahawa Ahli Yang Berhormat bagi Mersing dan juga Yang Berhormat bagi Telok Kemang menyatakan perkara yang tidak benar. Ya?

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh itu, dengan itu, beliau menghendakkan bahawa satu usul yang dibawa oleh beliau mengenai perkara ini dibawa kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Saya telah melihat dan membaca Peraturan Mesyuarat 26(1) dan di sini saya rujukan 26(1)(p) di mana kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini usul-usul yang hendak di bawa dalam mesyuarat ini hendaklah didahulukan dengan pemberitahu kecuali usul-usul yang tersebut di bawah ini iaitu (a) sampai (e). Dan, saya dapati bahawa perkara-perkara yang menjadi subjek usul yang

hendak dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor itu jatuh di bawah 26(1)(p). iaitu usul berkenaan dengan hak dan kebebasan semasa kejadian itu berlaku. Maka perkara itu telah pun berlaku, semalam dan oleh itu usul ini tidak boleh dibawa pada hari ini. Itu adalah.....

Tuan Lim Kit Siang: Bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Jadi, saya akan berikan usul yang bertulis dengan notis yang biasa.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AGENSI PEKERJAAN SWASTA (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [22 Jun 2005]

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat bagi Jasin untuk terus menyambung.

11.19 pg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Walaikumsalam.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kita perbincangkan sejak hari kelmarin, semalam dan hari ini membuat satu liputan dalam akhbar dan juga televisyen, akhirnya malam tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh tidur. Saya tidak boleh tidur kerana dihujani oleh SMS dan telefon mengucapkan ribuan terima kasih kepada Parlimen ini kerana mengetengahkan masalah yang kita hadapi pada masa ini.

Rupa-rupanya masalah yang kita perbincangkan ini bukan sahaja mendapat perhatian khusus kepada sahabat-sahabat saya Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli

Parlimen, pegawai-pegawai kerajaan, rupa-rupanya masyarakat, rakyat jelata di dalam negara ini bersama-sama kita.

Kerana pada hari ini kita lihat, kita

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya baru hendak mula. Silakan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jasin. Semalam saya juga terima banyak panggilan dan juga sms tetapi bukan mengenai rang undang-undang yang kita bahaskan sekarang tetapi adalah mengenai keputusan Kabinet untuk menggantung Timbalan Menteri Sumber Asli itu, yang mana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkara ini tidak berkaitan dengan perkara yang sedang kita bangkitkan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Berkaitan dengan sms yang Yang Berhormat kata itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau sms itu adalah berkaitan dengan rang undang-undang Akta Pekerjaan Swasta, boleh bangkit.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, sekarang yang Timbalan Menteri itu sudah hilang jawatannya selama 3 minggu, 3 bulan. Jadi, dia tidak ada kerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri Sumber Manusia ada. Cukuplah, duduk.

Seorang Ahli: Duduk, duduk, duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sekarang kita bahaskan Agensi Pekerjaan Swasta, jadi mungkin Parlimen boleh timbangkan bagi dia kerja. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tarik balik kebenaran saya. Suruh dia duduk, Tuan Yang di-Pertua. Ini pun kita kena kemukakan kerana mengganggu perjalanan ucapan saya, *[Disorak]* kerana saya pun hairan semasa perbahasan tahun sudah dan juga baru-baru ini apabila kita bincangkan tentang alam sekitar mereka inilah yang suruh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu berhenti. Hari ini pulak konon, eh! Hendak perjuangkan pula, Allah, sudahlah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini saya sudah bercakap banyak kali di dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan perkara-perkara yang berlaku di Imigresen

Damansara, yang melibatkan pekerja asing, yang mana ada *kasus-kasus* berkenaan pasport terbang, agensi-agensi haram yang bergerak ikut suka hati mereka. Baru-baru ini kita pun lihat dalam surat khabar berkenaan dengan bon-bon, jaminan-jaminan bank untuk pekerja asing yang dikemukakan kepada Jabatan Imigresen Malaysia yang didapati adalah bank guarantee dan juga jaminan-jaminan bank yang palsu. Tetapi sehingga hari ini kita belum dengar lagi apakah tindakan daripada pihak kerajaan dan kita hendak tahu juga agensi mana yang bertanggungjawab.

Sebagai contoh pada hari ini rang undang-undang yang kita perbincangkan hari ini, Akta Agensi Pekerjaan Swasta, adakah dengan adanya rang undang-undang ini kita memberi kuasa kepada Kementerian Sumber Manusia untuk bertindak mengikut akta dalam undang-undang ini hanya kepada agensi-agensi berdaftar sahaja ataupun individu-individu yang lain *calo-calo* ini, penduduk-penduduk tetap, pemastautin-pemastautin tetap IC merah ini yang menjalankan kerja-kerja sebagai agensi dekat jabatan-jabatan imigresen hari ini. Mengapa orang-orang ini Kementerian Sumber Manusia tidak pergi check? Deretan pejabat-pejabat di keliling Jabatan Imigresen Damansara pada hari ini, mengapa Kementerian Sumber Manusia ini tidak pergi check adakah lesen bawah akta ini bergantung atau tidak? Adakah mereka mempunyai lesen atau tidak? Kalau kita....

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya! Sila.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Sungguh kagum kita mendengar Jasin begitu lama bercakap dan faham mengenai pendatang. Saya tertarik mengenai dengan jabatan yang disebutkan tadi iaitu Jabatan Imigresen dan Jabatan Sumber Manusia. Saya hendak tanya Yang Berhormat Jasin sebagai satu Yang Berhormat yang berpengalaman dengan masalah ini, dua-dua kementerian ini berhak memasukkan pekerja-pekerja asing.

Saya hendak tanya dengan pandangan Yang Berhormat ini, mana satu yang berhak yang lebih berhak sedangkan kita ada membuat pindaan dasar memasukkan pekerja asing ini dan sumber manusia lebih berhak, saya kira. Setuju tidak, Yang Berhormat, kalau pendatang-pendatang asing ini dibenarkan masuk mengikut

Kementerian Sumber Manusia? Apakah pendapat Yang Berhormat, mengenai dengan ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, sahabat saya daripada Kuala Krai. Ini bukan yang mana satu berhak. Kalau kita melihat masalah yang sedang menimpa negara kita pada hari ini, kalau kita lihat tentang dalam segi keselamatan, kalau kita lihat dalam segi apa yang sedang berlaku pada hari ini, sudah sampai masa dan ketikanya melalui Parlimen ini kita dapati bahawa dua-dua jabatan ini gagal. Gagal. [Disampuk]

Datuk Ronald Kiandee: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sila.

Datuk Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar dari semalam dan hari sebelum semalam, banyak pendedahan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin. Pendedahan mengenai aktiviti *calo-calo*, pendedahan mengenai *certificate* yang dikatakan tidak tulen dan hari ini kita mendengar bahawa aktiviti mengenai kertas bon yang dikatakan juga diragui. Saya ingin penjelasan daripada Jasin adakah Jasin ingin mencadangkan agar satu siasatan dilakukan oleh kerajaan terhadap mana juga pihak sama ada Imigresen, Jabatan Buruh dan sebagainya yang tersenarai dalam ucapan hujah-hujah Jasin ini. Adakah siasatan dilaksanakan? Adakah Yang Berhormat mencadangkan agar siasatan besar-besaran dijalankan oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kita berharap yang itu kerana itulah sebab tujuan kerajaan memisahkan. Kalau dahulu semua duduk di dalam KDN, hari ini kita ada dua, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kalau dahulu mungkin yang akan menjalankan siasatan mungkin SB. Duduk dalam satu kementerian, dia satu keluarga, dia ngek ngok, ngek ngok, ngek ngok, selesai macam itu sahaja tetapi hari ini sudah berasing. Dan, kalau pihak polis lebih-lebih lagi *special branch* menjalankan siasatan yang mana masalah yang kita hadapi pada hari ini boleh mengganggu-gugat keselamatan negara, saya kira benda ini akan terbongkar.

Benda ini akan terbongkar kerana kita boleh lihat anak muda sekolah pun tidak tinggi, hari ini mempunyai kereta yang saya ingat menteri pun sudah tidak boleh pakai

apatah lagi kita Ahli Parlimen, membuat kerja buruh asing. Mengapa dia boleh? Walhal syarat kita *direct hiring* oleh majikan-majikan tetapi pada hari ini *calo-calo* yang hidup senang lenang, lebih hebat daripada kita punya *six million dollar man* dahulu. Lebih hebat, dan kita pun tahu anak siapa? Keluarga siapa? Kita tahu. Takkan kita hendak berdiam diri sampai hari ini, yang mana akan mengganggu-gugat keselamatan negara, lebih-lebih lagi pada hari ini, bukan kata sahaja bon palsu, bank guarantee palsu kalau kita mensyaratkan tiap-tiap pembantu rumah atau pekerja asing masuk ke negara kita mesti melalui pemeriksaan kesihatan daripada negara-negara sumber.

Hari ini bila-bila saya rasa, kalau pihak polis hendak pergi rush, SB hendak pergi rush dekat Damansara, boleh dapat certificate kesihatan palsu yang sentiasa ada di sana dan boleh dibeli dengan harga tertentu. Ada, semuanya palsu. Jadi, jangan pelik pada hari ini kalau kita dengar sebab kita menghadapi balik masalah kesihatan yang dahulu tidak pernah kita dengar. Sudah habis sudah penyakit-penyakit yang berjangkit dalam negara kita, hari ini sudah datang balik kerana dibawa oleh buruh-buruh asing yang mengemukakan *certificate* palsu ini yang boleh dibeli dengan mudah.

Adakah kita hendak duduk diam dan saya sudah kemukakan ini dahulu semasa kita membincangkan soal-soal imigresen dahulu, sampai hari ini tidak ada tindakan dibuat. Itulah sebabnya saya katakan dua-duanya tidak relevan lagi sudah. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri biar dia jaga Imigresen dia, biar dia jaga Rela dia. Kementerian Sumber Manusia biar dia jaga latihan untuk orang-orang kita, biar dia jaga ataupun dia jaga lesen. Jagalah kau punya lesen ini tetapi urusan pengambilan buruh asing ini.

Saya mencadangkan di dalam Dewan ini untuk diwujudkan satu jabatan khusus, *report direct* di bawah Pengerusi Jawatankuasa Kabinet berkenaan dengan pengambilan buruh asing ini yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. *Report direct* pada dia kerana pada hari ini arahan daripada Jawatankuasa Kabinet ini yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri pun tidak dihormati oleh orang-orang tertentu di dalam kementerian dan ada pula *announcement* bagaimana yang dibuat usul semalam oleh rakan saya bagi Larut.

Jawatankuasa Kabinet berkenaan dengan pengambilan buruh asing pun tidak tahu, menteri pula boleh buat *statement* yang membenarkan pekerja-pekerja yang

hendak bekerja di Malaysia daripada Indonesia boleh masuk ke Malaysia tanpa apa-apa visa ataupun *calling* visa ataupun apa sahaja. Dengan hanya *social visit* dan pas pelancong masuk boleh bekerja dekat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ini menjadi bahan ketawa negara-negara sumber kita. Kita tengok negara kita, negara Malaysia dasar luar kita. Kita memang agak *firm*, tidak berubah dasar-dasar luar kita. Menteri-menteri Luar kita sudah buat kerja baik, dasar kita daripada dahulu sampai hari ini tidak berubah-ubah tetapi isu pengambilan pekerja asing ini 6 bulan cerita lain, 3 bulan cerita lain. OPS Tegas sahaja berapa kali berubah.

Yang kena tsunami, Aceh. Banyak pekerja-pekerja yang duduk cara *illegal* ataupun cara tidak rasmi di dalam negara kita ini adalah mereka-mereka daripada Kepulauan Lombok, daripada Kepulauan Madura, daripada Pulau Jawa. Apa ada kena mengena dengan Aceh yang boleh membebankan mereka? Yang kena tsunami, Aceh dan tidak ada rakyat Aceh yang menjadi pekerja di sini, yang banyak orang-orang Lombok, orang Madura, orang Jawa Timur. Seheinggakan asosiasi-asosiasi pembekal pekerja asing yang berada di Indonesia pada hari ini ketawakan kita.

Itulah sebabnya pada hari ini kita mengeluh, kita hendak marah agensi kerana menaikkan harga pembantu rumah dibekalkan oleh majikan kerana mengikut daripada laporan daripada Persatuan Penyalur Pekerja Asing Tenaga Indonesia (ABJATI), asosiasinya di sana dia meletakkan bahawa Malaysia sebagai negeri yang terakhir calon negeri yang terakhir untuk menghantar pembantu rumah dia, apabila di Arab tolak, di Taiwan tolak, di Hong Kong tolak, di Singapura tolak, apa semua negara tolak, *last* sekali yang hampas ini hantar dekat Malaysia.

Itu sebabnya kalau kita lihat pada hari ini Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, kita lihat pada hari ini kita sedang menghadapi masalah berkenaan dengan pembekalan pembantu rumah. Kita mendapat pembantu-pembantu rumah daripada negara sumber yang tidak ada kualiti kerana kita diberi sebagai *last preference*. Itulah sebabnya masalah yang banyak di dalam negara kita tentang pembantu rumah dan hari ini pula harga yang ditetapkan oleh agensi di seberang sana kepada agensi kita adalah di kalangan yang tertinggi.

Masalah yang saya kata tadi, kalau kita tidak tangani masalah ini secepat mungkin dengan wujudnya satu jabatan khas untuk mengelolakan masalah yang

dihadapi oleh negara kita berkenaan dengan pekerja asing kerana mengikut pada hari ini bukan satu jumlah yang kecil. Jumlah yang rasmi daripada pekerja asing yang ada dalam negara kita pada hari ini sudah meningkat hampir 1.5 juta orang. Sudah melebihi 6%, 7% daripada keseluruhan jumlah penduduk di dalam negara kita.

Oleh demikian masalah-masalah hari ini sudah timbul macam-macam masalah. Saya kira kedua-dua kementerian ini tidak dapat menangani masalah yang ada, tidak dapat menangani. Adakah kita hendak biarkan lagi masalah yang kita hadapi ini berterusan yang mana akhirnya besok nasi akan menjadi bubur. Bubur bila lama-lama masak besok dia akan jadi arang siapa hendak makan bubur yang sudah menjadi arang.

Akhirnya besok bila masalah ini berlanjutan, tidak ada sistem yang kita gunakan untuk mengatasi masalah tenaga kerja kita takut industri-industri di dalam negara kita ini akan keluar ke negara-negara lain dan negara kita akan terima padahnya.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini, semalam kita cerita tentang kebanjiran mamak-mamak restoran. Hari ini keluar dalam surat khabar *The New Strait Times*, berkenaan dengan kewujudan mamak-mamak restoran hari ini sudah menjadi satu *culture*, satu kebudayaan orang-orang kita. Yang mana pada hari ini mendapat sambutan daripada anak-anak muda yang boleh duduk lepak di kedai-kedai mamak, yang duduk di tepi-tepi jalan dengan televisyen-televisyen besar. Anak-anak kita melihat pertandingan bola sepak di kedai mamak yang buka 24 jam, yang ini pun kita kena lihat

Dalam segi kesihatan saya penuh yakin dan percaya hari ini kalau kedai mamak ini dibiarkan dalam tempoh 5 tahun, 10 tahun besok 100% rakyat Malaysia ini akan menghidap kencing manis dan darah tinggi kerana tidak berhenti makan, Tuan Yang di-Pertua. Yang mamak ini bukan orang Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya, jiran saya. Jasin tadi menyebut tentang kebimbangan pekerja-pekerja yang dibawa daripada luar negara bekerja di kedai-kedai mamak. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun suka juga kedai mamak, semua orang suka.

Jasin menyebut tentang kebimbangan kencing manis tetapi Jasin, yang saya nampak sekarang bukannya kencing manis bimbang dengan penyakit-penyakit yang

dibawa daripada luar negara. Sebab yang kita bawa daripada luar negara ini saya tengok daripada India pun ramai, daripada Pakistan pun ada, daripada Myanmar pun ada. Semalam saya jumpa orang daripada Myanmar di IOI Golf Course dia jadi *starter*.

Orang Myanmar daripada luar negara dia jadi *starter* Golf Course. Saya pun pening juga dari mana mereka datang, macam mana dia boleh bekerja di sini. Kita tengok penyakit tadi, kalaulah perkara ini tidak dikawal dengan sebaik-baiknya saya bimbang dengan kebanjiran yang begitu mudah, dengan kebanjiran yang berlaku dalam negara kita makna mereka mudah datang. Saringannya entah bagaimana walaupun ada panel kesihatan yang ditubuhkan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi, saya bimbang, sudahlah mereka bekerja di restoran-restoran mamak. Pada saya, lagi lebih mudah mereka menyebarkan penyakit yang dibawa daripada luar negara, buktinya sekarang sudah ada, tiba-tiba digegarkan dengan satu senario, penyakit TB, Tuan Yang di-Pertua. Penyakit TB dalam keadaan satu ketika dalam beberapa bulan yang lalu dalam keadaan kritikal di negara kita. Saya yakin ianya bukan datang dari dalam negara kita, datang daripada luar negara. Dan saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, akan datang entah apa lagi penyakit yang datang. Sila Yang Berhormat bagi Jasin ulas. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Ledang yang bijaksana dan saya minta supaya ucapan Yang Berhormat bagi Ledang ini menjadi sebahagian daripada ucapan saya kerana masalah yang dihadapi di Ledang ini, Tuan Yang di-Pertua, sama juga. Apabila restoran mamak ini bertapak di pekan Tangkak ini, Tuan Yang di-Pertua, dia boleh sewa dua, tiga biji kedai dan di Tangkak hari ini sewa kedai bukan murah, RM5,000 satu kedai, 2 kedai RM10,000, dia boleh berniaga.

Dan apabila wujudnya dekat Tangkak pada hari ini, kedai-kedai orang tempatan, warung-warung anak tempatan, tidak kira bangsa, warung Melayu, baik warung orang Cina, baik makanan orang India kecuali sup itu memang mamak tidak boleh buat, sup Tangkak terkenal. Tuan Yang di-Pertua tahu sup Tangkak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak tahu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Oh, Tuan Yang di-Pertua kena datang, Tuan Yang di-Pertua, sup lembu yang mana yang itu sahaja mamak tidak boleh lawan, dia yang *survive*. Yang lain hampir semua sudah hendak ditutup kerana mamak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang Yang Berhormat hendak bantu wakil rakyat Tangkak, kemukakan masalah Tangkak.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Kerana mamak ini, Tuan Yang di-Pertua, memang kita tahu kadang kala macam saya cakap tadi, semalam, Tuan Yang di-Pertua, cakap pun tidak berapa hendak reti, bagaimana hendak *serve* orang kita? Itulah sebabnya restoran mamak ini, Tuan Yang di-Pertua, macam di Tangkak ini, dia bagi teh ais nombor satu, teh 'o-peng' nombor dua, milo ais nombor tiga, jadi dia minta kita pelanggan datang tunjuk nombor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kesemua ini tidak berkaitan dengan pekerjaan di Tangkak.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ha, lebih kurang macam itulah, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi yang menyedihkan, Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir ini kita lihat ada yang restoran mamak ini, dia siapkan pekerja dia ini dengan uniform-uniform. Kita bangga juga ada di antara mereka ini yang buat uniform daripada warna bendera Malaysia kerana hendak menarik orang kita. Tetapi ada juga yang saya tengok, Tuan Yang di-Pertua, "Go India" di belakang baju itu. Dia kempen pula, dia kempen kepada orang Malaysia supaya pergi melawat India, di baju dia "Go India". Itu tidak apa.

Berkenaan dengan makanan tadi, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bawa penyakit, saya minta Kementerian Sumber Manusia beritahu Kementerian Kesihatan mengenai masalah pekerja asing di negara kita ini, selain daripada yang boleh membawa penyakit kencing manis dan darah tinggi, Tuan Yang di-Pertua, masakan India ini yang menjadi sedap, saya difahamkan dia menggunakan satu bahan lebih kurang macam ganja, Tuan Yang di-Pertua. Lebih kurang macam ganja *ingredient* dia.

Pada orang Melayu kita di Malaysia, dia tahu benda itu ialah kas-kas namanya. Kas-kas ini, Tuan Yang di-Pertua, orang kalau makan dia akan ketagih dan Kerajaan Singapura pada hari ini sudah mengharamkan *ingredient* kas-kas ini kerana ia punya efek lebih kurang macam ganja, membuatkan orang ketagih. Dan saya penuh yakin dan percaya kesemua restoran mamak di Malaysia ini, dia akan menggunakan bahan ini sebagai *ingredient* dia, satu jenis rempah bernama kas-kas, itulah sebabnya orang-orang kita tergilagila pada mamak hari ini, Tuan Yang di-Pertua ketagih tidak kena roti mamak, tidak kena dia punya dal mamak, kurang...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Sebenarnya selama ini saya pun tertanya-tanya kenapa orang suka sangat kepada restoran mamak 24 jam ini. Jadi sekarang saya sudah dapat istilah kas-kas itu. Jadi mungkin saya akan tinjaulah kalau ia bahan yang begitu menarik dan menyedapkan. Tetapi yang lebih penting yang saya hendak nyatakan di sini dalam konteks Sabak Bernam ialah restoran mamak 24 jam ini telah menjadi satu saingan yang telah menyebabkan gerai-gerai tempatan, khususnya bumiputera mengeluh dan ada di antaranya telah pun tutup, bungkus.

Jadi oleh sebab itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Jasin, apakah tidak ada kewajaran supaya satu bentuk peraturan diadakan khususnya yang menyentuh mengenai gerai mamak 24 jam ini. Ini bukanlah soal kita benci atau tidak suka kepada gerai-gerai itu, tetapi di situ sepatutnya ada unsur yang kita harus lihat bahawa pengusaha tempatan ini tidak teraniaya dalam konteks wujudnya gerai-gerai ini. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Masalah kita pada hari ini, pihak PBT kita dan juga jabatan-jabatan pihak penguat kuasa kadang-kadangnya Yang Berhormat, bila usaha-usaha ataupun perusahaan yang dibuat oleh anak tempatan, dia pandai cari salah. Ini tidak boleh, itu tidak boleh. Tetapi kalau perusahaan yang dibuat oleh orang luar, pendatang tanpa izin ini, semua boleh. "Huh, mamak ini baguslah."

Kalau kita lihat hari ini kedai mamak yang menjadi tarikan dia apa. Televisyen 42 inci, *cable network*, *speaker* dia, amplifier dia besar-besar yang membuat orang kita ini tertarik kepada dia. Tetapi cuba orang Sabak Bernam, gerai makcik kita, Kak Yah kita itu buat macam itu, kalau tidak ada pihak PBT nanti datang, "di mananya kau punya cukai hiburan kerana menunjukkan wayang gambar besar dekat kedai," katanya. Mana yang ini, mana yang itu?

Pernahkah PBT datang *check* kedai mamak ini bersih atau tidak bersih? Dia buka 24 jam, kalau orang-orang kita ini kejam dia datang, kejam dia datang, selongkar sini, selongkar sana. Kalau hendak ikut dari segi kesihatan, kadang kala kalau kepala ikan itu dimasak waktu pagi, masih ada sampai besok pagi, adakah dari segi kesihatan ini, dari segi mutu pemakanan ini, adakah ini baik untuk dimakan oleh orang kita? Baiklah yang sudah bermalam, sudah berhari-hari? Jawabnya, tidak baik. Tetapi cuba orang kita...

Dr. James Dawos Mamit: [*Bangun*]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila, Yang Berhormat bagi Mambong dahulu.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jasin. Saya pada pagi ini memang amat tertarik dengan satu *lecture* berkenaan dengan makanan mamak kerana di Sarawak, kita jarang dapat makanan mamak, susah hendak dapat makanan mamak. Tetapi pada pagi ini disebut macam-macam tentang *ingredients* yang digunakan di dalam makanan mamak termasuk satu *ingredient* yang berciri dadah. Apa nama dia itu?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kas-kas.

Dr. James Dawos Mamit: Kas-kas, nama dia kas-kas. Selain daripada itu, kemungkinan mamak ini yang membuka restoran di negara kita mungkin pandai membuat *marketing* untuk makanan mereka. Tadi Yang Berhormat sebut juga sup Tangkak. Sup Tangkak ke? Sup apa itu tadi yang boleh bersaing dengan makanan mamak itu? [*Disampuk*] Ha, yang mamak tidak boleh lawan, di mana itu?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Di Tangkak.

Dr. James Dawos Mamit: Sup Tangkak. Kita pun tidak tahu macam mana dia boleh jual sup Tangkak dan boleh bersaing, tetapi Tuan Yang di-Pertua, malam tadi saya bincang dengan seorang *specialist* bioteknologi, dia mengatakan bahawa Tongkat Ali ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya hanya takut nanti kesemua ini masalah mamak tidak

ada orang boleh jawab daripada pihak kerajaan kerana kita ada Akta Agensi Pekerjaan Swasta dan yang menjawabnya Menteri Sumber Manusia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Heh...*[Ketawa]*

Dr. James Dawos Mamit: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ini semua ada kaitan kerana saya belum ada soalan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada kaitan kah?

Dr. James Dawos Mamit: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa sebab ada kaitan?

Dr. James Dawos Mamit: Ada kaitan. Sebab kalaulah rakyat Malaysia menggunakan tongkat ali di dalam masakan kerana sekarang didapati bahawa ia mengandungi satu kompaun yang boleh menyembuh kanser.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tongkat ali tidak berkaitan dengan sumber manusia...

Dr. James Dawos Mamit: Ada, ada nanti saya akan sampai ke situ juga, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sabar, sabar.

Dr. James Dawos Mamit: Sabar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebenarnya saya cukup sabar.

Dr. James Dawos Mamit: Ooh! Terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua, saya memang tahulah Tuan Yang di-Pertua ini cukup sabar, cukup sabar. *[Dewan riuh dengan ketawa]*

Jadi kalaulah pengusaha-pengusaha restoran kita menggunakan macam-macam ingredient yang dianggapkan baik untuk kesihatan kita tentu kita boleh bersaing dengan mamak dan tentu kementerian tidak payahlah untuk menjemput mamak masuk ke negara kita, itu adalah soalan yang pertama. Soalan yang kedua dahulu, saya masih ingat lagi, pihak kerajaan mengatakan bahawa PTI walaupun mereka keluar dan masuk dengan passport yang lain tetapi kerajaan akan menggunakan *biometric* untuk mengenal pasti mereka apabila mereka masuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan lupa sekarang bukan giliran untuk Yang Berhormat berucap.

Dr. James Dawos Mamit: Saya ingin mohon penjelasan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang *biometric* ini kenapa terlalu lambat untuk dilaksanakan, sekarang PATI masuk balik. Di manakah kesilapan kita? Bukan kita tidak ada teknologi, ramai yang boleh membuat teknologi supaya biometrik ini boleh dilaksanakan dengan secepat mungkin, sila menjelaskan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya daripada Mambong, kasihan orang Sarawak, Mambong ini kerana tidak dapat menikmati makanan kas-kas yang boleh mengkhayalkan. Walau macam mana pun kita mengucapkan tahniah kerana Sarawak tidak menghadapi masalah ini kerana Sarawak dan Sabah menggunakan undang-undang *labour law* dia yang lain daripada Semenanjung. Kemungkinan *labour law* dekat Sarawak tidak membenarkan ataupun tidak mengizinkan apa yang berlaku di Semenanjung ini, mamak-mamak ini masuk sesuka hati mereka kelulusan diberi sesuka hati mereka, tahniahlah orang Sarawak.

Tuan Lim Kit Siang: Haiya, bercakap lagikah? Pagi cakap lagi...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat, apasal ini Yang Berhormat? Mengganggu saya lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Sudah tiga hari, itu pun tidak habis. Pergi habiskanlah cakap semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, nanti kena gantunglah. *[Ketawa] [Dewan riuh dengan ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi sahabat saya dari Mambong jangan susah hati, dalam keadaan yang ada itu kerana apa yang berlaku pada hari ini boleh tanya Yang Berhormat daripada Pasir MAS yang Kelantan yang terkenal dengan nasi budunya, nasi berlauknya pada satu ketika dahulu orang daripada Melaka datang Kelantan hendak pergi dia punya makanan di pasar itu ialah nasi berlauk. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, kedai nasi berlauk pun banyak sudah tutup dan mamak pun mula ada di Kota Bharu

Orang Kelantan pun sudah kene kas-kas mamak ini, nasi berlauk Kelantan pun tidak berapa laku dan budu pun tidak berapa hendak makan lagi, sudah kena kas-kas ini. Bangun sahaja dari tidur, mamak, bangun dari tidur sahaja, mamak. Terima kasih Sarawak jangan terikut kesilapan kita ini. Yang kedua berkenaan dengan biometrik tadi yang disebut, macam mana yang hendak dilaksanakan macam saya kata semalam. Yang kita ada hanya *thumbprint*, *thumbprint* mereka yang keluar, kita terpaksa guna *thumbprint*, rupanya bila dia hendak masuk balik cara yang sah, Yang Berhormat, dahulu dia keluar, dia keluar daripada Malaysia namanya Daud. Rupanya nama dekat kampong itu ialah Dawos [*Ketawa*] [*Dewan menjadi riuh dengan ketawa*] Apabila dia kena buat passport di sana gunakan nama asalnya Dawos, dia hendak datang dan masuk ke Malaysia ini esok dia takut salah ini dahulu sudah cop cop, stampel ini namanya Daud. Hendak balik pula namanya Dawos, jawabnya tidak selesai, tidak selesai, yang ini lah kita hadapi pada hari ini.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Jasin. Saya lupa hendak sebut semalam saya terima tiga SMS memuji Yang Berhormat Jasin tetapi saya hendak sebut yang dari Kuala Selangor ini, tempat sahabat saya daripada Kuala Selangor iaitu di mana satu restoran mamak ini 24 jam ini di Sungai Buloh telah diwujudkan.

Jadi seperti yang saya bercakap pada peringkat awal ini, kebimbangan pengusaha gerai tempatan di situ terhadap restoran 24 jam. Saya hendak sebut satu sebenarnya, dalam konteks masalah pekerja asing ini. Saya hendak kembali kepada perkara ini, ini sebagai satu peluang anak-anak tempatan untuk mendapat pekerjaan. Apakah pandangan Yang Berhormat daripada Jasin, saya lihat restoran-restoran mamak ini yang banyak sekali di Lembah Kelang kalau dilihat di PJ, Shah Alam dan Klang, kebanyakannya lebih daripada 10 pekerja daripada India.

Dalam konteks ini, tidak wajarkah diwujudkan satu kuota supaya anak tempatan juga diberi peluang bekerja di situ dengan *plus point* dengan izin, maknanya oleh kerana mereka ini anak tempatan, adalah wajarnya untuk mereka diberi elaun lebih daripada

biasa dan ini bagi saya adalah satu pengorbanan kepada pengusaha-pengusaha itu kepada anak-anak tempatan khususnya golongan belia, apa pandangan Yang Berhormat Jasin?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya daripada Sabak Bernam, apabila timbul masalah ini membuat saya ini *temperature* naik lagi. Yang sebenarnya Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah buat keputusan membenarkan pekerja daripada India, mamak-mamak ini masuk ke dalam negara kita bekerja di restoran hanya untuk perkhidmatan tukang masak dan cuci pinggan. Kalau restoran itu besar dan macam mananya mungkin tiga orang itu atau tukang masak, laku macam mana pun mungkin lima orang sahaja pencuci pinggan. Tetapi hari ini kita lihat semua sekali seratus peratus daripada petugas-petugas di restoran-restoran ini adalah pekerja-pekerja dari luar khususnya India.

Kalau sudah ketetapan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet, orang-orang di kementerian langgar, memberi kelulusan mungkin ada kepentingan peribadi Tuan Yang di-Pertua. Ini pun saya minta pihak Polis Diraja khususnya *special branch* untuk siasat orang ini, *special branch* polis....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila Sri Gading, kalau tidak lagi, *temperature* lagi naik karang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Jasin. Jadi masalahnya bukan masalah makanan yang digemari. Kedai mamak ini, dia menyediakan makanan yang disukai oleh selera orang Malaysia. Malaysia ini atau dahulu Tanah Melayu terkenal dengan pengeluaran rempah ratus. Jadi apabila makanan bercampur dengan rempah ratus, dia menjadi makanan yang enak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi Jasin bangkitkan pekerja-pekerja di restoran....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Betul, betul, saya akan masuk ke situlah, saya akan sampai ke situ Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lambatlah....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sebab itu roti canai Tuan Yang di-Pertua mana boleh lepas daripada hidup kita, teh tarik mana boleh lepas daripada hidup kita. Teh tarik ini daripada Agong sampai bawah Tuan Yang di-Pertua minum teh tarik. Roti canai ini daripada atas sampai luar pasal dia punya kari itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sekarang saya hendak maklumkan sekarang kita bukan bincangkan akta mamak *restaurant* atau gerai mamak.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah masa panjang digunakan untuk perkara ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah betullah itu kan. Jadi, masalahnya ini ialah restoran-restoran India ini menggunakan pekerja-pekerja asing yang melanggar daripada peraturan-peraturan yang mesti diikuti oleh mereka seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi hanya untuk tukang masak dan cuci pinggan. Ini sudah sampai melarat kepada menjadi pelayan, menjadi pelayanlah. Jadi, apabila menjadi pelayan ini yang dirisaukan oleh Yang Berhormat bagi Jasin, maknanya menutup peluang pekerjaan yang sepatutnya boleh diambil daripada kalangan warganegara Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Kita fahamlah dekat Bandar Damansara satu kedai mamak itu, berbelas-belas dia punya pekerja, India semua. Kita tahulah pasal dia punya agaknya cara dia gaji murah dan cukup dengan makan, tempat tinggal, cukup. Jadi, kalau hendak ambil pekerja daripada orang warga negara kita mungkin gajinya mahal, ini yang dia hendak elakkan ini kerana apabila pekerja dengan gaji yang mahal keuntungannya mungkin akan menurun, ini masalahnya. Jadi, hendak mengatasi ini saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Jasin dan Yang Berhormat bagi Jasin agaknya boleh buat lagi cadangan-cadangan yang lebih baik, yang lebih konkrit.

Macam mana kita hendak mengatasi supaya penguatkuasaan tiap-tiap restoran yang beroperasi itu mesti patuh dan siapa yang hendak menjalankan kuat kuasa ini? Kementerian Tenaga Manusiakah ataupun kementerian yang membenarkan kemasukan pekerja-pekerja asing ini, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri? Siapa? Penyudahnya besok bertolak-tolaklah pula antara kementerian ini. Ini engkau punya tugas, ini engkau punya tugas. Jadi, apabila kementerian bertolak-tolak untuk menyegerakan tugas, masalah tidak selesai.

Ini pula satu kelemahan dalam sistem kerajaan kita dan kadang-kala satu-satu perkara itu disandarkan kepada beberapa kementerian dan apabila hendak kuatkuasakan sesuatu tindakan yang bersesuaian dengan undang-undang yang telah pun kita kuatkuasakan mereka bertolak-tolak pula. Ini engkau punya kerja, ini aku punya kerja. Akhirnya masalah tidak selesai. Apabila masalah tidak selesai kesannya kepada rakyat. Ini tidak tahulah sistem kita, siapa yang tengok? MAMPU pernah tengok benda inikah? Semak benda inikah? Macam mana? Saya tidak tahu Jabatan Perdana Menteri semak atau tidak? Ketua Setiausaha Negara tengok atau tidak macam mana perkara-perkara begini?

Kebanyakan undang-undang dalam negara kita, Tuan Yang di-Pertua, semuanya baik-baik melindungi rakyat tetapi apabila sampai ke peringkat hendak menguatkuasakan, ini jadi masalah, ini jadi masalahlah, ya. Ini disebabkan macam Yang Berhormat bagi Jasin mula bercakap, sampai tiga hari cerita ini. Dia ini kalau dibiarkan, Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi sampai hari Isnin depan tidak habis. *[Ketawa]* Modal dia tentang ini memang hebatlah, kita akuilah. Nasib baik dia bercakap, kalau dia tidak bercakap, payah juga. Jadi, saya mengagumilah, Yang Berhormat bagi Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak boleh lawan dialah, dia pakar, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pakar dia, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh lawanlah, tidak bolehlah. Tidak ada tiga *percent* saya nak lawan dia, mana ada, hebat dia, Tuan Yang di-Pertua, ya. Jadi tentang perkara ini, ini tidak tahu besok, besok Kementerian Sumber Manusia pula hendak jawab ini besok tidak tahu macam mana, siapa hendak jawab yang paling senangnya ini bukan tugas saya, habislah cerita. Jadi,

Yang Berhormat bagi Jasin bercakap tiga hari tiga malam ini, tidak ada apa-apalah, Tuan Yang di-Pertua, tinggallah dalam minit mesyuarat. *[Ketawa]*

Lepas itu kita tahun depan buka lagi cerita ini kita berbahas lagilah tiga hari tiga malam, tidak tahulah minta maaf, Timbalan Menteri Sumber Manusia ada ini. *[Ketawa]* Banyak ini cadangan-cadangan, pandangan-pandangan, itu belum termasuk lagi sampukkan-sampukkan. Betul bahasa saya itu? Yang Berhormat bagi Jerai, betul bahasa saya itu? Sampukkan-sampukkan, apa mencelah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ikut kajian yang saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, betullah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Betul ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ini *floor* Yang Berhormat bagi Jasin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya? Dia minta penjelasan dekat saya jadi saya kena jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau tidak kita tidak berbudi bahasa. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini budi bahasa, betul, betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat sampukkan ya? Sampukkan atau mencelah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sampukkan atau mencelah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mana pilih hendak mencelahkah, sampukkan bahasa yang tepat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Mencelah itu lain, sampuk itu lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mencelah lain sampuk lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta maaflah Yang Berhormat Sri Gading dia tanya dengan belakang itu.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*] Waktu perbahasan dipanggil menyampuk atau mencelah pun boleh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Waktu kita berbahas dia sampuk boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menyampuk ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Menyampuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menyampuk?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menyampuk itu ada negatif sedikit, menyampuk ini macam mengacau, menyampuk itu macam mengacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai, duduklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia menyampuk maknanya bila seseorang bercakap dia masuk campur dengan menyampuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu negatif.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Mencelah ini kita main ikut celah-celahlah. [*Ketawa*] Tidak boleh.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Ketawa*] Itu saya tidak faham, main celah-celah itu saya tidak faham. Ini mencelah dari segi apa? Perbahasanlah? Jadi, belum masuk lagi yang mencelah-mencelah, yang menyampuk-nyampuk ini. Itu kalau diambil kira oleh kementerian lebih banyak lagi modal ataupun lagi banyak perkara yang hendak kena jawab, ya. Saya haraplah apa yang dihamburkan, betulkah perkataan saya itu betulkah, Tuan Yang di-Pertua? Yang dihamburkan atau apa yang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bolehlah Yang Berhormat, boleh tetapi....

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Seorang Ahli: [*Menyampuk*] Yang ditaburkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang di? Yang ditaburkan. Itu belum masuk itu, kalau masuk itu? Lagi banyaklah perkara-perkara yang harus diberikan jawapan oleh pihak kementerian dan saya tahulah, Timbalan Menteri Sumber Manusia

ini pun orangnya hebat, kalau tidak hebat tidak akan Presiden PAS boleh kalah. Jadi dia punya kelayakan itu cukuplah, memang hebatlah dia boleh menjawablah, kan? Jadi itulah sedikit-sebanyak Yang Berhormat Jasin saya punya, apa soalan saya tadi?
[Ketawa]

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, dia sudah ambil soalan itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia sudah ambil Tuan Yang di-Pertua, ya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sri Gading walaupun tidak melontarkan soalan tapi saya sudah faham soalan yang hendak dilontarkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading itu. Tetapi masalahnya kita cakap-cakap, gurau-gurau juga tetapi seriusnya di hadapan kita pada hari ini. Bagaimana yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi, dan saya sudah jawab sebahagiannya dan saya hendak ulang balik. Kalau arahan daripada Jawatankuasa Kabinet, Tuan Yang di-Pertua, arahan daripada Jawatankuasa Kabinet, dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, ahli-ahli dia, Menteri-menteri daripada kementerian-kementerian yang kanan, membuat keputusan berkenaan dengan pekerja India ini dilanggar begitu sahaja oleh orang tertentu di dalam KDN, adakah kita hendak duduk diam?

Seorang Ahli: Tidak!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, apabila operasi tegas, OPS Tegas yang menghalau balik pendatang-pendatang tanpa izin, kebanyakannya Indonesia dan Bangladesh, saya dapat tahu bilangan dia tidak sampai 8000 orang yang pulang. Tetapi ada syarikat yang terima kebenaran daripada KDN untuk membawa balik orang-orang yang pulang ini, balik bekerja secara sah di negara Malaysia ini daripada Bangladesh yang balik 7,960 orang. Tetapi kelulusan yang baru hendak bawak balik ke Bangladesh kononnya hendak mengambil orang yang pulang tadi 14 ribu, Tuan Yang di-Pertua. Ini apa ini?

Kalau yang balik 7,960 orang, kalau hendak bawa balik, datanglah balik 7,960 tetapi kelulusan diberi oleh syarikat tertentu 14 ribu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, saya ini bukan apa, sebelum dia naik temperature. Ada pula saya dapat ilham hendak tanya, saya tanya. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin, jiran saya. Yang Berhormat bagi Jasin, seolah-olah tidak ada suatu kesepakatan di antara Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ataupun mungkin Kementerian Sumber Manusia lepas tangan, langsung tidak ambil peduli tentang keperluan dari segi bidang dan bilangan pekerja asing yang hendak dibawa masuk ke dalam negara kita. Saya ambil contoh tadi, berbalik kepada restoran mamak tadi. Yang dibenarkan tadi sebenarnya ialah bagi pekerja-pekerja untuk memasak dan cuci pinggan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terfikir berapa ramai dalam Malaysia ini seperti yang disebutkan oleh Menteri Hal Ehwal Wanita ini – ibu-ibu tunggal yang tidak bekerja; di Ledang pun ramai juga, di Sipitang pun saya rasa ramai, yang datang jumpa kita katanya tidak cukup pendapatan kerana tidak dapat pekerjaan yang tetap. Mereka boleh bekerja di restoran-restoran mamak ini, tiada masalah. Kenapa kita kena bawa daripada luar negara? Maknanya Yang Berhormat bagi Jasin, saya terfikir, kalau Jasin bersetuju, fakta yang disampaikan oleh Kementerian Sumber Manusia agaknya ataupun fakta yang disampaikan oleh pegawai yang berkenaan daripada kementerian lain, salah. Mereka menyatakan bahawa sekian bilangan diperlukan untuk sektor cuci pinggan mangkuk, sekian bilangan diperlukan untuk sektor memasak, seolah-olah di Malaysia ini sudah tidak ada pekerja yang cukup untuk memasak dan cuci pinggan. Rupa-rupanya mereka letakkan di sektor-sektor lain termasuklah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi, melayan kita yang datang ke restoran mamak kerana kas-kas tadi itu di restoran mamak.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jasin, apa pandangan Jasin dalam hal ini? Adakah suasana sudah tidak terkawal? Dasarnya betul, tinggal lagi seperti yang kita sentuh semalam, penguasaannya tidak sempurna atau adakah perlu ada satu gagasan yang diperlukan dalam mengatasi masalah ini? Silakan Jasin. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya daripada Ledang. Memang pada hari ini sehingga sudah tidak terkawal lagi. Itulah sebabnya melalui Dewan yang mulia ini saya minta Badan Pencegah Rasuah masuk untuk menyiasat masalah yang kita hadapi pada hari ini.

Beberapa Ahli: [*Tepuk*] Betul, betul, betul!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kerana cukup Tuan Yang di-Pertua, kita lihat di kedai-kedai kopi, di warung-warung mamak ini percakapan-percakapan, *approval letter*, berapa harganya per kepala? Selepas itu ada pula *consultant human resource* yang kerja dia khusus untuk membuat *approval* – satu kepala harganya RM1,000. Kalau dapat *approval* seribu orang, RM1 juta, hanya kerja itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Ini berlaku pada hari ini dan saya penuh yakin ada benda yang tidak kena di dalam kementerian ini pada hari ini. Kalau tidak, tidak akan berlaku kasus-kasus di mana kes-kes *approval* sudah keluar untuk syarikat ABC untuk membawa buruh asing daripada luar dan apabila pekerja itu datang daripada negara asal ke Lapangan Terbang KLIA, bila disemak-semak, syarikat ABC ini tidak wujud, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pasir Mas hendak bangun atau hendak apa?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Dia tengah membaca Tuan Yang di-Pertua. Oh, hendak bangun? Silakan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya sebenarnya bukan hendak sebut sangat tetapi bila dikait dengan Pasir Mas sekejap tadi dan kemudian ditambah dengan kerja Badan Pencegah Rasuah. Apa yang saya hendak ingatkan kepada Yang Berhormat bagi Jasin takut-takut Yang Berhormat bagi Jasin ini terlupa. Sebenarnya sejarah negara kita ini tidak asing dengan kedatangan buruh-buruh asing dari sejak merdeka, sebelum merdeka, selepas merdeka sampai ke sekarang ini. Boleh dikatakan sepanjang masa buruh-buruh asing datang ke negara kita untuk membangun dan sekali gus memberi sumbangan kepada negara kita. Ini suatu sejarah yang tidak dapat kita lupakan dan saya memberi peringatan sedikit kepada Yang Berhormat bagi Jasin takut-takut lupa kepada sejarah ini.

Bagi saya sebenarnya, kemasukan mereka tidak menjadi suatu yang besar sangat kalau kita masing-masing mengambil suatu daya utama bagi menyusun dan sekali gus bagi memberi kepada mereka beberapa peringatan sebelum dan sesampai mereka di sini. Mereka datang ke Kota Bharu bukan baru ke Kota Bharu ini, bukan suatu perkara yang baru. Saya dilahirkan tahun 1948 dan saya membesar di Pasir Mas. Saya lihat orang India sudah ada di Pasir Mas dan mereka baik sampai sekarang ini. Tinggal lagi kita di Kelantan ini kita budayakan mereka dengan masyarakat Kelantan. Kita paksa dia bercakap Kelantan, kita paksa dia kahwin dengan orang Kelantan, akhirnya dia tidak menjadi masalah. Mujur sebenarnya, mamak-mamak inilah yang pergi buat roti di Pasir Mas, di Kota Bharu, kalau tidak kita makan roti bukan daripada orang Islam. Sedikit sebanyak masalah fardu kifayah sudah selesai. Tinggal lagi, bagaimana untuk mengatur, menyusun mereka, itu *enforcement* barangkali, ataupun bagaimana kita melaksanakan tanggungjawab kita dari segi Majlis Perbandaran dan kuasa-kuasa yang ada di tangan kita. Jangan salahkan mereka, kita kena salahkan kepada kita sebenarnya. Di negeri Kelantan tidak timbul.

Saya ada beberapa mamak di Pasir Mas. Saya masuk di kedai dia. Saya tanya dia, ada kad pengenalan? Dia kata sudah ada kad pengenalan. Hari-hari saya beli roti tempat dia, lama-lama dia undi PAS dalam pilihan raya baru-baru ini. Untung saya, untung. Saya melihat dari segi positif, saya tidak melihat dari segi negatif walaupun ada negatif kepada mereka tetapi setelah mereka datang ke sini, kita budayakan mereka. Apa salahnya? Kita kena melihat sebenarnya kelemahan kita sendiri. Kita hanya pergi makan tetapi kita tidak pernah bagi pandangan-pandangan kepada mereka. Dari segi kebersihan, kita makan, kita balik. Kalau kita melihat kepada kebersihan, kita beritahu kebersihan dalam Islam begini, begini. Mamak ini orang Islam sebenarnya. Mamak itu disebut sebenarnya nama dia Muhamad. Dia orang Islam, tinggal lagi kalau kita boleh bagi pandangan kepada dia, boleh bagi ceramah kepada dia, JAKIM ada, kumpul orang-orang dia. JAKIM buat kerja apa? Inilah kerjanya – bagi taklimat, bagi taklin kepada mereka. Kemudian bila disebut sebagai badan rasuah, saya kira sudah banyak kerja Badan Pencegah Rasuah. Yang lama pun masih berlambak lagi tidak selesai. Kalau masuk pula yang baru ini Yang Berhormat bagi Jasin, kita tinggal yang lama itu.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat bagi Jasin, hendak bagi lagi tanggungjawab yang terlalu banyak di negara ini? Yang Melayu pun rasuah tidak habis-habis lagi, apa lagi hendak pergi yang kedua dan ketiga. Selesaikan satu-satu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Saya tengok Pasir Mas bercakap tadi. Iyalah menjadi Ahli Parlimen lebih-lebih lagi daripada PAS, memang tidak ada kerja, jadi bolehlah sentiasa menasihatkan orang ini, jumpa orang ini, bagi pengajaran kepada orang ini. Kami ini Barisan Nasional punya wakil rakyat, bila balik kawasan, kita sibuk Tuan Yang di-Pertua kan? *Function* sana, *function* sini, berjumpa dengan rakyat, bila masa hendak nasihatkan mamak? Di Kelantan itu pun ada satu, dua orang.

Yang timbul masalah pada hari ini Pasir Mas, ialah kelulusan yang diberi kepada kedai-kedai mamak ini sampai 100 orang bila masa ustaz hendak beri ceramah? Inilah masalahnya. Kalau ada penyelewengan mestilah Badan Pencegah Rasuah bertanggungjawab dan Badan Pencegah Rasuah pada hari ini *alhamdulillah* telah menjalankan tugas dan di mana yang besar kena dan yang kecil pun kena.

Hari ini kita minta supaya mereka kenakan lagi kerana demi untuk kebaikan negara. Macam contohnya pada hari ini dengan egonya mamak-mamak restoran ini, dia kata, "*those days you only need to spend about RM30 thousand to start a decent restaurant. With this new concept of mamak you need something between RM300 thousand and a million*". Lembaga Hasil Dalam Negeri kita mintalah beri perhatian khusus kepada restoran-restoran mamak ini, dari mana datang modal dia RM300 ribu atau satu juta. Adakah mereka ini menyumbang balik kepada negara melalui *income tax* dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ledang bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila Yang Berhormat Ledang, *temperature* baru hendak naik kena turun balik.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sebab itu saya bangun Tuan Yang di-Pertua, *temperature* takut naik. Tuan Yang di-Pertua, saya pun pandang positif juga seperti Yang Berhormat Pasir Mas, tetapi persoalannya sekarang ialah mereka telah pun menipu kerajaan. Mereka mengatakan bahawa mereka perlukan pekerja-pekerja

asing membasuh pinggan mangkuk. Mereka mengatakan bahawa mereka perlukan tukang masak, tetapi sebenarnya mereka menafikan hak rakyat Malaysia yang sepatutnya boleh juga bekerja dengan mereka. Mereka menipu kerajaan, menipu kita dengan memberikan fakta yang salah. Ini yang disuarakan, yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Jasin bukan soal-soal lain.

Kita positif, soal *fardu kifayah* kita tunaikan. Memanglah mereka Islam tetapi ada juga restoran yang macam mamak Islam, tetapi menggunakan ayat suci *Al-Quran nul karim* digantung di dinding-dinding, mereka mengatakan bahawa mereka Islam. Bila disemak balik rupanya mereka mempamerkan perkataan *Bismillahir Rahmanir Rahim*, seolah-olah mereka itu beragama Islam, ada kita perhatikan. Mereka telah menggunakan.

Kita berbalik kepada soal agensi pekerjaan swasta tadi, di mana mereka telah menipu kerajaan. Fakta mereka yang di dalam surat khabar tadi, mereka mengatakan bahawa mereka memerlukan 1 juta pekerja asing tetapi saya tidak percaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Modal.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ha, modal. Ha, lagi saya tidak percaya. Seolah-olah macam kita sudah perlu sangat terhadap mereka. Banyak lagi warung-warung kita hendak perlukan. Itu sahaja, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya. Sebagai mana permulaan ucapan saya satu dua hari yang sudah bahawa industri-industri pembekalan pekerja ini ialah *multi million ringgit* punya industri dan banyak di antara restoran-restoran yang wujud ini dia orang ni bukan tidak ada modal. *Approval letter* yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri ini, dapat *approval letter* sahaja hantar kepada negara asal pembekal ini dah berduit dah orang kita di sini. Sebelum pekerja itu masuk pun dah dapat *advance* dahulu.

Bukankah telah saya katakan tadi ada orang-orang tengah, orang-orang tertentu yang kerja dia buat *approval* sahaja. Seorang pekerja *approval* RM1 ribu, kalau lulus 500 orang maka RM500 ribu, itu *approval* sahaja manakala orang datang bayar lain. Dan duit ini juga digunakan buat modal buka restoran yang besar-besar ini. Duit ini digunakan. Oleh yang demikian, kita minta Badan Pencegah Rasuah masuk. Ini jangan hendak heboh pertandingan UMNO minum kopi salah, sedangkan yang ini lagi besar.

Lebih besar ni Tuan Yang di-Pertua, yang melibatkan wang berjuta ringgit. Banyak yang sudah kaya raya. Banyak yang sudah senang lenang berkenaan dengan ini, tetapi hak dia sepatutnya yang dapat ialah agensi, tetapi agensi yang berdaftar di bawah Kementerian Sumber Manusia ini dinafikan hak dia dan diberi kepada 'calo-calo', diberi kepada orang tertentu yang mana mengaut keuntungan. Apatah lagi masalah yang macam saya kata tadi restoran mamak di Tangkak, apa orang Tangkak kurang ke yang boleh kerja di kedai-kedai sebagai pencuci pinggan dan tukang masak? Mereka yang datang daripada India ini bukannya pandai memasak. Kalau kita pergi ke India pernahkah kita jumpa roti canai di sana? Pernah kita jumpa nasi kandar di sana? Tidak ada. Yang ada nasi kandar ini di Malaysia sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kelana Jaya bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jasin. Kita bincangkan tentang agensi pekerjaan swasta mengambil pekerja asing untuk bertugas sebagai tukang masak di restoran-restoran mamak.

Saya hendak tanya apakah bidang tukang masak ini adalah satu pekerjaan yang kurang seronok ataupun tidak profesional, maka kita bagi kerja-kerja yang tidak profesional ini diberi kepada pekerja-pekerja asing. Saya lihat di dalam negara kita ada persatuan-persatuan dan institut-institut membuka kursus untuk melatih pemuda kita menjadi tukang masak dan adanya *apprenticeship*, di mana melatih jadi tukang masak dan kita lihat di hotel-hotel apabila mereka berjaya menjadi seorang tukang masak pendapatan mereka semakin lumayan. Saya rasa kita tidak perlu menggaji orang asing untuk menjadi tukang masak kerana ini adalah satu profesional yang tinggi martabatnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah banyak mendengar bahawa belia-belia di negara kita telah dianiaya kerana dibayar gaji rendah dan bila kita bawa pekerja asing, kerana kita bayar gaji rendah kepada pekerja asing, kita juga dapati bahawa ramai remaja dan pemuda yang tidak ada kerja, duduk melepak dan hari ni pindaan agensi pekerjaan swasta ini adalah berkaitan dengan haluan tenaga rakyat tentang haluan tenaga kerja di negara kita.

Boleh tak kita memberi satu perspektif yang baru tentang agensi pekerjaan swasta ini, di mana kita tidak mahu melihat kecenderungan agensi pekerjaan swasta ini hanya cenderung untuk mengaut keuntungan. Mereka juga mempunyai tanggungjawab sosial kepada negara. Mereka juga patut membantu kerajaan membantu Jabatan Tenaga Kerja ataupun Jabatan Tenaga Rakyat untuk *match making* belia-belia kita yang tidak ada kerja. Jangan bagi agensi pekerjaan swasta ini hanya untuk mencari pekerja asing. Mereka patut membantu kerajaan kita supaya berhubung dengan Jabatan Tenaga Rakyat, dan mana-mana belia yang mendaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja itu tidak ada kerja, hendak cari kerja, maka agensi pekerjaan swasta ini harus membantu. Ini adalah tanggungjawab sosial, ini juga adalah satu sumbangan, sebagai satu korporat atau untuk membantu negara kita. Inilah satu perkara saya rasa agensi pekerjaan swasta ini berada di merata tempat dan mereka boleh membantu dalam hal ini.

Maka saya hendak cadangkan apakah dalam pindaan akta kita beri satu definisi yang baru kepada agensi pekerjaan swasta supaya mereka bertanggungjawab bukan hanya mencari pekerja asing, tetapi membantu untuk rakyat tempatan mencari kerja. Itulah pandangan saya. Minta pandangan Yang Berhormat Jasin, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya daripada Kelana Jaya. Sebenarnya memang itulah tugas agensi pekerjaan swasta yang kita bincang Akta dia, ialah antara mencari tempat-tempat dan peluang-peluang pekerjaan untuk orang kita. Tetapi, tetapi, oleh kerana agensi-agensi ini tertakluk kepada akta ini, komisen yang diterima tidak ada, tak "kow" lah kata orang. Tak cukup itu, kurang lumayan dan pekerja asing ini lebih lumayan. Itulah sebabnya membuatkan orang-orang lebih bertumpu kepada pekerja asing.

Memang ada agensi pekerjaan swasta mencarikan peluang-peluang pekerjaan di negeri ini, di luar negara, sebagai contoh pada hari ini banyak di antara rakyat-rakyat kita bekerja di Taiwan yang dikirim oleh agensi swasta kita di sini dan negara-negara maju yang lain melalui agensi. Ada, tetapi kita ini, orang-orang kita yang buat kerja ini, tertakluk daripada syarat di dalam akta ini.

Masalah yang kita berlaku pada hari ini ialah masalah 1.5 juta orang pekerja asing yang dibawa masuk di dalam negara kita diuruskan bukan oleh agensi tetapi oleh individu-individu tertentu yang mana tidak ada akta yang mengawal dia. Dia boleh

cajkan macam-macam harga. Itulah sebabnya didapati bahawa - ada orang cakap - bahawa ada di antara orang-orang ini *the so-called agency* yang menindas pekerja-pekerja asing walhal kerja ini dibuat oleh orang-orang tertentu yang tidak berlesen, bukan agensi. Ini masalah yang saya perbincangkan sudah dua tiga hari ini. Bila yang buruk agensi, ...

Seorang Ahli: Ya!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: ... bila yang "Ugh!" dapat duit, ...

Seorang Ahli: Orang lain!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: ... puak-puak ini!

Seorang Ahli: Siapa itu? Siapa ya?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini siapa ini susah saya hendak sebut. Walau pun di dalam Parlimen ini kita ada *immunity*, kita ada *Special Branch*, kita ada pihak penguasa, semak-semaklah, saya tahulah. Ada orang yang paling berkuasalah....

Beberapa Ahli: Oh? Sebut, sebut siapa dia!

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Sebut-sebut siapa dia!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kalau cakap di pasar ini, ...

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Cakap!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof : ... tak sampai hati saya hendak cakap. Tetapi ramai di antaranya orang sudah tahu kerana benda ini bukan rahsia lagi. Bukan rahsia lagi, di kedai-kedai kopi, di pelabuhan-pelabuhan, di mana-mana orang dok bercakap. Pegawai kerajaan tertinggi di dalam kementerian itu,... faham sahajalah.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dari Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Jasin, sejak kelmarin sudah berucap sampai hari ini nampaknya semangat berkobar-kobar hendak kerajaan melakukan sesuatu perubahan. Yang paling penting sekali adalah agensi pekerjaan swasta. Apakah peranan mereka dalam pengambilan buruh asing dan pekerja asing? Kalau perkara ini tidak dibetulkan, sampai tua pun saya rasa isu ini akan berlarutan. Kuasa Kementerian Sumber Manusia, berkali-kali kita sebut. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat tadi.

Oleh kerana nampaknya ada ura-ura bahawa orang yang tidak mendaftar agensi pekerjaan swasta ini mempunyai hak istimewa kerana kononnya disokong oleh orang yang berpengaruh. Apakah tindakan? Adakah kita perlu menubuhkan suatu Jawatankuasa Khas ataupun *Royal Commission* untuk kita menyasat perkara ini? Ini kerana saya rasa ini adalah suatu perkara yang serius dan merugikan kita semua dari segi pendapatan negara. Dan kedua, apakah insentif yang patut kita berikan kepada agensi pekerjaan swasta khususnya bagi mereka yang dapat menempatkan warganegara Indonesia bekerja di negara kita dan juga boleh menghantar mereka keluar bekerja dan menguntungkan negara? Apakah insentif yang patut ada dan di samping kita meneruskan usaha kita memperjuangkan hak-hak agensi pekerjaan swasta dalam soal pengambilan buruh asing?

Ini saya rasa perkara yang memang hendak dibetulkan. Kalau tidak dibetulkan, saya rasa Kementerian Sumber Manusia ini tinggal nama, yang dapat kuasa itu adalah kementerian yang lain. Saya minta pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya. Itulah sebab saya katakan tadi, bukan kata hendak bagi kuasa kepada siapa. Kalau lihat daripada kemasukan buruh asing daripada tahun 80-an hari ini sudah tahun 2005, sudah lebih 30 tahun kita menangani masalah ini, saya dapati bahawa kedua-dua kementerian ini gagal!

Beberapa Ahli: Betul, betul!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Gagal! Kita kena tubuh satu jabatan baru untuk menangani masalah yang ini dan jabatan ini duduk langsung di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Kabinet tentang pengambilan buruh asing yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. *Direct!*

Seorang Ahli: Baru jadi!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Baru boleh selesai, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak, sampai hari ini. Kita akan wujudkan satu akta baru. Akta yang ini tak cukup. Akta agensi ini ialah untuk mengaturkan agensi yang sedia ada untuk menguruskan penempatan pekerja-pekerja Malaysia sahaja yang pada hari ini kita kena mengalu-alukan, suka tak suka. Bagaimana disebut oleh rakan-rakan tadi, kita hendak

pekerja asing datang ke negara kita, kita alu-alukan tetapi biarlah kemasukan mereka ini dapat kita kawal dan cara yang sah.

Kalau kita buat peraturan bahawa visa ini mesti dicop oleh kedutaan kita di luar negara, bukan di dalam negeri, di luar negara visa dicop yang mana kedutaan kita tahu mereka ini datang cara sah ataupun tidak, adakah mereka ini mempunyai *medical certificate* yang sah dan diterima di negara-negara asal atau tidak, barulah mereka ini apabila sudah dicop visa di luar negara barulah dia masuk.

Tuan Wilfred Madius Tangau: [*Bangun*]

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat, Tuaran dengan Seputeh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuaran dahulu, lepas itu Seputeh ya?

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya perhatikan semenjak semalam sampai sekarang kita mendengar masalah ini memang satu masalah yang besar. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya cadangkan, rang undang-undang ini kita tolak sahaja dan kita serahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan Khas sebab kalau kita luluskan pun tidak selesai. Kita tolak sahaja rang undang-undang ini dan kita serahkan kepada suatu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk menyelesaikan masalah ini supaya masalah pokok itu dapat diselesaikan. Macam mana itu?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya tidak setuju. Saya adalah *Backbencher* yang bertanggungjawab kerana ini menjadi tugas kita. Yang ini pun ada kesahihan dia, ada kebaikan dia. Yang kita hendak ubah ini bukan banyak sangat pun ibarat misalan kata ada sedikit celah gigi kita betulkan sahaja sedikit. Dua perkara sahaja yang kita hendak itu. Ketua Pengarah Tenaga Rakyat tukar nama jadi Ketua Pengarah Tenaga Kerja. Lepas itu daripada Yang di-Pertuan Agong tukar pergi Menteri. Itu sahaja. Jadi kalau ada pun tidak menjadi hal dan kalau tak ada pun tak menjadi apa pun.

Tetapi kita tolak itu, Allah! Kasihan pula Timbalan Menteri sudah duduk tiga hari mendengar ceramah saya [*Ketawa*].

Sila Seputeh pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah dengar sudah dua hari ucapan daripada Yang Berhormat bagi Jasin yang berulang-ulang selama tiga hari

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Mana ada ulang?

Puan Teresa Kok Suh Sim: ... dua hari setengah! Dan semalam petang, dia kata kita harus tubuhkan satu *Parliament Select Committee* untuk mengkaji masalah yang begitu serius ini.

Tapi tadi bila Tuaran tanya, dia kata “saya membantah cadangan ini”. Tengok, apa ni? Dia yang mengutarakan pandangan yang saling bercanggah, saya dengar betul-betul, itu yang saya bangkitkan perkara ini. Dan tadi Jasin juga kata bahawa isu pekerja asing ini begitu serius, kita harus tubuh satu jawatankuasa di Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau isu macam ambil pekerja asing, Perdana Menteri pun kena campur tangan, jadi Perdana Menteri kita tak perlu tidurlah, semua perkara kecil-kecil pun cari dia.

Saya rasa cadangan menubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk mengkaji perkara ini ataupun Jawatankuasa Pilihan Khas di Parlimen untuk mengadakan satu kajian menyeluruh tentang isu ini, sebenarnya ini cadangan yang menunjukkan kita sebagai wakil rakyat menunaikan tanggungjawab kita sebagai *back-bencher* ke ataupun wakil rakyat untuk memberi cadangan kepada kerajaan, saya rasa ini adalah cadangan yang bernas. Kalau Yang Berhormat Jasin begitu prihatin terhadap isu ini seharusnya sokong dengan cadangan ini supaya kita boleh mengadakan satu cadangan yang lebih menyeluruh untuk menyelesaikan masalah pelarian dan juga pekerja asing yang tidak terkawal di negara kita ini. Ini pandangan saya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Seputeh. *You* pun semalam merah, hari ini putih, dah lain dah. Ya, sila Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ada satu pepatah mengatakan “sudah terang lagi bersuluh”, tak perlulah tubuh Jawatankuasa Pilihan. Yang disebut oleh Jasin dan diulas atau dicelah oleh beberapa rakan tadi, dah terang dah, dan tak perlulah kita berjalan dari

Sabah, Sarawak, bila ada Jawatankuasa Pemilihan tu nak kena *round*, nak kena jalan, Sabah, Sarawak, Johor Bahru sampailah Perlis, tak perlu. Yang kita bincang tiga hari ini, Seputeh dah keluar nampak.... [Ketawa].

“Sudah terang lagi bersuluh”, dah tak perlulah ada Jawatankuasa Pemilihan, cuma kita hendakkan suatu pelaksanaan, peraturan yang lebih efisien. *That’s why* sekarang Yang Berhormat Jasin, sejauh mana Yang Berhormat Jasin *confident*, yang kita semua yakin bahawa segala yang kita hujahkan ini, segala persoalan yang timbul ini akan diambil tindakan oleh pegawai-pegawai, oleh kementerian-kementerian berkenaan bagi tujuan menyelamatkan negara daripada dihujani pekerja asing yang sebenarnya kita tak perlu. Sekian terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya daripada Ledang. Yang sebenarnya saya difahamkan oleh Kementerian Sumber Manusia, dia pun dah siap satu akta yang baru berkenaan dengan ordinan ini dan akan dibentangkan pada Parlimen yang akan datang, menyeluruh semua aspek. Itulah sebabnya pagi saya cakap yang lain, apabila tengah hari sambil-sambil minum dengan dia, dia telah yakinkan saya satu akta yang baru, rang undang-undang baru akan dikemukakan di Parlimen pada masa yang terdekat untuk menggubal segala masalah yang kita hadapi ini, itulah sebab saya kata tak payah tubuh *Select Committee*.

Benda itu dah tiga suku siap, hanya saya minta kementerian untuk jemput saya dan rakan-rakan saya untuk melihat ordinan ini sebelum dibentangkan di Parlimen supaya merangkumi dan semangat apa yang kita bincangkan tiga hari ini. Jangan sampai esok rang undang-undang ini tiba-tiba ada atas meja kita. Kita terkial-kial macam yang ini, kalau saya tak mencari Akta Ibu, akta yang ini, kalau yang kertas ini satu keping yang kita nak pinda Seksyen 3, Seksyen 4 bagi kepada Cameron Highlands, dia pun pening kepala.

Tetapi kalau bagi sekali dengan Akta Ibu ini untuk diperbincangkan di dalam Parlimen ini saya rasa layak bagi Cameron Highlands duduk belah sana, punya cekap dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands bangun Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan juga Yang Berhormat Jasin. Tadi Yang Berhormat terlebih dahulu telah banyak bincang mengenai kedai-kedai mamak dan juga masalah pekerja-pekerja yang datang ke sana. Saya begitu terharu atas keprihatinan Yang Berhormat Jasin mengenai kepentingan pekerja-pekerja kita dan mempersoalkan kenapa harus kita melaung-laungkan pekerja-pekerja luar?

Saya memang akur dan saya begitu setuju dengan Yang Berhormat Jasin, cuma saya rasa proses membawa masyarakat Malaysia ke arah tabii dan juga tabiat kerja golongan-golongan daripada luar tu perlu diperkasakan. Ini mengambil masa, bukan senang kerana kerja di restoran bukanlah satu kerja yang senang, kadang-kadang kena kerja 12 jam sehari. Dan budaya seperti ini belum lagi kita benar-benar serapkan dalam budaya generasi muda kita. Maka proses untuk mewibawakan golongan-golongan rakyat Malaysia khususnya golongan-golongan muda dalam industri makanan belum lagi mantap. Maka dalam proses ini kita terpaksa menerima golongan-golongan ini dulu sebelum kita sediakan industri itu untuk cabaran-cabaran seperti mana yang kita katakan.

Dalam konteks ini sekarang Malaysia Tuan Yang di-Pertua, dalam Malaysia ini dikatakan sebagai Asia *beat* dalam industri pelancongan *tourism*. Dan salah satu fenomena yang luar biasa di Malaysia ialah makanannya. Rata-rata kalau pergi di Cameron Highlands ada orang Sweden datang, orang Belgium, orang Amerika, orang Eropah, ramai. Orang Jepun-Jepun, Thailand, Holland semua datang. Dan salah satu daripada nikmat yang mereka laungkan adalah makanan Malaysia dan salah satu makanan yang mereka minati ialah makanan mamak ini. Ini adalah suatu yang betul, kita tengok di Bangsar, penuh.

So, kalau kita patahkan, saya rasa itu bukan cara yang betul. Kita lepaskan benang, tarik dia kemudian. Itu cara kita, kita boleh meluahkan emosi kita, marah kita tapi sekiranya satu industri itu jatuh, nanti kita akan rugi sama.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Cameron, soalan?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tak apa, saya cerita dulu baru saya tanya. Ini Yang Berhormat Putatan kacau saya Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Maka saya minta penjelasan, kenapakah harus benda ini diambil secara mendadak dan

biarkan satu *gestation period* supaya proses peralihan itu boleh berlaku supaya kita tak kenakan industri pelancongan, begitu kita harap-harapkan. Ini berlaku baru-baru ini, adakah Yang Berhormat setuju bahawa industri pembinaan baru-baru ini kena kerana kita hantar balik ramai pekerja?

Dan di Cameron Highlands sendiri, ada industri pertanian di mana pekebun-pekebun tidak boleh mencari pekerja kerana mereka balik dan ini sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada pengeluaran sayur-sayuran dan bunga-bunga. Kita tidak mahu, setuju tak Yang Berhormat Jasin bahawa benda ini juga akan berlaku kepada industri makanan, kalau kita tergesa-gesa dan Parlimen yang mulia ini perlu kita sama-sama lihat demi negara kita yang tercinta.

Maka pindaan kemahiran sesuatu yang perlu kita fikirkan sekarang, kemahiran ini, peranan MARA, peranan banyak lagi institusi-institusi ke arah ini perlu dan konsep kepada generasi kita bahawa masak itu bukan suatu yang hanya harus di hotel, konsep ini perlu diubahsuaikan dan saya rasa proses perbandaran kita macam di Ipoh. Saya pernah jadi Ahli Majlis di Ipoh Yang Berhormat Jasin, dan di tengah-tengah bandar itu sekarang sudah mati, tidak ada pergerakan waktu malam. Maka ini menjadi satu isu yang besar sekali, bagaimana kita hidupkan keadaan, *the hard sell in vast of town*, dengan izin supaya penjana ekonomi itu dapat diperkasakan. Ha, inilah masalah kita, maka restoran ini memainkan peranan yang begitu penting sekali.

Maka saya minta Yang Berhormat Jasin memberi komen adakah satu pelan tindak jangka panjang perlukah kita adakan satu demi untuk memastikan, mengukuhkan lagi golongan rakyat Malaysia ke arah menyediakan dan melihat industri makanan sebagai satu industri yang begitu penting sekali dalam menjanakan ekonomi negara. Dan apakah pelan ini, bagaimanakah cadangan Yang Berhormat Jasin ke arah itu? Janganlah Yang Berhormat Jasin, saya tahu jangan marah-marah, redakan marah demi negara yang tercinta. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih atas nasihat sahabat saya. Saya tidak marah yang sebenarnya. Saya tidak marah kerana negeri Melaka pun, kita negeri pelancongan. Kita harap orang datang ke sana, ke Melaka ataupun ke Malaysia ini, yang mana pelancong pun satu industri yang penting kepada negara kita. Tetapi apakah bangganya kita? Adakah nan itu makanan orang Malaysia? Adakah tandoori itu

makanan orang Malaysia? Adakah kas-kas itu makanan orang Malaysia? *[Ketawa]* Ini Tuan Yang di-Pertua, apabila Singapura mengharamkan kas-kas ini, mesti ada sebab, kerana kas-kas ini kalau dia duduk dalam kari Tuan Yang di-Pertua, dia akan mengantukkan kita.

Itulah sebabnya kadang-kadang kita bila makan kepala ikan Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Penjelasan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Duduklah dulu. Kas-kas ini....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Sekejap sahaja.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Fasal kas-kas ini. Emak saya Yang Berhormat bagi Jasin tidak pernah masak kari menggunakan kas-kas. So, masak kari pun boleh buat tanpa kas-kas. Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Memang betul. Tanpa kas-kas pun boleh buat kari. Tetapi kas-kas ini membuat orang ketagih. Itulah sebabnya negara Singapura diharamkan dan banyak di antara orang-orang kita apabila makan di kedai mamak, balik dia mengantuk. Ini bermakna, di dalam itu ada kas-kas. Kas-kas ini apabila dimakan, dia akan ketagih. Itulah sebabnya kena pergi balik gerai itu, kena pergi balik gerai itu. Ini yang akhirnya besok mudarat. Kas-kas ini punya bahaya lebih kurang macam ganja, Cameron Highlands, lebih kurang ganja.

Yang ini Kementerian Kesihatan pula hendak ambil sampel pemakanan orang kampung jual putu piring depan rumah. Cucur kodok hendak diambil sampel. Tapai hendak diambil sampel. Yang kedai mamak yang jual kari-kari ini, kas-kas tidak pergi ambil sampel. Apa fasal? Ini yang jadi permasalahan yang kita ketengahkan ini Cameron Highlands. Bukan fasal kita tidak suka ia berkembang tetapi akhirnya akan memudaratkan orang kita, peluang. Kalau ini tidak dibendung, kita lihat di hotel, hari ini hotel. Tukang masak dari luar, *waitres-waitres* pun daripada luar, pelayan-pelayan hotel pun daripada luar. Adakah anak Malaysia tidak hendak kerja di dalam hotel? Tetapi tidak diberi peluang.

Seorang Ahli: Ramai tidak mahu. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Siapa kata ramai tidak mahu? Ramai daripada sana orang Sabah, orang Sarawak. Kita boleh ambil rakyat Malaysia ini. Kalau orang Cameron Highlands tidak hendak kerja, apa boleh buat? Tetapi orang Sabah banyak yang tidak ada kerja, orang Sarawak banyak tidak ada kerja. Ini dulu yang diberi keperluan dulu, peluang kepada rakyat kita dulu. Sudah tidak ada rakyat kita, baru kita ambil orang luar. Ini Cameron Highlands, saya hendak bagi satu cerita. Di kawasan Merlimau, kawasan industri Merlimau, taktik yang digunakan macam saya ketengahkan semalam hanya untuk memenuhi keperluan hendak ambil pekerja asing, dia datang buat *banner* jawatan kosong di kilang *so and so*, ada temu duga terbuka di balai raya kampung sekian, sekian dalam *banner* itu.

Dia pasang sahaja sekejap, lepas itu sibuk orang dia ambil gambar. Ambil gambar, ambil gambar, dia kata kita sudah menjalankan kempen-kempen di kampung tetapi kita masih lagi tidak dapat pekerja. Dengan demikian, kita minta Kementerian Dalam Negeri supaya memberi kilang ini kuota untuk membawa pekerja asing. Bukan dia betul-betul hendak mengadakan interview di kampung-kampung, tidak. Dia hanya iklan sahaja itu dipamerkan di balai raya di kampung-kampung. Hanya syarat sahaja untuk mendapat pekerja asing. Itu sahaja. Ini yang berlaku. Lebih satu lagi peristiwa Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita tidak *regulate*kan beri kepada agensi pada hari ini, banyak di antara kilang-kilang *Human Resource Manager* kilang-kilang pun hendak menjadi penipu.

Kalau kementerian hendak tahu, datang ke Melaka, saya boleh tunjukkan. Dia menghantarkan surat kilang dia, ya *Human Resource Manager*. Kilang dia tidak perlu orang. Kilang dia tidak memerlukan orang. Kilang elektronik selalunya dia akan menggunakan pekerja-pekerja wanita Indonesia. Tetapi oleh kerana negeri-negeri sumber daripada Bangladesh dan India membayar komisen yang tinggi, *Human Resource Manager* ini menghantar surat kepada Kementerian Dalam Negeri meminta kuota untuk mengambil pekerja-pekerja asing daripada Bangladesh dan India. Bila dapat sahaja kelulusan 500 orang, *approval* ini sudah laku Tuan Yang di-Pertua, sudah laku dah.

Seorang Ahli: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Satu kepala ejen daripada Bangladesh keluar. *Approval* sahaja RM1,000.....

Seorang Ahli: Seorang?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:kalau 500, RM500,000 ejen di unit Bangladesh sendiri pun bayar dia RM500,000 dengan harapan dia dapat *supply* pekerja Bangladesh ke kilang tersebut. Dia dapat sahaja duit, dia pun berhenti kerja sebagai *Human Resource Manager* itu. RM500,000 sudah masuk poket dia, dia pun buat berniaga lain. Tetapi oleh kerana duit dia tidak berkat, kedai yang dia buat pun hari ini sudah terlingkup dah. Hari ini dia sudah bekerja balik dengan satu jabatan lain. Di Melaka saya tahu orang ini.

Amat mudah di dalam negara kita ini untuk satu syarikat memohon pekerja asing pada hari ini, amat mudah sekali. Oleh kerana mudah itulah, yang membuatkan banyak perkara-perkara yang tidak betul berlaku, kementerian. Kita minta melalui Dewan yang mulia ini, apabila kita *regulate* balik tentang peraturan memasukkan pekerja asing ini, melalui Parlimen ini kita minta kerajaan lebih terbuka, *transparent*, tunjukkan mana kilang yang terima buruh asing ini. Kita hendak buat macam AP yang akan datang pun, AP kereta lebih terbuka, siapa dapat, siapa tidak dapat. Inilah cara kita.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, silakan Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat, Yang Berhormat bagi Jasin yang hebat, telah pun berceramah ataupun sudah tidak ceramahkah, cakapkah. Tetapi yang kita tahu, dia banyak bahan tentang pengambilan pekerja asing Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta penjelasan sikit daripada sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin berkenaan dengan pekerja-pekerja asing ini. Soal kilang-kilang, tempat-tempat pekerjaan untuk pekerja-pekerja asing ini, saya tidak faham, termasuklah keperluan pekerja-pekerja asing yang diperlukan di perladangan.

Di Sabah ini banyak perladangan kelapa sawit yang memerlukan pekerja-pekerja asing. Saya mahu tanya, penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Jasin, oleh kerana kilang-kilang di sebelah Semenanjung ini agak banyak, memerlukan pekerja-pekerja asing. Setujukah sahabat saya daripada Jasin kalau syarikat-syarikat yang gergasi ini,

yang besar-besar ini pindah sikitlah pergi Sabah sebab situ di Sabah, di Sarawak, banyak belia kita yang memerlukan pekerjaan. Jadi apa pendapat sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin, kalau kilang-kilang ini, pindahkan sikit-sikitnya, bukan banyak, buat semua. Sikit-sikit pergi Sabah, pergi Sandakan, pergi Tawau, pergi Sibul, pergi Kuching supaya pekerja-pekerja di Sabah ini dapat juga mencari mata pencarian untuk belia-belia yang tinggal desa-desa ini. Bagaimana penjelasan daripada Jasin?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin, jawab sebelah petanglah semasa membuat ucapan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Dewan ditempokkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Saya minta Yang Berhormat bagi Jasin untuk menyambung ucapan.

2.33 petang.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan jawapan kepada celahan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Putatan dan saya menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini saya setuju. Kadang-kadang kita kena gubal balik menengok keadaan industri-industri kita yang mana jangan tertumpukan kepada satu kawasan sahaja supaya rakyat negara kita, seluruh Malaysia dapat nikmat di atas kemakmuran negara kita. *[Tepuk]* Ini juga pernah berlaku di kawasan saya, Yang Berhormat apabila Telekom Malaysia membuat keputusan untuk membina Universiti Telekom (MMU), di Jasin. 500 ekar ladang di Jasin telah diambil, dibeli oleh Telekom Malaysia dengan harga RM3.50 satu kaki persegi.

Apabila hendak buat Universiti Multimedia di Jasin, maka rakyat di Jasin mengalu-alukan kedatangan kerana inilah kita harapkan supaya menjadi *nucleus* terhadap pembangunan Jasin tetapi malangnya kerajaan telah buat keputusan untuk

memusatkan Universiti Multimedia di Cyberjaya, maka projek itu beralih ke Cyberjaya. Hari ini ladang yang 500 ekar ini sudah tinggal semak dan pembangunan Jasin balik malap kerana projek tidak jadi. Begitu juga apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Seharusnya *investors* yang hendak datang ke negara kita yang menghadapi masalah pekerja-pekerja harus memilih kawasan-kawasan yang mempunyai pekerja. Hari ini kawasan-kawasan yang mempunyai pekerja adalah di kawasan luar bandar dan negeri-negeri macam Sabah, Sarawak, Terengganu, termasuk Kelantan.

Seorang Ahli: Betul-betul.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Mengapa tidak industri-industri itu dipusatkan di negeri-negeri berikut supaya seluruh negara dapat nikmat daripada kesan industri. Ini semua hendak berpusatkan dekat di kawasan Lembah Klang ini, yang akhirnya kita dapati bahawa kita menghadapi masalah pekerja. Orang dari Sabah, dari Sarawak kalau hendak datang bekerja di sini memang ada. Tetapi kalau gajinya tidak berapa lumayan, kurang faedah pada mereka untuk datang ke mari. Tetapi kalau gaji yang lumayan, kalau dibagi oleh industri-industri ini, saya rasa tidak ada industri yang menghadapi masalah pekerja. Semua rakyat kita ataupun penduduk-penduduk di kawasan kita ini akan bekerja dengan industri berikut. Tetapi hari ini oleh kerana industri-industri ini menawarkan gaji yang rendah, membuatkan pekerja-pekerja tempatan kita kurang menarik terhadap peluang kerja yang ada yang di bagi oleh industri-industri ini, maka industri-industri beralihkan perhatiannya kepada pekerja asing.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak juga kemukakan bagaimana yang telah saya perkatakan masalah yang kita hadapi. Di kawasan imigresen, di Damansara yang kita dapati banyak di antara mereka yang menawar khidmat untuk menyelesaikan masalah-masalah pekerja asing tadi. Oleh kerana akta yang kita perbahaskan pada hari ini akta agensi pekerjaan swasta ini, Kementerian pun tidak menguatkuasakan dengan cara betul, hari ini ada di antara mereka yang pernah ditahan di bawah akta ISA pun pada hari ini. Ada yang di antara mereka menjalankan kerja-kerja ini. Walhal, dalam akta ini ternyata, apabila orang-orang ini telah menjalani ataupun pernah terlibat dengan jenayah, mereka tidak ada hak ataupun dilarang terus daripada mengendalikan agensi pekerjaan swasta ini. Tetapi pada hari ini kita lihat, ada yang pernah ditahan di bawah

ISA pun sedang menjalankan kegiatan ini tanpa diperiksa oleh mana-mana pihak berkuasa.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Silakan, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jasin.. Yang Berhormat, mahu tahu tanyalah, di manakah kesilapannya sehingga berlaku perkara-perkara yang sebegini, iaitu jelas telah melanggar undang-undang negara. Siapakah mereka yang bertanggungjawab sehingga tidak boleh mengenal pasti mereka yang melakukan kesalahan demi kesalahan terus mendapat kebenaran ataupun diberi kebenaran untuk berurusan dengan agensi-agensi yang seumpama ini? Jadi, apakah Yang Berhormat mencadangkan supaya pemegang-pemegang ataupun mereka yang berurusan dengan pekerja asing ini sekarang ini di *review*, kita mahu tahu nama mereka, dan kalau perlu dibekukan buat sementara untuk penyusunan semula. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang sebenarnya, sekarang seolah-olah industri ini *free for all*. Agensi pekerjaan swasta yang kita bincangkan aktanya ini, tidak terlibat kerana lesen dia tidak membenarkan dia rekrut pekerja asing dengan peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri yang mengehadkan hanya majikan, *direct hiring* oleh majikan. Jadi, agensi ini tidak boleh buat kerja, Yang Berhormat. Oleh demikian, pada hari ini, oleh kerana benda ini terbuka kepada semua, kita menghadapi masalah yang ada ini. Apatah lagi pihak penguatkuasaan ini tidak dijalankan dengan betul.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Bangun]*

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: ISA *detainees*. Saya tidak tahu di mana silap dasar dan peraturan kerajaan yang ada. Saya ingin berkongsi cerita ISA *detainees* ini di Sabah. Satu ketika dahulu ramai yang ditangkap di bawah ISA ini, dimasukkan ke dalam penjara *for six months, one year*, dan ada yang dua tahun disebabkan oleh kesalahan memalsukan dokumen kad pengenalan. Apabila keluar *detainees* yang di bawah ISA ini yang *very clear* ada melakukan kesalahan, ada dokumen yang dikeluarkan tetapi kerajaan memilih untuk meletakkan mereka di bawah ISA. Selepas

dua tahun keluar mereka dibenarkan bukan sahaja seperti menjadi agen, *personal agent*, *private agent* ini tetapi juga dibenarkan untuk berurusan dengan kerajaan dalam bentuk yang lain - dalam bentuk perniagaan dan sebagainya.

Saya setuju jika ada peraturan khas khusus untuk pesalah-pesalah ISA ini seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin yang *direvealkan* oleh Yang Berhormat bagi Jasin yang berlaku dalam konteks pekerja asing ini. Saya setuju agar diadakan satu pendekatan untuk menyekat mereka, bukan sahaja dalam bentuk perniagaan tetapi dalam bentuk urusan kerajaan yang melibatkan masyarakat umum, melibatkan kad pengenalan, dokumen diri, melibatkan pembawaan pekerja asing, melibatkan urusan imigresen dan sebagainya harus disekat dan dilihat oleh kerajaan. Yang Berhormat Jasin, saya ingin kemukakan penjelasan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Kalau kita lihat dalam seksyen 9 dalam akta ini terus-terang 9D:

“.... Orang-orang yang bertanggungjawab atas urusan itu dan tiap-tiap pekerja atau agen yang kewajipannya ada kaitan dengan urusan-urusan itu adalah

- (i) seorang yang mempunyai kelakuan yang baik;*
- (ii) bukannya seorang bankrap yang belum dilepaskan; dan*
- (iii) tidak disabitkan atas sesuatu kesalahan dan dihukum penjara lebih daripada satu tahun atau denda lebih daripada RM2,000”.*

Dalam akta itu ada. Terang dalam akta.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Ipoh Timor.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Saya amat terperanjat dengar Yang Berhormat bagi Jasin kata bahawa orang-orang bekas tahanan ISA patutlah dihalang daripada semua kontrak, *business*, bekerja agensi. Apa asas dan alasan yang menyamakan bekas tahanan ISA sebagai seorang yang berkelakuan tidak baik? Apabila ISA ialah satu undang-undang yang *draconian* tidak adil, perbicaraan tanpa pertahanan, tanpa perbicaraan, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada orang-orang bekas tahanan yang ada jadi Menteri,

bekas Timbalan Perdana Menteri yang hampir menjadi Perdana Menteri, Ketua Pengarang *News Strait Times* dan saya sendiri bekas ISA?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak rasa malu. Saya bangga. Saya rela berdiri dua kali ditahan ISA, tidak *surrender*. Bukan seperti orang yang begitu sering *surrender* prinsip-prinsip mereka. Bagaimana Yang Berhormat kata berdiri di sini kata mereka yang *ex-ISA* patutlah *dissemble qualification, distort qualification* menjadi hak warganegara kelas 10 dan kelas 20 apabila mereka sudah dianiyai dalam sistem keadilan undang-undang. Sekarang mahu menganiyai mereka dalam kehidupan sivil mereka.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa SUHAKAM ada buat *recommendation* patut memansuhkan ISA. Saya harap Yang Berhormat janganlah buat ucapan seperti itu yang sangat menunjukkan bahawa ia sangat *untie* hak-hak sivil, hak-hak warganegara di sini. Mungkin orang bekas ISA lebih tidak setia daripada mereka dalam ISA seperti saya. *[Dewan menjadi riuh seketika]* Ya, saya berani kata. Bukan oleh kerana ditahan ISA ialah tidak taat setia. Baru.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Soalan, soalan.

Tuan Lim Kit Siang:mereka tidak bersetuju dengan kerajaan pada masa itu bukan tidak taat setia. Mereka lebih taat setia kepada negara oleh kerana rela menghadapi kezaliman ISA. Adakah Yang Berhormat faham itu?

Seorang Ahli Pembangkang: Jawab! Jawab!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Ipoh Timor. Saya faham. Yang saya timbulkan itu saya belum habis lagi kawan ini dah kacau.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang saya maksudkan mereka yang ditahan di bawah ISA adalah mereka yang dahulu tipu passport, cap sendiri passport, bikin IC palsu. Apabila dia tertangkap dia dihantar ke Kemunting - ISA. Hari ini sudah dibebaskan, dia menjalankan lagi kerja untuk menguruskan agensi. Faham tidak?

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Adakah salah saya cakap ini?

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Silalah.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat bagi Jasin bersetuju golongan ini, baiklah golongan ini ada dokumen-dokumen palsu dahulu, sijil kewarganegaraan, sijil lahir, IC dan sekarang MyKad dan lain-lain mereka patutlah dibawa ke mahkamah satu perbicaraan terbuka, bukan sahaja bahawa di bawah ISA pun tidak tahu mungkin ada penganiayaan. Mereka mungkin ada yang salah mungkin mereka yang berdosa tidak salah ini patutlah semua kes ini tidak patut digunakan di bawah ISA.

Saya harap Yang Berhormat boleh bersetuju semua kes-kes seperti ini tidak patutlah digunakan ISA. Mereka patut dibawa ke mahkamah. Kalau ada bukti mereka patut menghadapi *consequences* dan kalau tidak patut dibebaskan. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa ISA tidak patut digunakan untuk kategori ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya tidak pernah akan setuju dengan Yang Berhormat Ipoh Timor. Apatah lagi yang disebut oleh Ipoh Timor itu tidak relevan dengan akta yang kita bincangkan.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang saya bincangkan.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Duduk, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang saya bincang ini.....duduk! Duduk!.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang saya bincangkan ini ialah akta agensi pekerja swasta dan orang-orang yang pernah ditahan di bawah ISA kerana dia sudah buat kerja yang salah, memalsukan pasport, memalsukan permit hari ini ditahan di bawah ISA, saya setuju ditahan di bawah ISA. *That is lesson number four.*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *Lesson number four*, Yang Berhormat Ipoh Timor! Jangan cakap *out of topic*. Saya amat taat kerana kita membahaskan lesen agensi ini.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua, 36(1), relevan. Tiga hari Yang Berhormat bagi Jasin sudah cakap, sudah langgar 36(1). Kenapa dia

patut diberi untuk tiga hari? *Irrelevant* ...Ooo..banyak tidak apa, relevan. Tiga hari *irrelevant*. Ahli Parlimen yang maha *irrelevant* dalam *Parliament session* ini. *The most irrelevant ninth*. Kenapa dia dibenarkan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jasin, teruskan.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Inilah Tuan Yang di-Pertua. Kuda tua ini pun tidak tahu mana satu relevan mana satu tidak. Tiga hari saya berucap saya ingat Yang Berhormat tengok sahaja muka saya dia keluar balik, keluar balik. Habis dia kata pula saya cakap tidak relevan. Kawan-kawan saya semua kata relevan.

Beberapa Ahli: Ya, betul!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Lebih suara Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini masalah ini, Tuan Yang di-Pertua satu perkara yang lain. *Lesson number five* sekejap lagi akan keluar. Ini satu lagi Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:saya minta perkara ini... kita gelak-gelak juga, kita suka-suka. Ini berkenaan dengan pasport terbang berleluasa pada hari ini di Imigresen Damansara dan saya diberitahu oleh rakan-rakan saya adalah melibatkan orang-orang yang beruniform. Kita mengadakan Ops Tegas supaya kita dapat menghantar pulang pendatang-pendatang tanpa izin ke nagara asal mereka. Hari ini pasport terbang yang didalangi oleh orang-orang yang beruniform ini ialah untuk menghalalkan mereka yang duduk haram di dalam negara kita ini. Orang itu masih duduk di dalam Malaysia hanya pasportnya terbang ke negara asalnya. Bukan kita tidak tahu orang-orang ini dalam segi sijil kesihatan dia, sihat ataupun tidak itulah sebabnya saya mengatakan bahawa dekat Damansara ada sijil-sijil kesihatan *for sale* kerana hendak menghalalkan mereka ini, begitu juga dengan *job-job order for sale* kerana dengan kuota yang diluluskan oleh KDN. KDN tidak ada ini. Maka orang-orang ini dimasukkan walhal orang itu dalam negeri. Jadi masalah ini besar, jadi hal-hal macam ini saya minta supaya kerajaan jangan lengah-lengah dan menggunakan Akta ISA untuk menahan dan menangkap mereka ini yang menjadi petualang-petualang pengkhianat

kepada negara. Takkan hendak tunggu bicara. Benda ini berlaku, benda ini berlaku sekarang, jadi akta mana hendak pakai ini hendak menahan mereka. Akta mana? Yang hari ini daripada dahulu sampai sekarang Kementerian Sumber Manusia menggunakan akta ini untuk mengawal selia mereka yang ada lesen sahaja. Itu di Damansara, dekat imigresen itu di atas, di bawah yang menjalankan perniagaan pernah ke Kementerian Sumber Manusia periksa mereka ini sama ada mereka ada lesen yang sah ataupun tidak.

Itulah sebabnya Kinabatangan saya telah menyatakan di Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia ke, KDN ke yang mana kita menghadapi masalah yang maha besar pada hari ini dalam negara kita. Itulah sebabnya saya minta kerajaan pada hari ini, di dalam Dewan yang mulia ini tubuhlah dengan cepat satu jabatan khas, khusus untuk menangani masalah kemasukan dan peluang-peluang kerja untuk buruh-buruh asing, yang mana mereka melapor terus kepada Jawatankuasa Kabinet tentang buruh asing yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Yang KSM ini, Kementerian Sumber Manusia dibuat kajian dan kajian-kajian ini harus dihormati oleh jabatan ini sama ada satu-satu kawasan, .satu-satu kawasan industri di mana negeri sama ada perlu atau tidak perkhidmatan pekerja-pekerja asing ini. Kita pun pelik.

Kalau kita lihat pada hari ini di semua negara di dunia yang menggunakan khidmat pekerja asing di Indonesia, yang menangani eksport pekerja dia ialah Kementerian Tenaga Kerja iaitu sama dengan Kementerian Sumber Manusia kita. Di Singapura masalah tenaga kerja adalah Kementerian Sumber Manusia. Di negeri-negeri maju adalah Kementerian Sumber Manusia. Negara kita pula Kementerian Sumber Manusia ini 'harimau sudah tidak ada gigi', kita serahkan semua pula kepada KDN dan imigresen.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Silakan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Jasin saya berminat apabila Yang Berhormat Jasin menyebut tentang negara Singapura.

Berdasarkan pengalaman Yang Berhormat Jasin lebih kurang 20 tahun mengimport pekerja-pekerja asing ini, saya nampak Yang Berhormat Jasin memang benar-benar mempunyai pengetahuan, kepakaran dan pengalaman yang luaslah. Di Singapura, mereka tidak pernah mengalami masalah pekerja asing ini terutamanya apabila lambakan pekerja asing ini berada di Malaysia, dan kita dapati pada ketika itu pihak Singapura mengadakan sekatan serta kawalan yang begitu ketat di sempadan-sempadan mereka terutamanya di perairan Sempadan Malaysia-Singapura, Singapura-Filipina, Singapura-Indonesia.

Saya juga dimaklumkan bahawa pemerintah Singapura tidak membenarkan langsung mana-mana pekerja asing ini menggunakan permit pekerja mereka di negara mereka, tetapi cara yang dibenarkan ataupun diizinkan berlaku di Singapura ialah jika ada pelancong-pelancong yang menggunakan visa pelancong datang ke Singapura, dan dalam masa yang sama mengambil kesempatan untuk memohon pekerjaan, maka agensi ataupun syarikat yang menerima mereka bekerja itu perlu melakukan proses permohonan kepada pemerintah Singapura. Dengan cara ini mereka dapat mengawal, pertama sekali bidang kerja yang dilakukan oleh pekerja tersebut.

Yang kedua, jangka masa dan beberapa perkara lain yang melibatkan warga asing itu tadi. Cuba Yang Berhormat Jasin komen sedikit tentang perkara itu kerana mungkin kita boleh mencontohi negara Singapura dalam urusan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Tangga Batu. Bagaimana telah saya sebut satu dua hari ini, bahawa industri tenaga kerja ialah satu industri yang multi million ringgit. Di Malaysia ini yang berlegar, berlegar wang komisen ini, tentang pekerja-pekerja asing ini lebih daripada 200 juta satu tahun. Tetapi 200 juta ini kita tidak tahu duduk di poket siapa.

Pada agensi yang kita tengah bincangkan rang undang-undang ini, dia hanya pembantu rumah sahaja, yang mana itu tinggal tulang isi dia wallahualam bissawab. Kalau benda ini diserahkan kepada agensi balik dengan pengawasan di bawah Kementerian Sumber Manusia yang *regulate* lesen dia, maka kerajaan dapat tahu di mana pergi 200 juta industri daripada pembekalan tenaga kerja ini, dan dengan tersusunnya peraturan kerajaan juga dapat untung, kerana kerajaan boleh cukaikan

pada *players-players* dalam industri ini. Ini yang dibuat di Singapura. Senang, simple. Ini keuntungan dia, isi dimakan, campur makan kita pun tidak tahu, ular sawa ke jin, syaitan wallahualam bissawab. Dan kalau kita ingat mungkin mengikut dalam undang-undang ini bon kepada kerajaan untuk mengawal agensi-agensi ini 10,000 atau 20,000 dan imigresen pada hari ini 100,000 *bank guarantee* tidak cukup untuk mengawal mereka kerana industri ini, pada hari ini besar.

Mungkin kita boleh gubal satu undang-undang yang baru, akta yang baru, kenakan supaya mereka yang hendak menjalankan agensi pekerjaan swasta ini untuk membawa pendatang-pendatang asing, kita kenakan bank *guarantee* RM500,000. Kalau dia melakukan kesalahan kerajaan boleh ambil duit dia dan kalau dia sayangkan dia hendak cari makan dalam bidang ini dia akan ikut peraturan, ini yang dibuat di Singapura. Ini yang terlaksana di Singapura tetapi hari ini kita *free for all*. Semua boleh jadi *human resource consultant*. Tidak ada kawalan, tidak ada kawalan. Ini yang jadi punca masalah kita pada hari ini. Peraturan demi peraturan, undang-undang demi undang-undang. Kalau Jawatankuasa Kabinet punya keputusan pun dia langgar macam yang diumumkan oleh kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia, bahawa tiap-tiap pekerja asing yang hendak bekerja di Malaysia diwajibkan menjalani Kursus Induksi sebagai prasyarat untuk mendapat visa.

Ikut kertas kerja cantik. Kerajaan telah memutuskan tetapi pelaksanaannya, Timbalan Menteri pelaksanaannya bagaimana pak?

Kalau ikut daripada bidang-bidang subjek kursus induksi memberi penekanan pada provinsi komunikasi, kesedaran kepada budaya, adat, kepercayaan agama masyarakat Malaysia, kefahaman undang-undang dan peraturan perburuhan imigresen, kanun keseksan serta *remedy* dan prosedur bagi menyelesaikan pertikaian dan tuntutan perburuhan. Memang cantik, tujuan dan maksud dia murni tetapi ada pula daripada kementerian satu lagi mengatakan tidak payah. Mengapa jadi macam ini, mengapa.

Itulah sebabnya tuan-tuan jangan pelik, Yang Berhormat semua jangan pelik, apa yang berlaku dekat Negeri Sembilan, Kilang Walon yang mana pekerja Indonesia apabila polis datang menangkap rakan-rakan mereka kerana terlibat dengan dadah,

terlibat dengan benda-benda maksiat, pekerja-pekerja Indonesia telah membantah tindakan polis itu dengan adanya rusuhan dan mengibarkan bendera Indonesia.

Kalau dia ikut kursus ini yang dikemukakan oleh Kementerian Sumber Manusia, perkara-perkara macam itu tidak akan berlaku kerana menjadi satu kesalahan kepada mereka. Mereka berada di Malaysia dia kena ikut undang-undang Malaysia, ...kan baik kursus ini tetapi tidak dilaksanakan hanya kita retorik sahaja.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan bahawa pada hari ini oleh kerana kita tidak dapat mengkhususkan peraturan kita, kita menjadi bahan ketawa negara-negara pembekal. Negara-negara pembekal tenaga kerja ketawakan kita kerana kita tidak konsisten dengan peraturan-peraturan, kejap boleh, kejap tidak boleh. Kena buat ini, buat itu lepas itu tidak payah.

Oleh kerana benda yang kucar-kacir, kucar-kacir, kucar-kacir macam ini di antara kita juga, maka, jangan hairan, jangan hairan perkara-perkara yang tidak baik, perkara-perkara yang buruk yang boleh menggugat keselamatan negara kita. Ini macam passport terbang, individu-individu boleh bawa 50, 100 *copy* passport terbang ke negara asal pekerja-pekerja tanpa izin ini dan di sana boleh cop pula dekat kedutaan kita dekat sana cop, bermakna dibagi visa untuk masuk. Lepas itu diattachkan lagi dekat kementerian sana. Berebut masuk lepas itu dekat masuk pula imigresen cop lagi mengesahkan pekerja ini sudah masuk. Sudah pergi ke ibu pejabat imigresen pergi bayar pula PLKS, bayar pula LAVY, dicop tetapi orangnya, wallahualam bissawab. Orang tidak ada passport sahaja berjalan, orang ini mungkin di kelapa sawit mana-mana. Buat passport pun tidak ada, hanya bagi gambar passport boleh keluar, ada pula *certificate* kesihatan dia, sama sekali. Ini sedang berlaku kerana peraturan kita amat longgar, amat longgar Tuan Yang di-Pertua.

Kita berharap tidak akan kita hendak masalah ini terus berlanjutan, *we must come out with something* dengan izin, *we must come out with something*. Kalau tidak ada besok negara kita akan jadi senasib bagaimana berlaku di Filipina, bagaimana berlaku di Indonesia. Di Filipina, di Indonesia bukan tidak ada *naturally sources*, dengan izin, bukan tidak ada orang bijak-bijak tetapi oleh kerana negara itu terlampau banyak rasuah dan sebagainya, akhirnya negara itu jauh di belakang kita.

Disebabkan juga industri tenaga kerja yang ada dalam negara kita pada hari ini, yang masuk ada yang kena bayar ini, bayar itu, bayar ini membuatkan negara kita dalam segi indeks rasuah, oleh kerana adanya kedatangan, kemasukan pekerja asing dengan cara yang saya nyatakan dua, tiga hari ini membuat indeks rasuah kita pada hari ini menurun disebabkan industri ini salah satunya.

Oleh demikian Tuan Yang di-Pertua, kita kena buat benda ini, kalau tidak ada hancurlah negara kita dan peluang pekerjaan untuk rakyat kita akhirnya yang mana patut mendapat pekerjaan, yang mana mendapat rezeki di atas kemakmuran negara kita atas perjuangan kita sama-sama, maka dinikmati oleh mereka yang datang sebagai pekerja asing di peringkat awal akhirnya besok dia akan menjadi tuan dalam negara kita.

Kita lihat apa yang telah berlak di Pasar Chow Kit sebagai contoh. Dahulu warung-warung, gerai-gerai yang menjual minuman, makanan, buah-buahan adalah dimonopoli oleh rakyat Malaysia. Hari ini kita pergi lihat siapa yang meniaga, kedai-kedai di Jalan Tuanku Abdul Rahman, di Jalan Chow Kit, kurang laku kerana orang-orang yang meniaga di kaki lima yang merupakan pendatang-pendatang ini berniaga.

Mereka dibeli di kedai itu, lepas itu dia boleh jual pula di hadapan kedai yang berkenaan lebih murah lagi daripada kedai yang membekalkan dia. Kita pun tidak tahu macam mana dia buat duit, yang kena cukai, yang kena dilesenkan adalah pekedai. Penjaja-penjaja tidak pernah kita lesenkan, tidak pernah kita cukaikan.

Dasar kita pada hari ini, kita ada berapa belas negara pembekal tenaga asing, yang menghairankan saya Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kerajaan boleh buat pengumuman untuk kita memberi kuota 100,000 kepada pekerja-pekerja Pakistan. Saya pun tidak faham. Di Arab Saudi pada hari ini pun yang banyak dahulu pekerja-pekerja asing, dia pun sudah mula tidak pakai pekerja Pakistan, kita Malaysia pada hari ini pula membuat keputusan untuk mengambil 100,000 pekerja-pekerja Pakistan.

Di pasaran di antara majikan-majikan ramai telah menyatakan mereka sendiri pun tidak hendak pekerja Pakistan kerana untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pekerja Pakistan ini yang pertama, minta maaf orang-orang yang berdarah Pakistan, dia ini agak panas baran cepat, yang kedua perangai dia tidak akan bekerja kalau pendapatan dia rendah.

Itulah sebabnya kita lihat pada hari ini majikan-majikan yang ambil pekerja Pakistan, mereka pada hari ini menghadapi masalah kerana pekerja-pekerja Pakistan ini hanya hendak menggunakan perusahaan itu untuk membolehkan mereka ini berada di Malaysia. Mereka bekerja saja-saja hendak memenuhi masa tetapi lebih daripada itu dia hendak berniaga. Dia masuk kampung-kampung menggunakan basikal dan motosikal sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai, perniagaan dia yang pertama yang dia *famous* ialah *carpet*.

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Tuaran.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Pandangan Yang Berhormat bagi Jasin tentang pekerja Pakistan ini amat menarik. Kerajaan sudah memutuskan memberi kuota sebanyak 100,000 pekerja dari Pakistan itu dibawa ke Malaysia. Apakah kerajaan tidak mengkaji perkara-perkara seperti ini sebelum ini? Apakah asas kerajaan untuk membuat dasar untuk mengambil 100,000 pekerja daripada Pakistan, sedangkan pandangan Yang Berhormat bagi Jasin tentang siapa sebenarnya orang Pakistan ini nampaknya tidak sesuai. Sila jelaskan, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Memang, kalau hendak ditanya majikan, tidak ada majikan yang akan menggajikan pekerja-pekerja Pakistan kerana dia lebih berminat untuk berniaga, bukan tumpuan dia kepada pekerjaan. Tinggal lagi sahabat saya, Yang Berhormat bagi Tuaran, kerajaan terpaksa memberi kuota kepada Pakistan kerana mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pakistan kerana membeli minyak kelapa sawit kita dengan banyak. Itu sahaja balas budi, *barter trade*.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Yang Berhormat bagi Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jasin, sahabat saya. Sebenarnya yang saya faham sebab tadi Yang Berhormat bagi Tuaran menyebut kita langsung tidak menentang dasar kerajaan, hendak mengambil pekerja daripada Pakistan seramai 100,000, satu juta pun tidak apa. Tetapi di peringkat pelaksanaan biar betul. Maksudnya kalaulah agensi pekerjaan swasta

lain-lain itu diberikan suatu peraturan yang tegas bahawa mereka boleh bawa masuk tetapi janganlah mudah bawa masuk. Maksudnya begitu. Janganlah kita mengambil pekerja asing, pekerja daripada Pakistan atau mana-mana secara mudah dan akhirnya kita dapat yang *terrorist*, yang tidak minat untuk bekerja, yang jual *carpet*, yang kacau minta maaf, yang kacau anak bini orang dan sebagainya.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, yang berlaku dalam negara kita. Saya minta maaf. Saya tidak malu menyebut dalam Dewan yang mulia ini bahawa berlaku di Ledang. *[Disampuk]* Di Tuaran pun ada berlaku. Mereka yang dibawa masuk daripada Pakistan, bekerja di tempat kita akhirnya dia buat lagu lain. Pertama berniaga, berniaga *carpet* seperti Yang Berhormat bagi Jerai sebut tempoh hari, memang minat mereka menjual *carpet*. Kemudian pergi dari satu rumah ke satu rumah, akhirnya mereka telah pun menggunakan keindahan *carpet* itu untuk memikat bukan anak dara, anak bini dan anak dara orang. *[Disampuk]*

Hendaknya bila berlaku satu pergaduhan. Katakanlah jiran sebelah rumah yang tersebut ini ada kaitan dengan agensi pekerjaan swasta ini, apabila berlaku pergaduhan kerana kita cuba hendak menghalang kurang ajar mereka ini, saya pelik dalam sekelip mata rakan-rakan Pakistan dari tempat lain datang.... dalam tempoh lima minit datang hendak bergaduh dengan kita. Tuan Yang di-Pertua, cubalah kita fikir inilah yang berlaku. Sebab itu saya sebut tadi, kena berhati-hati bila hendak bawa pekerja dari Pakistan. Mereka ini dengan budayanya lain.

Saya dahulu ada kawan di Glasgow, saya tanya sahabat saya, *classmate* saya, saya tanya dengan izin, "*Do you like your country? I hate my country. Why? Because my country is very hot.*" Maknanya dengan sombongnya dia kata, "*My country is very hot. Pakistan is very hot. This country is very cold*". Di Glasgow, sampai ke tahap itu. Maknanya budaya mereka bukan budaya berterima kasih, bukan budaya yang ada cinta kepada negara mereka, tidak.

Jadi saya yakin ada yang baik-baik. Ini yang agensi pekerjaan swasta, kalaulah diberi mandat, mereka menapis dengan setegas-tegasnya supaya tidak berlaku membawa budaya yang jahat ke dalam negara kita. Sila Yang Berhormat bagi Jasin kalau boleh Yang Berhormat bagi Jasin mungkin jadikan satu bahan ucapan. Terima kasih. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Kalau diminta pandangan agensi berkenaan dengan perkara ini. Kita semua tahu di antara yang susah di"manage" pekerja-pekerja ini, yang susah diuruskan salah satunya ialah pekerja Pakistan. Hari ini dekat negeri Jepun sendiri, minta maaf, orang yang berdarah Pakistan ini, di negeri Jepun, Tuan Yang di-Pertua, dahulu dibanjiri oleh pekerja-pekerja Pakistan, hari ini Jepun pun sudah menyekat kerana pada hari ini masalah sosial yang berlaku dekat Jepun disebabkan oleh pekerja-pekerja asing daripada Pakistan dan Bangladesh ini telah menimbulkan keretakan rumah tangga yang amat ketara di Jepun sehinggakan anak-anak dara di Jepun sudah tidak hendak berkahwin dengan orang Jepun. Dia hendak berkahwin dengan orang Pakistan. Saya tidak tahu pasal apa.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat bagi Tangga Batu hendak tanya ke? Yang Berhormat Tangga Batu hendak tanya?

Tuan Yang di-Pertua: Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya tengok perbincangan kita ini mungkin sedikit telah menyentuh peribadi saya. [*Ketawa*] Saya telah berkahwin dengan seorang perempuan yang bernama Fadilah binti Abdullah Khan bin Akram Khan. Emak dia nama Raesah binti Kamal Khan. Dua-duanya datang daripada Pakistan. Jadi bila Yang Berhormat bagi Jasin dan rakan-rakan lain menyebut tentang, Tuan Yang di-Pertua, sifat-sifat yang mungkin kadang-kadang saya perasan ada juga itu, [*Ketawa*] cepat marah, hendak kerja yang baik-baik sahaja.

Jadi mungkin saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat bagi Jasin, apa yang berlaku ini mungkin mereka ini dibina, *upbringing* mereka, pembesaran mereka dididik dengan cara yang begitu rupa. Jadi adakah polisi yang sama diperkenalkan kepada pekerja-pekerja asing yang datangnya daripada Indonesia, digunakan juga untuk mereka yang bakal datang daripada Pakistan, Bangladesh ataupun negara-negara Indo ini? Boleh saya dapatkan maklumat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Semuanya sama. Semuanya sama, tinggal lagi bagaimana yang disebut oleh rakan-rakan dan juga apa yang saya ketengahkan,

orang Pakistan ini dia tidak boleh kurang daripada orang sedikit. Dan apa yang berlaku di Jepun, saya sambung cerita di Jepun kerana orang Pakistan ini dia suka masak sendiri. Dan dia suka masak sendiri, dia suka duduk rumah. Itu sebab kata orang, dia lebih kurang perangai orang Arab, Arab tidak ada kan hari ini? Perangai Arab, kan kata orang Melayu kalau hendak nikah janda jangan nikah janda Arab bukan? Masa tidak bagi dia bagi keluar rumah sahaja. Ini perangai Pakistan.

Apa yang berlaku dekat Jepun, orang Jepun, orang lelaki dia, Tuan Yang di-Pertua, dia pagi keluar kerja, apabila sudah selesai kerja, dia akan pergi ke karaoke, dia pergi ke pub, dia pergi *enjoy* dulu, dia minumlah apa semua, pukul 11 atau pukul 12 baru balik rumah. Bila dia dapat *boyfriend* Pakistan, pukul 4 selesai kerja, 4.30 sudah ada di rumah dan dia pula masak, itu ini, menolong membantu kaum wanita atau perempuan di Jepun. Akhirnya perempuan Jepun seronok dengan cara macam itu yang mana tabii mereka lebih baik daripada lelaki Jepun, akhirnya banyak di antara rumah-rumah tangga di Jepun itu retak, bercerai.

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Eh?

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh? Ya, sila.

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila.

Cik Fong Po Kuan: Saya rasa kalau kita rujuk kepada pindaan yang dikemukakan adalah pindaan dua seksyen, penakrifan dan juga perpindahan kuasa, perlantikan hanya dua sahaja seksyen. Yang Berhormat dari Jasin telah ucap tidak kurang enam setengah jam. Ini berkenaan kuasa dan perpindahan penggantian takrifan sahaja. Jadi saya harap apakah ahli-ahli yang lain akan mendapat enam setengah jam nanti. Jadi persoalannya, kita jagalah imej bagilah ucapan yang ada *substance*, yang berkaitan Peraturan Mesyuarat 36(1) tepat pada masa berkenaan perkara itu dibangkitkan, tetapi sekarang penakrifan dan bidang kuasa perlantikan dipinda dari "Yang di-Pertuan Agong" kepada "Menteri" penakrifan sahaja. Jadi saya haraplah kita patuhi apa yang diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *substance debate*, dengan izin dan juga mematuhi Peraturan Mesyuarat 36(1) bagi ahli-ahli yang

lain hendak berucap, Yang Berhormat Jasin telah berucap tidak kurang enam setengah jam.

Seorang Ahli: Tiga hari.

Cik Fong Po Kuan: Tiga hari pada 21hb mula dengan dua minit, mesyuarat tangguh, semalam 11.17 pagi sampai pukul 1.00 tengah hari selepas itu 2.30 petang sampai 4.30 petang, hari ini sambung 11.25 pagi sampai pukul 1.00 tengah hari selepas itu 2.30 petang sampai sekarang. Jadi saya haraplah Tuan Yang di-Pertua, bagilah ahli-ahli yang lain yang mereka hendak berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masalah yang dibangkitkan ini ada kaitan dengan satu masalah yang besar, yang dihadapi oleh negara iaitu pekerja-pekerja asing. Walaupun ia merupakan pindaan-pindaan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Batu Gajah tadi, tetapi ia berkaitan dengan masalah yang begitu merunsingkan. Jadi itulah sebabnya diberikan keluasan sedikit Yang Berhormat bagi Jasin untuk bercakap. *[Tepuk]* Walau bagaimanapun saya rasa sedikit masa lagi Yang Berhormat akan diminta untuk menggulung ucapannya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua *signal* sahaja, saya gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Dia ini tidak faham, Batu Gajah tidak faham, dia hendak ambil pula kerja Tuan Yang di-Pertua.

Cik Fong Po Kuan: Ya, dengan izin, dengan izin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Peraturan mana pun tidak sebut? Peraturan Mesyuarat dia cakap.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(1) menyatakan,

“Seseorang Ahli Dewan apabila membahaskan Rang Undang-undang yang meminda akta induk, hanya perkara-perkara yang berkaitan rang undang-undang itu sahaja yang dibenarkan bercakap dan tidak kepada perkara yang melibatkan akta induk”.

Sekarang kita bukan meminda akta induk dan hanya perkara berkenaan dua seksyen dalam akta induk sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Cik Fong Po Kuan: Jadi saya haraplah, jangan sampai sikap orang Pakistanlah, selepas kerja pergi Karaoke, orang Jepunlah, semua ini masuk.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yalah.

Cik Fong Po Kuan: Ini tidak ada kaitan dengan pindaan. Jadi saya harap jangan lupa baca Peraturan Mesyuarat dahulu sebelum bahas, sama-sama jaga maruah dan nama baik Parlimen ini sekarang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya tidak perlu dengar apa yang disarankan oleh Batu Gajah, dan saya kira apa yang saya perbahaskan ini ialah maha penting untuk negara kita, walaupun dua perkara ini dipinda, tetapi melibatkan Yang di-Pertuan Agong kuasa yang hendak diturunkan kepada menteri dan kita hendakkan supaya benda ini atau akta ini lebih konkrit supaya masalah yang kita hadapi pada hari ini tidak berulang. *[Tepuk]*

Tuan Nasaruddin bin Hashim: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Jasin, saya daripada dua hari yang lepas meneliti ucapan Yang Berhormat Jasin, saya dapati semuanya relevan pada saya. Ada *substance*, ada isi cuma hanya orang-orang yang dengki dan prasangka sahaja, ini perasaan dengki, ini contohnya pasal Pakistan, kerajaan sekarang membenarkan kita ambil 100,000 ribu orang Pakistan, kita hendak tahu juga kenapa dan ini berkenaan dengan pekerja asing. Kecuali Pakistan itu bukan orang asing so, bila Yang Berhormat Jasin bercerita sedikit cuma saya minta jangan keluar landasanlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Hah! *[Ketawa]*

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Minta sahajalah jangan keluar, tetapi setakat ini belum keluar sudah hendak dekat keluar, jadi sebelum keluar kita ingatkan. Jadi bila kita bercerita ini kita pun hendak tahu pasal Pakistan ini, sebab masa saya pergi dengan Santubong ke Persidangan Parlimen Asia sama dengan Arau di Pakistan,

dua tiga orang pemandu kereta yang membawa kita itu bagi dokumen passport dekat saya minta hendak datang Malaysia, oh Ampang pun pergi sama saya terlupa, lupa pula Ampang padahal Ampang pakai baju biru. Dia minta kebenaran untuk datang ke Malaysia saya kata sekarang ini belum ada keputusan, maknanya memang mereka hendak datang tetapi mereka itulah yang kaki tuang sebenarnya masa bawa kita, tahu-tahu tidak ada, tahu-tahu tidak ada. Jadi penceritaan mengenai perangai itu bagus cuma belum keluar lagi, jangan keluar lebih dari itu. Saya ada kemusykilan sedikit mengenai Pakistan ini sebab di kawasan saya di Ketereh, saya tidak tahu kenapa tiba-tiba ramai orang Pakistan. Hendak minta penjelasan, penjelasan hendak kena panjang sebab ceritanya cerita panjang. Apabila saya tengok, ada yang jual carpet, ada yang berjalan-jalan sahaja, apabila saya cek, saya kata kamu ini dari mana, selepas itu dia bercakap campur Melayu dengan fasih dan tidak fasih. Dia kata, "Saya ada kad pengenalan", ini yang saya pelik ini, apabila saya cek kad pengenalan, kad pengenalan ini dari Sabah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kinabatangan punya oranglah!

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Ini yang saya kata relevan dengan yang saya kata itu, semua yang Jasin cakap ini relevan. Kemudian saya teringat cerita di Sabah ini banyak orang kena tangkap ISA dahulu bawa *fake* kad pengenalan. Saya rasa ini mungkin sebahagian darinya, timbul perasaan itu datang kepada saya, saya pun minta tengok kad pengenalan, dia bagilah sebab dia takut, tengok betul kad pengenalan Sabah. Kemudian ada satu orang lagi datang jumpa saya, saya sudah hilang kad pengenalan, saya tengok-tengok dia pun orang Pakistan, keturunan Pakistan, saya tidak tahu dia orang Pakistan, hendak kata macam mana dia orang Pakistan sebab dia ada kad pengenalan, mesti dia orang Malaysia. Saya kata di mana hilangnya boleh bawa dokumen, dia kata, "Ada di Sabah", di Sabah lagi. Jadi saya hendak tanya dan minta penjelasan Jasin ini, apa sudah jadi sebenarnya, banyak sangat dia ke Sabah ke sini, *what happen* sebenarnya yang perkara ini timbul? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Ketereh, mereka ini memang hendak mencari kesenangan di dunia, dia akan buat apa sahaja kerana negara mereka susah. Kita tidak hendak negara kita yang kaya dan senang ini insya-Allah akan kita

warisi kepada anak cucu kita, oleh sebab kedatangan pekerja-pekerja asing ini esok tanpa kawalan kita akan jadi macam dia. Adakah ini tidak penting Batu Gajah? Kalau tidak ada kita letakkan semua Pakistan itu duduk dekat Batu Gajah...

Beberapa Ahli: Setuju, setuju.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kita kahwinkan dia.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kahwinkan orang Pakistan. *[Dewan riuh dengan ketawa]* Kalau orang Jepun sudah tertarik kepada orang Pakistan Batu Gajah oi!

Tuan Nasaruddin bin Hashim: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila Parit. *[Ketawa]*

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya hendak berbalik kepada pengambilan yang diumumkan oleh kerajaan, saya pun terbaca surat khabar Tuan Yang di-Pertua menyatakan kerajaan membenarkan 100,000 pekerja dari Pakistan ini. Saya hendak minta pandangan atau penjelasan daripada Yang Berhormat Jasin. Yang pertamanya tadi Yang Berhormat Jasin mengatakan kebanyakan majikan tidak berminat untuk mengambil pekerja Pakistan atas sebab-sebab yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Jasin tadi. Jadi bagaimana 100,000 ini nanti kalau sampai, kalau tidak ada orang yang menerimanya?

Yang kedua, adakah 100,000 ini diberi latihan dahulu untuk mengelakkan mereka ini menghadapi masalah di sini ataupun kita menghadapi masalah ataupun kerana darurat sangat kita ambil terus sahaja tanpa melalui proses-proses latihan dan sebagainya seperti yang kita sebutkan selama sehari dua ini, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya akan jadikan sebahagian daripada jawapan Yang Berhormat Parit ini sebahagian daripada ucapan saya kerana relevan dan kita minta menteri menjawab. Saya pun pelik dan hairan bagaimana benda-benda yang diputuskan oleh kerajaan untuk mengadakan Kursus-kursus Induksi kepada pekerja-pekerja asing sebelum mereka masuk bekerja dalam negara kita hanya diketepikan macam itu.

Berapa *manpower* kita sudah habis? Kita bayar gaji Ketua Pengarah, kita bayar gaji Timbalan Ketua Pengarah, kita bayar gaji Timbalan Menteri, Menteri-menteri semua pegawai-pegawai di Kementerian Sumber Manusia untuk mendatangkan satu dasar untuk membaiki sistem yang ada, yang mana kita dapati bahawa tanpa kursus induksi kita menghadapi masalah sosial dalam negara kita dengan kehadiran pekerja-pekerja asing dan kita tahu bahawa sekiranya kita mengadakan kursus ini kita dapat menenangkan keadaan, kita dapat membaiki keadaan tetapi niat dan tujuan yang murni ini diketepikan begitu sahaja. Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jasin. Dia punya nada turun, naik, naik, mendatar. Ini menandakan Tuan Yang di-Pertua, bagaimana wakil-wakil rakyat Barisan Nasional ini prihatin membantu melihat masalah yang dihadapi oleh kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan daripada pembangkang harus menyedari bahawa kita memang menghadapi masalah. Justeru itu masalah yang di bincang ini perlu dihalusi dan diperincikan dan mengikut rekod inilah perbahasan yang terpanjang dalam Parlimen kita ini dan ini bermakna rakyat harus bersimpati dengan kita semua sebab kita memikul tanggungjawab dan amanat ini lebih-lebih lagi Yang Berhormat Jasin yang berucap enam jam dekat tujuh jam.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Apakah Yang Berhormat ingin menyatakan kepada kerajaan bahawa kalau kita boleh prihatin kita mahu minta pegawai-pegawai penguat kuasa yang diberi amanah juga prihatin. Jangan ada pasport terbang, jangan ada kad pengenalan yang tidak tulen daripada Sabah ke Kelantan dan sebagainya sebab kalau ini berlaku maka keraguan di kalangan rakyat itu akan timbul. Jadi saya meminta Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan supaya memastikan setelah kita bahas sehari-hari, undang-undang, akta yang kita akan luluskan ini diguna pakai dan kerajaan juga khususnya pegawai-

pegawai penguat kuasa dia harus telus melihat keadaan ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya daripada Kinabatangan. Tahniah! Cadangan yang baik dan saya buat pengakuan supaya apa yang telah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:diperkatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan akan menjadi sebahagian daripada ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh bangun Yang Berhormat. Ada dua yang bangun.... tiga.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat Kubang Kerian, saya hendak dengar Yang Berhormat Kubang Kerian dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kubang Kerian ya? Sila.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya *appreciate* lah Yang Berhormat Jasin sebab saya berucap panjang tetapi saya kecil hati. Saya kecil hati sebab dia berucap lepas saya berucap pada tanggal 21 Jun 2005. Saya hendak baca Hansard:

“Saya juga hendak bersama-sama dengan rakan-rakan untuk membincangkan berkenaan Akta Agensi Pekerja Swasta tetapi di bawah persepsi yang lain kerana pada hari ini saya lihat, daripada semalam sampai hari ini daripada apa yang telah dikatakan oleh rakan-rakan backbenchers dan juga pembangkang saya tengok semua lari daripada tajuk.”

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Salahuddin bin Ayub: Tentang kita bercakap lari tajuk. Dia bercakap enam jam dia pergi Pakistan.

Puan Teresa Kok Suh Kim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Ketawa]* Jadi minta, minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya daripada Kubang Kerian. Saya mula-mula memang hasrat saya bagaimana telah saya nyatakan dalam Hansard itu. Tetapi oleh kerana keadaan mendesak, bagi menjawab celahan-celahan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat semua. Kalau saya tidak melayani segala celahan-celahan ini, tidak lelap malam ini saya tidur. Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Kim: *[Bangun]*

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Apatah lagi SMS dan telefon yang saya dapat daripada rakyat seluruh Malaysia supaya minta saya kemukakan masalah kedatangan buruh asing yang tidak terkawal ini, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat hendak bagi? Ada dua. Yang Berhormat Pensiangan hendak bagi?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat Pensiangan dahululah, Yang Berhormat Seputeh ini kacaulah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Pensiangan sila.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih saudara Yang Berhormat Jasin. Saya tertarik dengan apa yang telah diungkapkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi mengenai dengan Pakistan tadi. Di tempat saya di kawasan 180 dan 182, kita nampak rakyat asing yang kita sebutkan tadi macam menjadi-jadilah iaitu bertambah dari segi bilangan mereka. Sekiranya benar apa yang telah dikatakan bahawa IC-IC ini datang daripada Sabah, saya minta daripada Yang Berhormat Jasin untuk kita melihat secara terperinci.

Kemungkinan besar ada konspirasi di antara pegawai-pegawai ataupun di antara beberapa orang yang ternama mungkin, yang mungkin terlibat dengan pemalsuan IC ataupun pasport ini. Sebenarnya Yang Berhormat dengan pengambilan pekerja-pekerja asing di syarikat-syarikat ini saya ingat akan mengelabukan sahaja. Kemungkinan ada

lagi jalan ataupun proses-proses yang tertentu, yang tersembunyi yang kita tidak nampak. Adakah Yang Berhormat Jasin setuju dengan ini? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat bagi Persiangan, saya setuju, amat setuju. Saya pun kadang-kadang rakan macam Yang Berhormat Seputeh itu merungut-rungut, saya pun tengok kadang-kadang kawan-kawan dok kemukakan soalan seolah-olah saya ini Menteri pula.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]* Layak, layak!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kalau tidak ada angin tidak akan pohon bergoyang

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]* Hah, betul!

Puan Teresa Kok Suh Kim: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kalau tidak ada orang di dalam, maka IC palsu, pasport terbang, pasport segala-gala ini tidak akan berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ledang dengan Yang Berhormat Seputeh bangun Yang Berhormat, hendak bagikah?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Bagi Yang Berhormat Seputeh sekejaplah, kesian dekat dialah. Dia marah-marah sayang juga dekat saya itu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]* Ya!

Puan Teresa Kok Suh Kim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Jasin, sebenarnya sebelum Yang Berhormat bersungut tentang IC palsu, pasport palsu dan semua yang palsu saya rasa lebih baik juga Yang Berhormat mencadangkan kepada Presiden UMNO menolak semua pendatang asing yang memegang kad keahlian UMNO. Saya rasa kad itu tentu kad palsu. Tengok Yang Berhormat bagi Kinabatangan sudah lari. Dia tahu apa yang berlaku di Sabah kerana tadi Yang Berhormat Keterah juga bangkitkan tentang yang pekerja asing dari Pakistan itu memegang kad pengenalan palsu dari Sabah juga. Jadi Sabah memang ada masalah.

Kita pernah dengar cerita bahawa bila terdapat korupsi dalam balai polis, semua pegawai dialihkan ke tempat lain. Mungkin perkara yang sama juga harus dilakukan di

Imigresen dan di balai polis di Sabah kerana semua ini yang kad palsu, passport palsu, apa-apa yang palsu ini juga semua berasal dari Sabah.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya memang juga simpatilah terhadap Yang Berhormat Jasin kerana dia cakap enam jam tidak ada orang bagi dia minum air untuk jelaskan kerongkongnya. Tetapi saya juga rasa ini masalah Parlimen kita, ataupun ini juga saya tidak tahu apa yang berlaku dengan kita yang *backbenchers* ini harus biar Yang Berhormat Jasin memikul tanggungjawab yang begitu berat bercakap enam setengah jam berulang-ulang.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Kim: Alasan yang kita tahu adalah kerana kita tidak ada Rang Undang-undang yang lain. Jadi dia terpaksa memikul tanggungjawab memanjangkan sesi ini tetapi saya rasa sebenarnya kita ada banyak isu yang penting.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ha, sudah, sudah, sudah.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Usul di negara kita yang perlu kita bangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Suruh dia duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Jangan biar Rang Undang-undang ini di bahas begitu panjang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Kim: dan juga ada ramai Ahli Yang Berhormat kena bahas juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh, dia sudah tidak bagi lagi Yang Berhormat Seputeh.

Seorang Ahli: Tidak adillah. Semua yang itu boleh!

Puan Teresa Kok Suh Kim: Saya rasa mungkin.... tetapi ini bukan salah Yang Berhormat Jasin tetapi ini salah Barisan Nasional, *AG's Chamber* dan Parlimen tidak tahu apa berlaku sehingga tidak cukup Rang Undang-undang dan kita membiarkan

Yang Berhormat bagi Jasin mengulang-ulang ucapannya sehingga enam setengah jam. Saya rasa ini adalah pihak berkenaan, ini satu kelemahan yang kita harus betulkan. Saya rasa sekarang, SMS semua yang kita terima itu bukan mengenai agensi pekerjaan swasta tetapi mengenai pergantungan jawatan Timbalan Menteri Kementerian Sumber Asli kita yang mana ramai orang marah, ramai orang rasa tidak adil dan ini yang harus difahamkan oleh Parlimen kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, itu terkeluar Yang Berhormat, itu sudah terkeluar. Cukuplah Yang Berhormat, cukup. Ya, Jasin, teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tetapi..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Seputeh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, inilah kerja orang pembangkang, membangkang sahaja. Yang keluar daripada landasan, dia orang bukan saya!. Yang saya cakap, walaupun enam jam, tujuh jam masih berkisar di atas tajuk rang undang-undang yang kita perbahaskan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang, hendak bagi, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila, sahabat saya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya, Jasin. Saya sebenarnya bimbang, saya sudah nampak sekarang mungkin Jasin sudah sampai ke tahap hendak menggulung. Jadi, sebelum sampai tahap menggulung, saya minta Yang Berhormat bagi Jasin menjelaskan satu perkara iaitu Fasal 3 – bertujuan untuk meminda Seksyen 4 Akta 246 untuk memberi Menteri kuasa untuk melantik pegawai-pegawai bagi melaksanakan peruntukan Akta 246 di Semenanjung Malaysia dan juga di negeri Sabah dan Sarawak.

Dalam erti kata yang lain ialah walaupun ada dasar kerajaan hendak bawa pekerja asing daripada luar, satu ribu atau satu juta, tetapi Menteri yang dibenarkan, yang diberi kuasa untuk melantik pegawai ini mestilah benar-benar menggunakan kuasanya untuk melantik pegawai-pegawai yang benar-benar bertanggungjawab. Kemudian, diadakan peraturan yang benar-benar tegas, diadakan penguatkuasaan juga

yang benar-benar tegas. Kita tidak mahu nanti apabila mangsa sudah bertukar tangan, tetapi keadaan masih sama di mana walaupun akta diluluskan dengan pindaan, suasana dalam negara masih lagi dilimpahi dengan pekerja-pekerja asing yang tidak berdaftar dengan sempurna. Ini yang saya bimbang.

Jadi, saya mintalah Jasin supaya lebih tegas dalam soal ini kerana kita masih menjurus kepada pelaksanaan kepada akta itu supaya kita tidak berdepan dengan masalah-masalah seperti yang disebutkan tadi. Silakan, Yang Berhormat bagi Jasin. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ledang. Memang kita tahu, masalah yang kita hadapi ini di hadapan kita dan saya akan juruskan ke arah itu kerana kita tidak hendak benda ini berlarutan kerana kalau berlarutan, maka negara kita besok akan hancur. Demikian kita hendakkan benda ini jangan berlaku lagi. Bila sudah berlaku sekali, kita berharap janganlah berlaku lain kali. Ibarat kata, apabila kita sedang menjalankan usaha ini, dengan adanya pendatang-pendatang tanpa izin, dahulu kita sudah adakan pemutihan. Kita ingatkan pemutihan itu habis setakat itu tetapi terpaksa pula kita adakan pemutihan demi pemutihan. Selepas itu kita kena ada pula operasi tegas untuk menghalau ataupun untuk mengusir mereka ini keluar. *[Disampuk]* Ops Nasihat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya apa yang telah saya bincangkan dalam dua, tiga hari ini bersama dengan rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini dan kita sedar bahawa masalah-masalah ini sekiranya berlarutan akan membuat bencana kepada negara kita. Kita minta kerajaan mengkaji balik keputusan 100 ribu pekerja Pakistan yang hendak dibawa masuk. Adakah benar mereka ini diperlukan? Kerana pekerja Pakistan, di mana sahaja di dalam dunia, dia akan membuat kerja-kerja yang bernilai tinggi. Kalau hendak dibandingkan pekerja Pakistan biar sepuluh kali ataupun lebih baik kita buat masuk pekerja Bangladesh.

Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, pekerja Bangladesh, kalau kita bawa masuk, kalau kita bagi kerja apa sahaja, di mana sahaja, kita bagi uniform, punya taat. Daripada pagi sampai tengah malam, dia seronok dengan uniform dia. Paling-paling tidak, orang Bangladesh kalau dia duduk di kawasan-kawasan luar bandar, dia duduk di kawasan-kawasan bandar macam Melaka, dia dapat gaji, dia akan beli basikal. Dia

akan berputar dengan basikalnya. Tetapi kalau pekerja Pakistan, dia akan mencari duit, dia beli motosikal. Bila dengan motosikal, dia akan bawa bakul karpet di sekeliling, satu Malaysia dia pusing. Ini yang berlaku, ini yang berlaku.

Saya dapat tahu alasan kerajaan kerana menghadkan pekerja Bangladesh masuk di dalam negara kerana kerajaan menganggap bahawa ejen-ejen Bangladesh banyak memberi rasuah di kiri kanan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jerai bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Jerai, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Yang Berhormat. Tidak penatkah Yang Berhormat? Saya hendak tahu tentang masalah pekerja Pakistan. Ini bukan kita anti Pakistan, tidak. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada orang Pakistan yang masuk atas permit jadi pelajar tetapi melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan majoriti mereka ini, Tuan Yang di-Pertua, berniaga. Dia berniaga manik, Quran, ada yang berniaga manisan lebah, honey, kononnya makan honey ini sihat badan. Tengok macam kami, dia kata, perkakas pun bagus, badan sihat *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tukang buat rumahkah, Yang Berhormat? Perkakas itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tukang buat rumahkah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Perkakas tukang buat rumah. Jadi, yang menjadi masalah-masalah sosial, di mana Yang Berhormat sedar atau tidak sedar, menjadi masalah rumah tangga. Depa kata pasal apa yang suka pilih Pakistan? Depa kata, Pakistan dada berbulu *[Ketawa]* Ini betul! Tidak percaya tanya Arau. Yang Berhormat bagi Arau tahulah. Jadi, badan depa berbulu dan sebagainya, jadi ini menyebabkan masalah rumah tangga, Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial dalam kampung, anak-anak dara kita bercengkerah habis.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat? Bukan kita tidak mahu. Mahu masuk tidak apa untuk cari makan tetapi betul-betul. Jangan masuk sebagai pelajar tetapi

menggunakan permit itu menjual karpet kerana depa ada sindiket. Depa masuk mai, karpet akan dibekalkan oleh syarikat karpet, kemudian dia naik motor, dia masuk merata kampung, bayar *installment*. Kalau *installment* sepuluh bulan, dia boleh berulang rumah orang itu sepuluh kali. Bayangkan sepuluh kali; kali pertama, kedua tidak apa, kali ketiga? Dia mai dengan manisan lebah, apa cukup semua sekali [*Ketawa*] Difahamkan karpet pun dia tidak pakai tangan, dia pakai benda lain collect karpet, Arau. Dia guna kaki dia, depa ada tiga kaki difahamkan, tidak tahulah macam mana? Yang Berhormat setuju dengan pandangan supaya kaji balik, tengok macam mana kelakuan pendatang yang masuk ke negara kita ini? Sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya amat setuju dengan pendapat Yang Berhormat bagi Jerai. Ini yang tadi saya perpendengarkan, masalah ini pernah berlaku di Jepun. Itu yang diganggu oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah tadi kerana memang benar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai kerana badan mereka berbulu, macam Sean Connery, James Bond, itu yang berlaku di Jepun. Ramai Pakistan pada hari ini menjadi suami kepada wanita-wanita Jepun dan orang-orang Jepun sudah tidak laku dan kita takut. Tuaran mengatakan bahawa di Sabah pun berlaku, di Sabah pun berlaku!

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini hendak gulung, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sebelum gulung, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya terpanggil dengan isu Pakistan ini sebab sebetulnya di Sabah sudah lama berlaku sehingga pada hari ini mereka telah mendapat kerakyatan dan orang kampung semua bimbang apabila kerajaan memutuskan mengambil 100 ribu pekerja Pakistan. Mengapa Pakistan jadi pilihan sedangkan ini telah menggerunkan masyarakat kita. Memang banyak keluarga bercerai-berai sebab bukan karpet sahaja, dia jual semua barang, benda dia jual. RM100 pun dia bilang boleh bayar lima kali. Dia memang ada tujuan. Tujuan dia begitulah, balik, balik, tengok, tengok, tengok, siapa yang tidak dapat bayar. Itu sebabnya hingga timbul istilah dari Jerai, orang Pakistan ini jual karpet besar, belakang, belakang dia bawa karpet kecil. [*Ketawa*]

Apakah Yang Berhormat Jasin mencadangkan supaya kerajaan *review* balik keputusan ini sebab saya pun selaku wakil rakyat sememangnya tidak bersetujulah sebab Pakistan ini kebanyakannya *handsome* dan statistik pula dalam negara kita, iaitu lelaki dengan wanita di negara kita satu lawan tujuh, satu lelaki tujuh wanita. Saya takut Yang Berhormat Seputeh pun kalau Pakistan telah ramai terpikat juga. Sebab Yang Berhormat Seputeh ini suka tengok orang gagah-gagah. Jadi ini masalah. Mungkin kalau tidak ditangani kita akan menghadapi masalah. Minta pandangan Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Belum saya hendak menjawab Kinabatangan telah menjawab soalnya sendiri. Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mintalah kerajaan menangani masalah ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tangga Batu pula Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya Allah! baru hendak masuk *gear*. Ok, terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jasin. Bila sudah sebut akhir itu saya ada minat hendak campur tangan kerana ada beberapa perkara yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Jasin, yang begitu banyak sekali pengalaman di dalam bidang pekerja asing ini.

Pertama sekali Yang Berhormat Jasin ialah kita ambil contoh di Melaka, di mana kita ada sebuah restoran yang dibina oleh kerajaan negeri di kawasan MITC (*Malacca International Trade Centre*) dan restoran ini di peringkat awalnya diberi nama Restoran Melayu MITC.

Apa yang berlaku Yang Berhormat Jasin ialah tawaran demi tawaran diberikan kepada pengusaha-pengusaha restoran Melayu untuk berniaga di restoran ini, tetapi hasilnya mengecewakan kerana pengusaha-pengusaha restoran Melayu menyatakan tidak mampu atau di luar kemampuan mereka untuk mengendalikan restoran yang bersifat antarabangsa ini. Akhirnya sampai ke satu tahap apabila restoran berjenama Pakistan ini ataupun kalau dahulu kita kenali ia dengan restoran 786 bulan dan bintang ni Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang berlaku hari ini sebuah restoran yang besar, yang bersifat antarabangsa telah dikendalikan oleh taukenya mungkin berketurunan Pakistan dan 100% pekerja di dalam restoran itu datangnya daripada negara Pakistan dan restoran itu dipanggil sebagai Restoran Zubaidah Nasi Kandar.

Yang Berhormat Jasin, apabila saya tanya kepada tauke ini kenapa apabila restoran ini ditawarkan kepada mereka dengan sewaan bernilai lebih kurang RM15 ribu sebulan, mereka sanggup menerima tawaran itu dan mengendalikan restoran dan nampak ada kejayaan apabila jualan restoran itu mencecah ke RM20 ribu hingga RM25 ribu satu hari dan pengunjungnya adalah 100% warganegara Malaysia iaitu Melayu, China dan India. Dan saya tidak nampak pun ada pengunjung-pengunjung yang datangnya daripada negara-negara Pakistan atau negara-negara India ini.

Yang Berhormat Jasin, apabila saya menemu bual tauke restoran ini mereka menyatakan antaranya adalah pertama sekali minat orang-orang Malaysia ini lebih kepada makanan-makanan yang bersifat Keindiaan, dengan karinya, papodom, dalca, roti canai, capati, tose dan sebagainya. Dan apabila soalan lagi saya tanya, kenapa pula pekerja-pekerja yang diambil adalah pekerja-pekerja yang memang datangnya daripada negara tersebut.

Dia mengatakan yang pekerja-pekerja ini tidak kisah, mereka tidak meletakkan kepentingan diri mereka umpamanya mereka tidak memerlukan rumah, tidak memerlukan bilik mandi yang sempurna, tidak memerlukan tempat untuk beristirahat yang sempurna, cukup sekadar menyediakan satu bilik, bilik sembahyang digunakan untuk tempat tidur dan tandas yang digunakan oleh pengunjung-pengunjung restoran digunakan sebagai bilik air untuk mandi dan sebagainya. Ini antara kelebihan kepada pekerja-pekerja ini kerana mereka lebih mementingkan untuk mencari wang, mencari pendapatan lebih dari segala-galanya.

Perkara ketiga yang tauke restoran ini memberitahu saya ialah dia kata, "Orang-orang Malaysia ini begitu *accommodative*, begitu memberi ruang kepada mereka sehinggakan ramai di antara pekerja restoran itu telah pun mempunyai kenalan-kenalan lebih-lebih lagi anak-anak gadis, wanita-wanita dan mempunyai nombor mereka, dan kebanyakan dari pekerja-pekerja ini telah pun mempunyai *hand phone*, yang ada di

antaranya dibekalkan oleh pengunjung-pengunjung restoran ini, yang merupakan anak-anak gadis kita yang mempunyai kelebihan pendapatan dan sebagainya”.

Perkara keempat yang diberitahu kepada saya Yang Berhormat Jasin ialah dia kata, “Bahasa dan budaya Malaysia ini amat mudah dipelajari dan difahami serta dihayati.” Dia kata, “Jumpa sahaja orang-orang Malaysia ini dengan mengatakan apa khabar, *assalamualaikum*, selamat pagi dan selamat sejahtera mereka sudah boleh bernesra dan boleh menjadi kawan yang rapat dan boleh berhubung pada bila-bila masa”.

Jadi perkara-perkara yang ada di negara kita ini sendiri Yang Berhormat Jasin kalau boleh diberikan *elaboration* ataupun satu ulasan, adalah perkara-perkara yang menarik warga asing ini untuk duduk bersama-sama kita untuk dengan mudah mendapat apa juga bentuk layanan ataupun hospitaliti, keistimewaan yang memang ada di negara kita. Di antaranya ialah budaya dan cara hidup kita yang benar-benar memberikan kemudahan kepada mereka untuk rasa, walaupun satu hari seolah-olah mereka lahir di negara kita. Jadi inilah antara perkara-perkara yang saya dapat selidik dan dapat kaji daripada pemilik restoran ini yang mengatakan kalaulah ada lagi tempat yang dia hendak buat restoran, dia akan sedia menerima walaupun sewaan itu mungkin menjangkau dari harga-harga pasaran.

Baru bercerita tentang itu dia buka satu lagi restoran. Di mana ? Yang Berhormat Jasin pasti tahu, di Hang Tuah Mall. Hang Tuah Mall ini apabila kerajaan negeri buat satu program pembangunan ekonomi, peniaga-peniaga di sepanjang Jalan Hang Tuah Melaka yang rata-ratanya terdiri daripada orang-orang Melayu mati kawasan itu. Buka warung-warung ataupun kios-kios yang berupa penjualan makanan segera, penjualan makanan-makanan yang mungkin disukai ramai di waktu malam, lewat malam dan sebagainya tetapi Hang Tuah Mall mati. Tidak ada ruang langsung untuk kita lihat pengunjung-pengunjung duduk berbual-bual, berborak-borak dan sebagainya. Tetapi hasilnya apabila Restoran Zubaidah tadi membuka satu lagi cawangannya di Hang Tuah Mall, hari ini kita dapati Hang Tuah Mall ini telah dipenuhi oleh manusia, tidak tahu daripada mana datangnya. 24 jam daripada pagi bawa ke petang bawa ke malam dan bawa ke pagi semula. Sentiasa ada sahaja pengunjung-pengunjung yang datang.

Saya berpendapat Yang Berhormat Jasin bahawa bukan sahaja penguatkuasaan akta yang mungkin agak longgar, tetapi juga sikap orang-orang kita orang-orang Malaysia ini tidak kira orang Melayu, China dan India ini amat memberi mereka ruang yang begitu besar sekali untuk mereka sampai ke tahap memperguna ataupun mengkudakan kita. Jadi apakah pendapat Yang Berhormat Jasin di samping kita mendesak kerajaan untuk menguatkuasakan undang-undang serta peruntukan dan peraturan yang telah ditetapkan.

Kita juga rakyat Malaysia kita seru bersama-sama rakyat kita supaya kita menjadi lebih sedikit cerewet ataupun *particular* dalam beberapa perkara supaya orang-orang seperti pengunjung-pengunjung daripada India, Pakistan dan Bangladesh ini tidak dengan mudah mengambil kesempatan di atas budi kita, di atas hemah serta cara kita menjalani hidup kita di negara kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu, tidak payah saya hendak ulas mungkin perkara itu telah disebut oleh Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Tangga Batu pula terangkan dia. Memang itulah kita rakyat Malaysia. Oleh kerana kelembutan dan keluhuran hati kita, maka kita menerima memang kita terima hanya kita hendakkan supaya kedatangan mereka ini ke negara kita ini diperketatkan peraturannya dan kita perelokkan. Kita mengalu-alukan kedatangan mereka, tetapi biarlah dengan cara yang *legal* dan berperaturan supaya jangan timbul masalah kepada negara kita. Ya, Yang Berhormat Jerai saya hendak gulung ni.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Last, last* sebelum kita balik hari Jumaat esok, hari ni *last*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jerai teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya nak tanya Yang Berhormat Jasin bagaimana kita nak menyelesaikan satu masalah. Saya memahami jodoh pertemuan itu Allah Taala yang menentukan, Tuan Yang di-Pertua. Kita yang merancang, Insya-Allah, Allah Taala yang menentukan jodoh pertemuan ini.

Yang menjadi masalah apabila mereka mengahwini rakyat kita, anak-anak dara kita, ibu-ibu tunggal kita ini. Tetapi bila depa balik ke negara depa, depa tinggal segala

anak-anak depa ini, bini depa ini terkontang-kontang, orang kata. Dia tak tau nak pergi ke mana dan ada juga daripada Bangladesh apa semua, apabila mereka balik pergi ke India, depa dera pula sampai ada yang balik ke India, nak lari balik mai dah tak boleh, terpaksa pergi ke *embassy* kita, mengadu hal.

Jadi, yang ini satu lagi masalah yang kita harus fikir. Benda ini bukan boleh main-main Tuan Yang di-Pertua, Jasin, yang ini benda yang serius kerana kita akan menanggung. Kerajaan akan membelanja duit untuk nak menjaga mereka ini semua sedangkan depa tidak ada hati perut, kira nak seronok. Bila dia seronok, dia tinggal, dia tinggal pusaka dia di sini. Jadi, adakah Yang Berhormat mempunyai satu pandangan ataupun peraturan yang boleh kita perketatkan, nak tahan tak boleh, tapi nak buat macam mana?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kita kena tahan, Yang Berhormat Jerai. Peraturan dah ada dah bahawa mereka yang datang bekerja secara sah dilarang berkahwin dengan orang-orang tempatan. Kadang-kadang mereka ingat, macam orang Pakistan ingat dia datang ke negara kita, dia berkahwin dengan gadis-gadis kita, dengan tersendirinya dia dapat warganegara Malaysia, tidak! Dan kerajaan dah mengatakan bahawa sekiranya orang-orang tempatan, wanita-wanita tempatan berkahwin dengan pekerja-pekerja asing ini, apabila tempoh masa mengikut daripada permit mereka, mereka telah melanggar syarat permit kerja mereka, dan mereka diminta pulang dan terserahlah kepada perempuan kita yang mengahwini lelaki pekerja asing itu sama ada nak duduk dalam negara ataupun nak ikut suami dia. Dah nampak jelas, dah nak gulung dah ni. *[Ketawa]* Bagilah jalan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih sahabat saya Jasin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berputar sedikit, sahabat saya Jasin. Saya sungguh tertarik dengan yang telah disampaikan oleh sahabat saya dari Tangga Batu, disuarakan oleh Tangga Batu saya rasa, berkenaan dengan permit-permit mengambil pekerja dari luar negeri ini. Sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu menyentuh tentang kejadian di Pakistan. Jadi ini soal pekerja dari India pula.

Kebanyakan kes di Kota Kinabalu ini antara peniaga-peniaga India di Kota Kinabalu mengambil pekerja-pekerja *direct* dari India - pekerja perniagaan tekstil, restoran dan sebagainya. Jadi lama-kelamaan ramai di antara pekerja ini menyeleweng

permit kerja mereka itu. Mula-mula masuk kampung jual kain, lepas itu ambil alih pula kedai-kedai tuck shop, kedai-kedai kecil yang kepunyaan bumiputera ini. Sekarang hampir, almost 100%, kedai-kedai kampung ini diusahakan oleh rakyat dari India. Bagaimana, apa pendapat Yang Berhormat Jasin berkenaan dengan polisi kerajaan ini menangani masalah pekerja ini supaya mereka tidak menyeleweng permit kerja mereka.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Putatan. Yang sebenarnya memang saya dah bercakap benda ini dah panjang dah, dah termasuk dulu, saya tak nak ulang balik. Kerana kita tidak menguatkuasakan undang-undang kita dengan cara betul, itu sahaja. Jadi kita minta akan datang ini supaya penguatkuasaan ini berjalan dengan sebaiknya mengikut lunas-lunas undang-undang dan akhirnya saya minta melalui Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia kita akan luluskan Rang Undang-undang ini yang mana akan kita pinda dua perkara ini, Seksyen 3 dan Seksyen 4, kita berharap dalam masa yang singkat supaya Kementerian Sumber Manusia akan datang dengan satu Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta yang lebih komprehensif, yang terbaru untuk menangani masalah yang saya sebut dua hari, tiga hari ini. Ada lagi Kuala Terengganu? Saya nak menutup ni, okey sila.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Jasin, ada stamina yang luar biasa untuk dua hari ini. Saya ingin melihat masalah yang sedang dibincangkan ini sebagai satu masalah fenomena semasa dalam dunia global ini. Sebab ini dalam konteks *globalization* kita melihat pengaliran modal, *capital flow*, dengan izin. Yang kita bincangkan sekarang ini, modal juga tapi modal manusia yang turut sama mengalir. Kalau dulunya kita lihat manusia itu hanya pada kawasan dan daerah masing-masing, sekarang ini dengan dasar baru tanpa sempadan, the global village, kita sedang menyaksikan satu senario yang baru. Tadi disebut sehinggakan kita dapat kahwin dengan orang tempatan, ini mungkin fenomena sekarang. Mungkin tidak berapa lama lagi dalam keadaan globalisasi yang tepu itu maka suasana sudah akan berubah. Mungkin apa yang disebut oleh seorang penulis daripada Jepun, "*The deaf of the nation state*" akan menjadi satu realiti.

Jadi saya kira masalah pendatang-pendatang yang telah kita sebut daripada negara jiran dan di mana-mana juga harus dilihat dari perspektif global ini. Malah dalam rangka kita membawa satu usul baru dalam kita nak meminda Akta ini pun juga harus

melihat dalam konteks globalisasi ini. Apabila satu keadaan di mana pengaruh-pengaruh dunia ini terus akan berlaku dan ini adalah merupakan satu fenomena yang barangkali akan menjadi, menghiasi dunia masa depan.

Jadi sekatan-sekatan dan kongkongan-kongkongan itu mungkin akan menjadi jumud dalam persekitaran dan suasana yang baru. Apa pandangan Yang Berhormat Jasin?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Kuala Terengganu, itu yang kita tekankan ini kerana kalau kita tidak ambil tindakan yang sewajarnya bagaimana yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi dan apa yang telah saya sebutkan akan menjadi kenyataan. Negara kita akan hancur, bumi negara kita ini, Malaysia yang kita cintai ini akan hancur kalau kita tak ambil tindakan segera. Oleh demikian, saya berharap supaya kementerian datang dengan satu rang undang-undang yang baru akan datang meliputi masalah-masalah yang kita hadapi ini supaya kita ada satu rang undang-undang untuk mengawasi pekerja asing yang kita perlukan akan lebih teratur.

Dan saya minta pada hari ini bagaimana telah disebut peringkat awal supaya kita perkasakan balik agensi pekerjaan swasta ini supaya dapat menjalankan semua kerja *recruitment*. Kalau perlu dinaikkan bank *guaranty* dia, kita naikkan *bank guaranty*. Kalau perlu kita naikkan bon dia, kita naikkan bon dia supaya dengan cara macam ini terus sahaja kita dapat mengawal aliran kemasukan pekerja-pekerja asing dalam negara kita ini dan kita dapat kawal *the economics* daripada industri ini. Lebih-lebih lagi pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita dapati masalah kelas F ini terlalu ramai, kita tidak dapat memberi kontrak-kontrak kecil kepada kelas-kelas F kita dan kita boleh bagi industri ini, industri pembekal tenaga kerja ini kepada mereka ini. Kita sedang menghadapi masalah kerja kontrak yang dibagi pekerja-pekerja asing tetapi kerja dia mungkin bangunan dia dalam masa satu tahun dah siap tetapi dia bawa pekerja asing daripada luar negara yang mana ikut kontrak asal dia 3 tahun tetapi projek pembinaan dia cukup untuk satu tahun, dua tahun lagi pekerja ini mana pergi dia? Mengapa tidak kita wujudkan satu projek yang baru di mana kita membekalkan agensi-agensi pekerja swasta yang kita lesenkan ini, kita bagi dia kuota 50 pekerja untuk dia jaga. Untuk bawah jagaan dia, dia kena siapkan tempat penginapan dia, dia kena siapkan kebajikan pekerja-pekerja ini dan daripada dia menghantarkan kepada kontraktor-kontraktor kecil

yang perlu tiga orang, empat orang apa semua dan ini kita boleh jadi satu peluang kerja yang baru, satu industri baru. Ini yang berlaku di Singapura, ini berlaku di Arab Saudi, ini berlaku di Jepun, yang mana perusahaan pembekal tenaga kerja ini ialah satu kerja yang murni, yang dihormati yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah bercakap, sudah panjang dah kita bincang. Saya bagi peluang Seputeh tetapi Seputeh jangan cakap enam jamlah. Selepas itu kementerian menjawab.

4.11 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah tunggu dua hari untuk membentangkan ucapan saya yang hanya enam muka surat sahaja. Saya tidak akan berulang-ulang seperti Yang Berhormat bagi Jasin itu, tetapi saya akan *straight to the point*. Tuan Yang di-Pertua, negara kita memang menghadapi banyak kekurangan dari segi menangani isu tenaga kerja. Pada satu pihak, ramai rakyat Malaysia menghadapi masalah pengangguran dan sesetengah rakyat Malaysia terpaksa meninggalkan keluarga mereka di Malaysia untuk bekerja secara haram di negara maju. Tetapi, pada pihak yang lain, kita terpaksa mengimport tenaga kerja dari negara jiran di rantau ini dan ramai di antara mereka menjadi pekerja asing tanpa izin ataupun tanpa dokumen sah.

Kerajaan kelihatan agak sesat dari segi menangani pekerja asing tanpa izin yang begitu ramai di negara kita. Usaha untuk menghalau pekerja asing tanpa izin telah pun dijalankan banyak kali tetapi apabila kerajaan menghalang semua pendatang asing tanpa izin balik ke negara asal mereka, kita menghadapi ramai pengusaha restoran dan industri kecil menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja dan mereka menyalahkan usaha kerajaan yang menghalang mereka.

Sekarang kita terbaca ramai pekerja asing tanpa izin balik bekerja semula melalui saluran yang tidak sah di negara kita. Walaupun begitu, saya merasa sangat hairan untuk membaca kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan

Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri yang mengatakan bahawa semua pekerja asing tanpa izin yang pernah bekerja di Malaysia boleh datang ke Malaysia dengan visa lawatan sosial dan mereka boleh mencari majikan baru dalam lawatan mereka.

Bukankah kenyataan seperti ini mengalu-alukan pekerja asing tanpa izin untuk kembali kerja di Malaysia dengan visa lawatan sosial. Bukankah ini kenyataan yang bercanggah dengan usaha kerajaan untuk menghalau pekerja asing tanpa izin pada setengah tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Kerajaan Thailand telah mengiktiraf dan mendaftarkan sejuta orang pendatang asing tanpa izin yang majoritinya datang dari Myanmar supaya mereka boleh bekerja secara sah di negara Thailand. Bukankah cara ini lebih mudah daripada menghalau mereka balik ke tanah asal mereka dan selepas itu menyambut mereka balik bekerja di negara kita pula.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang cara pengambilan pekerja asing dan dasar kerajaan terhadap pekerja asing memang mempunyai banyak masalah sehingga menjadikan ramai pekerja asing terpaksa menjadi pekerja asing tanpa izin. Di samping itu, menjejaskan kebajikan dan hak asasi manusia ramai pekerja asing kita.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Seminit sahaja, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Seputeh baca sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bosan. Itu sebab saya hendak tanya dia, supaya janganlah terlalu pandang sangat. Kalau ikut peraturan pun tidak boleh itu, baca teks ucapan, cakap di depan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chong Chieng Jen: Arghhh, tanya sahajalah.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ini hendak tanyalah ini. Yang Berhormat bagi Seputeh, saya hendak minta pendapat Yang Berhormat bagi Seputeh, oleh kerana Yang Berhormat bagi Seputeh bercakap terlalu mengagung-agungkan negara Thai tadi itu, cuba Yang Berhormat bagi Seputeh beritahu saya, apakah definisi pendatang asing tanpa izin ini. Definisi yang sebenarnya, adakah mereka datang ke negara kita tanpa dokumen perjalanan yang sah? Adakah mereka datang tanpa dokumen langsung ataupun mereka datang dengan dokumen, tetapi motif dokumen itu disalahgunakan?

Saya hendak tanya betul-betul. Sejauh mana kefahaman Yang Berhormat bagi Seputeh tentang pendatang asing tanpa izin ini.

Puan Theresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Semua yang dijelaskan, kategori itu adalah termasuk dalam definisi pendatang asing tanpa izinlah, kita semua tahu itu. Tetapi, kalau saya tidak boleh baca, bila Menteri Kewangan dan Perdana Menteri membentangkan bajet belanjawannya, dia juga tidak harus baca. Dia juga baca daripada teks yang disediakan. Jadi saya belajar daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, biar saya teruskan. Masalah yang kita hadapi sekarang, yang pertama, kerajaan hanya memberi lesen kepada agensi pembantu rumah sahaja. Sekarang kerajaan hanya memberi lesen operasi kepada agensi yang mengendalikan pembantu rumah sahaja, manakala majikan di sektor lain yang ingin mengupah pekerja asing terpaksa berbaris panjang di pejabat imigresen untuk membuat permohonan mereka. Halangan terhadap agensi pekerjaan swasta untuk mengendalikan proses permohonan pekerja asing, bukan pembantu rumah ini pun menyebabkan pekerja asing, bukan pembantu rumah terletak di luar kawalan kerajaan kerana sesiapa pun boleh memohon kemasukan pekerja asing ke Malaysia.

Dasar kerajaan yang tidak mengenakan kawalan terhadap pekerja asing ini pun mewujudkan satu golongan ejen pekerja asing yang baru. Golongan ejen pekerja asing ini mengambil kesempatan untuk mendampingi pengurus sumber manusia di syarikat besar dan kilang yang mana memberi wang rasuah kepada mereka untuk mengupah pekerja asing dengan harga biasanya RM200 seorang pekerja asing. Selepas pekerja asing ini diambil masuk, mereka pun boleh dipecat beberapa bulan kemudian dengan pelbagai alasan.

Jadi apabila mereka dipecat, permit kerja mereka pun dibatalkan oleh imigresen tetapi para pekerja asing ini tidak berani balik ke tanah air mereka, kerana mereka telah pun membayar banyak wang kepada ejen ataupun orang tengah untuk datang bekerja di Malaysia. Mereka tidak mampu pulang ke negara mereka dan terpaksa menjadi pekerja asing tanpa izin. Saya difahamkan wang yang dibayar oleh pekerja Indonesia kepada ejennya ialah lebih kurang RM700.

Manakala pekerja dari Bangladesh, terpaksa membayar kos yang jauh lebih tinggi iaitu lebih kurang RM10,000 untuk datang ke Malaysia. Jadi sekiranya kerajaan ingin mengurangkan pekerja asing tanpa izin di negara kita, maka kerajaan mestilah memberi agensi pekerjaan swasta ini untuk memproses permohonan pekerja asing di semua sektor dan bukan terhad kepada pembantu rumah sahaja supaya semua pekerja asing terletak di bawah kawalan undang-undang dan juga agensi pekerjaan swasta.

Masalah kedua adalah tentang had umur pembantu rumah asing. Kerajaan mengehadkan umur minimum bagi pembantu rumah yang bekerja di Malaysia ialah 25 tahun. Had umur ini menyebabkan banyak agensi pekerjaan swasta ataupun ejen pengambilan pekerja di negara jiran menipu imigresen kita dengan meletakkan umur palsu di pasport mereka. Ini adalah agak susah bagi agensi kerajaan swasta untuk mencari pembantu rumah yang berumur 25 tahun ke atas. Soalnya, kenapakah kerajaan tidak menurunkan had umur pembantu rumah asing ini, supaya pembantu rumah asing ini dan agensi pekerjaan swasta ini lebih jujur kepada pihak imigresen dan juga keluarga majikan.

Masalah ketiga ialah tentang undang-undang yang ketat. Tuan Yang di-Pertua, kita telah dengar banyak cerita tentang korupsi yang berlaku di kalangan pegawai imigresen dan pegawai polis. Kita mempunyai Akta Imigresen yang amat ketat di dunia di mana majikan yang mengupah pekerja asing tanpa izin dan juga pekerja asing tanpa izin ini boleh dimasukkan ke penjara dan juga disebat.

Selain itu, pekerja asing tanpa izin yang visa pekerjaannya telah tamat tempoh yang ingin balik ke negara asal mereka juga menghadapi hukuman yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya undang-undang yang ketat inilah yang menyebabkan ramai pekerja asing tanpa izin ini tidak berani pulang ke tanah air mereka. Selain itu, undang-undang ini juga memberi peluang kepada pegawai imigresen dan polis untuk mengambil rasuah daripada pihak majikan yang mengupah pekerja asing tanpa izin dan juga daripada pekerja asing tanpa izin sendiri.

Selain itu, hukuman yang berat terhadap pekerja asing tanpa izin dari negara jiran kita telah pun mencetuskan masalah hubungan luar, di antara negara kita dengan negara jiran kita dan mencemarkan imej dan reputasi Malaysia di masyarakat

antarabangsa. Bukankah kerajaan seharusnya mengkaji semula akta imigresen kita supaya ia dijadikan lebih praktikal untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan isu Sistem Biometrik. Kerajaan telah pun memperkenalkan Sistem Biometrik yang menggunakan komputer untuk mencatat cap ibu jari pekerja asing sebagai langkah untuk mengesan dan menegah pendatang asing tanpa izin, tetapi saya difahamkan bahawa sistem ini hanya diletakkan di Imigresen KLIA sahaja bukan di semua pintu masuk ke Malaysia seperti pelabuhan dan lapangan terbang yang lain.

Sekiranya kerajaan ingin menyimpan rekod pekerja asing di negara kita bukannya kerajaan sepatutnya mencatat rekod cap ibu jari semua pendatang asing apabila mereka memperbaharui visa kerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita membaharui rang undang-undang ini saya terima satu surat aduan yang dikatakan daripada agensi-agensi pekerjaan swasta. Surat itu adalah surat berdaftar yang surat ini menyoal sebab kerajaan meluluskan *Construction Labor Exchange Center* Berhad ataupun CLEB untuk menguruskan pengambilan pekerja asing kepada majikan sektor pembinaan.

Mengikut laman web CLAB Ahli Lembaga CLEB adalah termasuk *Construction Industry Development* Berhad (CIDB), *Masters Builder Association Malaysia*, Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, *Real Estate and Housing Developers Association*, *Guild of Bumiputera Contractors* dan Persatuan Kontraktor India Malaysia.

Laman web CLEB juga menyenaraikan anggota lembaga penasihatnya yang termasuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, *Construction Industry Development Board*, *Master Builders Association* Malaysia, *Real Estate and Housing Developers Association* dan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia.

Mengikut laporan Bernama yang bertarikh 24 Mac 2005, CLEB ditubuhkan dalam November 2003 oleh *Construction Industry Development* Berhad (CIDB) berikutan dengan satu keputusan yang dibuat oleh satu Jawatankuasa Kabinet tentang pekerja asing. CLEB dilaporkan terdapat 207 buah syarikat atau majikan berdaftar dengannya dan ia telah membawa masuk 413 orang pekerja asing sektor pembinaan.

Para pengusaha agensi pekerjaan swasta yang berdaftar ini amat tidak berpuas hati tentang pelantikan CLEB oleh pihak kerajaan kerana ia amat tidak adil terhadap mereka. Mereka berkata kerajaan seharusnya memberi kebenaran pengambilan pekerja asing kepada agensi pekerjaan swasta dan bukan kepada CLEB. Mereka juga mendakwa CLEB berkemungkinan mempunyai ahli-ahli palsu dan latar belakang yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kenyataan yang dibuat oleh Pegawai Perhubungan Awam di Jabatan Imigresen, iaitu Mohd Haris Tony di *New Straits Times* pada 3 September tahun 1995, beliau berkata, "Agen pengambilan pekerja asing seharusnya mempunyai lesen agensi pekerjaan swasta yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja dan agensi tersebut haruslah didaftar dengan Jabatan Imigresen dan meletakkan RM100,000 surat jaminan bank".

Soalan sekarang ialah kenapa agensi berdaftar yang mematuhi peraturan tersebut selama 10 tahun tidak diberi peluang untuk mengambil pekerja asing pelbagai sektor, tetapi sekarang kerajaan memberi kebenaran kepada CLEB untuk menjalankan tugas ini. Bukankah tindakan ini amat tidak adil kepada agensi pekerjaan swasta ini. Saya berharap Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri boleh memberi satu jawapan yang memuaskan tentang isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita banyak baca di surat khabar tentang pekerja asing khususnya pembantu rumah yang dianiayai oleh majikan mereka dan kita juga tahu ramai pembantu rumah asing sebenarnya berhutang banyak kerana terpaksa membayar kos kepada agen di negara asal mereka untuk datang bekerja di Malaysia.

Demi melindungi hak dan kebajikan pekerja asing saya ingin memberi beberapa cadangan tersebut;

- (i) kerajaan harus mengehendaki majikan Malaysia membayar kos yang membawa masuk pekerja asing dan tidak membiarkan pekerja asing menanggung beban kos untuk datang ke Malaysia sebagai langkah untuk mengelakkan pekerja asing dieksploitasi oleh orang tengah dan juga agen mereka;
- (ii) kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk menjaga kebajikan dan memelihara hak pekerja asing kita. Sekarang pekerja asing

merupakan hamba abdi moden yang menghadapi banyak eksploitasi dan penganiayaan oleh majikan mereka. Saya mencadangkan supaya pekerja asing ini diletakkan di bawah kawalan Kementerian Sumber Manusia dan kementerian ini diberi tanggungjawab untuk menjaga kebajikan pekerja asing seperti apa yang berlaku di Taiwan. Di Malaysia apabila kontrak pekerjaan pekerja asing ditamatkan visa kediaman mereka Malaysia juga ditamatkan. Manakala di Taiwan permit pekerja dan visa untuk pemastautin terletak dalam di dua kementerian yang berlainan. Pekerja asing memohon visa kerja daripada Kementerian Buruh dan mereka memohon visa kediaman dengan pihak imigresen. Cara ini akan mengelakkan

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: penyalahgunaan kuasa dan *corruption* pada pihak imigresen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, Kinabatangan. Apa!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Garang ini Seputeh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, hendak tanya Yang Berhormat sejauh mana dakwaan Yang Berhormat bahawa pekerja asing kita di negara ini menjadi hamba abdi moden, dan kalau ada bolehkah Yang Berhormat bekalkan kepada saya secara bertulis terperinci. Berapa yang telah didiskriminasi oleh majikan sebab ini satu perkara yang amat memalukan.

Jadi sama-sama kita perangi masalah ini. Saya harap Yang Berhormat boleh bekalkan kepada saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya rasa daripada soalan Kinabatangan tadi, saya adalah agaknya memegang jawatan menteri di sebelah sini sehingga dia mahu saya bagi jawapan bertulis kepada dia.

Kalau Yang Berhormat Kinabatangan ada dengar ucapan dari Bentong yang duduk sini dan juga ucapan enam setengah jam daripada Jasin, Yang Berhormat telah dengar banyak ceritalah, cerita tentang macam mana majikan kita ini menganiayai

pembantu rumah kita. Sebenarnya semua ini tidak perlu kita, saya ulangi sekarang kerana saya tidak ingin membuat ucapan sepanjang enam setengah jam supaya mungkin Kinabatangan boleh berucap selepas saya. Okey, Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

- (iii) saya ingin menyeru kerajaan mencontohi dasar yang dilaksanakan di Taiwan kerana negeri itu mempunyai pekerja asing tanpa izin yang sangat rendah, iaitu 3% sahaja kerana undang-undang di Taiwan memberi banyak perlindungan kepada pekerja asing yang berdaftar dan ini menggalakkan pekerja asing mendaftar untuk menjadi pekerja asing yang sah. Misalnya, kerajaan membenarkan pembantu rumah yang dianiayai dan menghadapi gangguan seksual daripada majikan untuk bertukar ke bidang perindustrian yang memberi perlindungan kepada pekerja asing. Selain itu, Kerajaan Taiwan juga memberi bantuan guaman dan bantuan kewangan kepada pekerja asing yang menjadi mangsa gangguan seksual ataupun mangsa penganiayaan oleh majikan mereka; dan

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Selain itu, Kerajaan Taiwan telah pun menubuhkan 20 pusat kaunseling di seluruh negara untuk membantu pekerja asing yang menghadapi pelbagai masalah dan juga memberi bantuan kewangan kepada 6 pusat perlindungan ataupun *shelter home* kepada pekerja asing yang menghadapi masalah, yang mana pusat perlindungan ini adalah dikendalikan oleh NGO.

- (iv) kerajaan mungkin harus membasmikan agensi pekerjaan swasta dengan mengambil pekerja asing terus daripada negara yang mengeksport buruh, iaitu dengan cara kerajaan dengan kerajaan ataupun G to G. Dengan cara ini kita bukan sahaja boleh mengadakan kawalan yang lebih ketat kepada pekerja asing,

tetapi kita juga boleh menjaga kebajikan dan mengelakkan mereka daripada eksploitasi dan diskriminasi.

Tuan Yang di-Pertua, tibalah masanya bagi kerajaan untuk menetapkan gaji minimum di Malaysia dan menaikkan gaji rakyat Malaysia secara ansuran, di samping menaikkan levi untuk mengupah pekerja asing secara ansuran sebagai langkah untuk mengelakkan majikan kita untuk mengupah pekerja asing pekerja asing seperti apa yang berlaku di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita menghadapi masalah pendatang asing dan juga pelarian ataupun *refugee* tetapi anehnya negara kita kelihatan masih tiada dasar migration dan kerajaan kelihatan tidak menjalankan kajian yang menyeluruh tentang keperluan pembekalan tenaga di Malaysia sehingga kerajaan selalu kelihatan tidak konsisten dan kadang-kadang agak serba salah dari segi menangani pekerja asing dan juga pelarian.

Tuan Yang di-Pertua, 20 Jun yang lepas ini adalah Hari Pelarian Sedunia, ramai di antara Ahli Parlimen kita telah pun menghadiri pelancaran buku panduan Undang-undang Pelarian Antarabangsa oleh UNHCR yang mana begitu terharu dan menarik di bangunan Parlimen kita. Tibalah masanya bagi kita untuk mengkaji masalah pelarian di negara kita di samping mengatasi masalah mereka. Saya menyokong cadangan yang dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang baru-baru ini, mereka berkata kerajaan ingin memberi peluang kepada pelarian untuk bekerja demi mengisi tenaga kerja di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan India telah pun memberi permit bermastautin satu tahun yang boleh diperbaharui kepada pelarian yang memegang surat UNHCR. Saya difahamkan bahawa Malaysia mempunyai lebih kurang 50 ribu orang pelarian yang datang dari negara yang berlainan seperti Aceh, Burma dan sebagainya. Kesemua pelarian ini dilarang untuk bekerja dan ada di antara mereka telah hidup bergenerasi di Malaysia.

Memandangkan negara kita memerlukan lebih kurang setengah juta buruh dan menghadapi kekurangan setengah juta buruh dan kita amat memerlukan tenaga buruh asing dari luar negeri adalah wajar bagi kita untuk memberi kebenaran kepada pelarian yang memegang surat pengesahan daripada UNHCR untuk bekerja, untuk mengatasi

keperluan tenaga kerja di sektor pembangunan, sektor perladangan ataupun sektor rumah tangga di negara kita. Dengan ini kita bukan sahaja boleh mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja di negara kita tetapi kita juga boleh menjaga kebajikan pelarian asing di negara kita dan mengadakan pengawasan terhadap aktiviti mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan negara yang menandatangani Konvensyen Hak Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Saya mencadangkan supaya kerajaan menunaikan konvensyen ini dengan menjaga kebajikan dan kesihatan anak-anak daripada pelarian politik di negara kita, seperti memberi peluang kepada anak-anak pelarian politik yang duduk di Malaysia untuk belajar di sekolah dan diberi rawatan perubatan. Sehubungan dengan itu, saya juga ingin menyeru kerajaan menunaikan kenyataannya yang berjanji memberi kad pengiktirafan khas kepada pelarian Rohingya dari Burma di Dewan yang mulia ini untuk mengelakkan mereka daripada ditangkap dan diambil tindakan oleh pihak penguat kuasa dan juga polis.

Selain itu, saya juga mencadangkan supaya kerajaan menandatangani Konvensyen Pelarian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai langkah untuk memelihara hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kritikan telah pun dilemparkan terhadap cara kita melayan pendatang asing termasuk sebatan yang dikenakan terhadap mereka dan juga terhadap majikan yang menggaji pendatang asing tanpa izin. Layanan kita terhadap pendatang asing tanpa izin yang dikurung di Kem Tahanan Semenyih juga salah satu isu yang menjejaskan imej negara kita di masyarakat antarabangsa. Pendedahan tentang penyeksaan yang dihadapi oleh tahanan di Kem Tahanan Semenyih oleh Irene Fernandes, Pengarah Tenaganita iaitu NGO yang mengendalikan masalah pekerja asing telah pun mengejutkan kita semua pada beberapa tahun yang lepas.

Tetapi apa yang saya tahu, masalah kekejaman, kekurangan makanan dan minuman dan kesesakan masih berlaku di Kem Tahanan Semenyih dan juga laporan yang negatif tentang keadaan yang kurang berperikemanusiaan di Kem Tahanan Semenyih masih berlaku dan masih mencemarkan imej negara kita. Jadi, saya ingin mencadangkan sekiranya kerajaan tidak dapat mencari jalan untuk mengatasi masalah pekerja asing yang berleluasa, maka kerajaan seharusnya memberi lebih peruntukan

kepada kementerian yang berkenaan dan juga kepada Kem Tahanan Semenyih, demi kemanusiaan dan juga nama baik negara kita.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, cara kerajaan melayan pelarian dan juga hukuman berat kepada pekerja asing tanpa izin yang saya telah katakan telah mencemarkan nama baik negara kita di masyarakat antarabangsa. Sekiranya kita betul-betul ingin melancarkan operasi untuk memburu dan menangkap pendatang asing tanpa izin di negara kita, maka penjara dan kem tahanan pendatang asing tanpa izin pun tidak cukup untuk memuatkan mereka dan ini juga akan mengenakan kos yang sangat tinggi kepada kerajaan.

Memandangkan isu tenaga ini melibatkan beberapa kementerian dan kita tidak ada satu dasar migration yang jelas, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja ataupun Jawatankuasa Pilihan Khas di Parlimen untuk mendengar pandangan orang ramai di samping membuat kajian dan cadangan kepada kerajaan untuk membentuk dasar dan juga meminda undang-undang kita sebagai langkah untuk menyelesaikan masalah tenaga kerja yang dihadapi oleh kita sekarang.

Yang sebenarnya kalau kita dengar ucapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat bagi Jasin dan rakan-rakan kita hari ini dan juga semalam, saya tahu Yang Berhormat bagi Tuaran juga membangkitkan idea yang sama tentang penubuhan satu *Select Committee* untuk mengkaji masalah ini, saya cadangkan supaya Parlimen kita memberi perhatian terhadap cadangan yang dibuat oleh Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional dan juga sekarang dari parti pembangkang supaya kita sebagai wakil rakyat juga sama-sama akan membantu kerajaan dan kita menangani masalah tenaga kerja di negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, hendak berucap? Tadi, Yang Berhormat tidak bangunkah?

Tuan Chong Chieng Jen: Tadi saya tergesa-gesa, belum sedia, sekarang sudah sedia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, bolehlah. Jadi, Yang Berhormat bagi Marang, tidak apalah, saya bagi peluang kepada dia. Sila, sila

4.38 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ucapan saya akan pendek, tidak berapa panjang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti rang undang-undang yang akan memberi Menteri kuasa untuk melatih pegawai-pegawai untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan dalam Akta Induknya dan selepas kedengaran rintihan-rintihan daripada Yang Berhormat bagi Jasin dan rakan-rakan lain, nampaknya ada banyak masalah dan kelemahan dalam kementerian itu dan saya berasa bahawa Menteri Sumber Manusia tidaklah berapa sesuai untuk memikul tanggungjawab itu. Kenapa saya berucap begitu?

Di samping kelemahan-kelemahan dan masalah yang telah disebutkan, ada satu perkara lagi yang lebih penting iaitu Menteri Sumber Manusia, dia sangat sibuk sehinggakan dia telah lupa apa yang dia telah sebut di dalam Dewan yang mula ini dan dia telah lupa apa yang dia janji, janji yang dibuat olehnya di Dewan ini. Pada tahun lalu, semasa kita berucap mengenai *Sarawak Labor Ordinance*, Akta Buruh Sarawak, dalam jawapan yang diberi oleh Menteri terhadap soalan-soalan yang ditimbulkan oleh ramai Ahli Parlimen di sini, dia ada berkata bahawa, saya akan memetik dari *Hansard*.

“Berkaitan dengan period of transition, dengan izin, ini adalah enam bulan. Selepas enam bulan akta ini atau ordinan ini dikuatkuasakan, semua majikan diperlukan untuk mematuhi. Undang-undang ini bukan retrospective tetapi kita akan menguatkuasakan sebaik sahaja ia diwartakan.” *Sarawak Labor Ordinance* telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dalam bulan Disember tahun lalu. Sudah enam bulan berlalu dan ia masih belum dikuatkuasakan. Dan undang-undang yang diluluskan itu telah diwartakan pada 10 Februari, sudah empat bulan lepas ia masih belum dikuatkuasakan.

Oleh itu saya berpandangan bahawa Menteri Sumber Manusia tidaklah sesuai untuk memikul tanggungjawab itu dan sekiranya Rang Undang-Undang itu diluluskan, saya bercadang bahawa dia tidaklah dikuatkuasakan sebelum Akta Buruh Sarawak dikuatkuasakan kerana Akta Buruh Sarawak yang diluluskan tahun lalu sudah lama

ditunggu oleh orang-orang dan pekerja-pekerja di Sarawak. Sudah 20 tahun pekerja-pekerja di Sarawak menunggu kelulusan *Sarawak Labour Ordinance*, barulah kerajaan membentangkan *amendmentnya*. Semua pekerja-pekerja di Sarawak berasa begitu gembira semasa mendengar Rang Undang-Undang itu akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada tahun lalu. Tetapi selepas diluluskan oleh Dewan ini, apa yang terjadi mereka tunggu lagi. Saya harap mereka tidak payah tunggu 20 tahun lagi untuk undang-undang yang diluluskan oleh Dewan ini dikuatkuasakan oleh kerajaan dan apabila.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kata berapa tahun?

Tuan Chong Chieng Jen: Hah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa tahun?

Tuan Chong Chieng Jen: 20 tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat pun sudah tidak ada di sini.

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak tahu, mungkin 25 tahun.

Cik Fong Po Kuan: Duduk sana.

Tuan Chong Chieng Jen: Duduk sana mungkin [*Ketawa*] [*Bercakap dalam bahasa cina*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia cuba mimpikan.

Tuan Chong Chieng Jen: *Everything is possible*. Oleh itu saya harap Menteri Sumber Manusia mengambil berat kebajikan pekerja-pekerja dan penduduk di Sarawak, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.44 ptg

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi terima kasih dan juga tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-Undang Agensi Kerajaan Swasta 1981 (Pindaan) 2005. Saya mendapati lebih daripada 10 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan

Rang Undang-Undang Agensi Kerajaan Swasta ini dan celahan-celahan pula lebih ramai daripada itu.

Saya bagi pihak Kementerian Sumber Manusia dalam membentangkan Akta Kerajaan Swasta 1981 ini, dapat membuat beberapa kesimpulan. Pertamanya minat yang ditunjukkan itu menggambarkan kepada kita bahawa aliran ataupun soal pekerjaan di Malaysia merupakan satu soal pokok yang mesti diberikan perhatian secara sungguh-sungguh dan serius oleh semua pihak. Maka kerana itulah yang telah menyebabkan kita membentangkan Rang Undang-Undang yang bernama Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 ini.

Saya tidak dapat menafikan bahawa banyak sekali pandangan-pandangan yang baik, yang bernas, yang relevan dan juga bersangkutan. Namun demikian pandangan-pandangan yang bernas ini ada juga yang tidak relevan ataupun bersangkutan dengan akta yang dibentangkan pada hari ini yang menyentuh hanya dua seksyen sahaja iaitu Seksyen 3 dan juga Seksyen 4. Walau bagaimana pun sebagaimana yang diberitahu oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, bahawa bidang pekerjaan terutamanya bidang pekerja-pekerja asing merupakan sesuatu yang menjadi isu yang utama.

Jadi dalam soal ini saya akan menjawab yang pokoknya kepada kenapa ataupun tujuan apa, akta ataupun Seksyen 3 dan 4 ini dibentangkan di samping melayani beberapa perkara yang menyentuh tentang perkara-perkara dan menyentuh tentang bilangan pekerjaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan di sini bahawa jumlah pekerja-pekerja di Malaysia memang ramai iaitu lebih kurang 10.9 juta. Yang berdaftar dengan pihak Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO yakni pampasannya sahaja sebanyak 4.5 juta. Sehubungan dengan itu juga kita jangan lupa bahawa pekerjaan di Malaysia ini juga didatangi atau pun dihadiri oleh pekerja-pekerja luar negara. Ada pekerja-pekerja datang secara legal, ada pekerja-pekerja yang datang *illegal*, secara tidak sah. Sama ada ia sah ataupun tidak sah, ia merupakan sebahagian daripada tanggungjawab kerajaan lebih-lebih lagi tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia dan juga ada sangkutan-sangkutan dengan kementerian-kementerian yang lain.

Bagi memulakan jawapan serta pandangan-pandangan yang diberi untuk saya berikan jawapan saya memulakan kepada kenapa Seksyen 3 dan Seksyen 4 ini perlu dipinda kerana walaupun sudah saya menyebutkannya dalam masa saya membentangkan dahulu tetapi nampaknya sebahagian daripada kita tidak memahami malah ahli-ahli pembangkang terutamanya ada yang menganggap bahawa akta ini akta yang tidak relevan dan patut disingkir dan dibuang terutama Ahli Parlimen bagi Kubang Kerian..... Mana? Sudah lari ke mana itu - penakut.

Jadi dalam Seksyen 3, saya hendak sebut Ketua Pengarah, ertinya Ketua Pengarah Tenaga Rakyat. Ketua Pengarah Tenaga Rakyat ialah akta yang lama dalam kandungan peruntukan yang lama yang ada sekarang. Dalam peruntukan yang dicadangkan Ketua Pengarah ertinya Ketua Pengarah Tenaga Kerja. Pindaan ini berlaku kerana dahulu ada penggabungan dalam bahagian pekerjaan di mana masa dahulu namanya Ketua Pengarah Bahagian Tenaga Rakyat. Tetapi apabila bahagian itu telah ditukarkan kepada Tenaga Kerja, maka amat sesuaiilah Pengarah Tenaga Rakyat itu ditukarkan kepada tenaga kerja tanpa menukarkan nama tenaga nama pengarah ini kepada tenaga kerja sudah tentulah banyak perkara tidak dapat dilaksanakan. Banyak usaha-usaha yang baik dan murni oleh pihak kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia ini tidak boleh dilaksanakanlah. Umpamanya hari ini pihak kita menerima banyak lesen-lesen yang baru diminta, kita tidak boleh laksanakan, umpamanya hendak membarui lesen-lesen yang telah lama, tidak boleh dibarukan jadi ini merupakan satu masalah yang besar. Saya hendak sebut lesen yang tidak

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebetulnya kita bukanlah tidak berminat dengan penjelasan pertukaran nama, yang kita mahu dengar dia punya resolusi apakah kerajaan dan Yang Berhormat sendiri akan membawa perkara ini kepada pengetahuan pihak kerajaan iaitu kita melihat masalah pekerja buruh asing itu begitu menyukarkan masalah dalam negara kita dan perlu ada perubahan, perubahannya iaitu kerajaan

membenarkan agensi-agensi yang dipilih oleh kerajaan untuk menguruskan pekerja asing ini bukan lagi melalui Kementerian Dalam Negeri dan sebagainya sebab masalah yang kita hadapi. Jadi adakah Yang Berhormat berhasrat membawa masalah ini kepada kerajaan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih, memang kita akan membawa masalah-masalah pekerja asing dalam semua aspek kepada pihak kerajaan, lebih-lebih lagi kita mempunyai jawatankuasa mengenai dengan pekerja asing di peringkat kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Tetapi yang saya rujukkan tadi bukan kepada pihak Yang Berhormat kerana Yang Berhormat ini mempunyai pandangan yang cukup baik. Yang saya rujukkan tadi kepada Yang Berhormat yang ingin menyingkirkan ataupun menafikan langsung hal-hal yang murni ini sebagaimana yang disebut daripada Yang Berhormat Kubang Kerian.

Yang Berhormat Kubang Kerian ini dia hendak tolak semua. Jadi, kalau sudah tolak semua, katakan akta ini tidak dapat dijalankan maka sudah tentulah lesen-lesen untuk rakyat Malaysia menjalankan usaha-usaha membawa pekerja dalam bentuk swasta, maka tidak akan berlaku. Bermula pada Oktober 2004 pada masa tahun lepas sehingga sekarang ini, kita mempunyai lesen-lesen yang tertanggung sebanyak 599 iaitu pecahannya 104 yang baru dan 495 yang telah mati dan perlu diperbaharui setiap dua tahun. Jadi inilah masalah yang kami hadirkan akta ini kepada Ahli-ahli Dewan bagi membenarkan orang ramai menjalankan urusan-urusan pengambilan pekerja-pekerja.

Ini sangat mustahak, sangat penting bagi kita dan apabila saya katakan sudah tertanggung semenjak Oktober 2004 sehingga kini bilangnya, bulan 10, 11, 12, 1, 2, 3, 4, 5, 6 - sembilan bulan, sembilan bulan tidak dapat dijalankan kerana namanya, Pengarah Tenaga Rakyat tidak ditukarkan kepada Pengarah Tenaga Kerja itu penting. Ahli-ahli Yang Berhormat macam Yang Berhormat Kinabatangan ini okay, dia faham, Ahli-ahli Barisan Nasional ini faham, pembangkang itu tidak faham, termasuk Yang Berhormat Kepong ini tidak faham. Jadi ini masalah yang berlaku. *Sorry*lah acah sedikit, nampak tidur sahaja. Jadi masalah-masalah yang ada, yang berlaku pada hari ini merupakan masalah-masalah yang mesti memperlihatkan *efficiency* kerajaan dalam menguruskan soal-soal ini.

Yang keduanya saya juga hendak sebut, pemindahan kuasa dari Yang di-Pertuan Agong kepada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak jelaskan bahawa Yang di-Pertuan Agong ini merupakan satu kedudukan dan hierarki yang sangat tinggi. Yang di-Pertuan Agong ini dia melantik Pengerusi-pengerusi Suruhanjaya, hakim-hakim, ketua-ketua Audit Negara, yang atas-atas. Menteri pun direstui oleh Yang di-Pertuan Agong. Jadi kalau setakat kita hendak lantik pegawai-pegawai ini biarlah kita beri pada Menteri, satu. Yang kedua kalau kita minta pada Yang di-Pertuan Agong kita sedikit merendahkan kedudukan Yang di-Pertuan Agong. Kita tidak hendak kedudukan Agong Yang Maha Mulia itu diperendahkan dengan mereka yang tidak faham, jadi saya hendak fahamkan mereka ini.

Ketiganya, kalau kita beri kepada Yang di-Pertuan Agong, masanya sangat lama kerana Yang di-Pertuan Agong akan mengemukakan kepada *AG Chambers*. *AG Chambers* pula akan mengemukakan kepada Ketua Setiausaha Negara. Memakan masa lama, berbulan-bulan mungkin tiga bulan paling pendek, mungkin sampai enam bulan. Lihat sahaja akta-akta yang hendak kita proses, yang hendak kita telah ataupun akan dilakukan. Dalam Parlimen ini apabila sampai kepada sana ia akan memakan masa yang lama, tidak usah kkuatirlah.

Apabila kuasa ini diberikan pada menteri, menteri berikan kepada pengarah, pengarah melantik pula pegawai-pegawainya, pengarah ini sebenarnya duduk bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang mana lantikan ini disahkan oleh Suruhanjaya yang mempunyai kredibiliti, keupayaan yang hebat, jadi kita hendak curiga apa, dan ini memudahkan masa, memudahkan waktu, memudahkan tanggungjawab. Kalau mereka ini melanggar peraturan, melanggar undang-undang kita tidak payah bimbang kerana kita mempunyai peraturan-peraturan, undang-undang yang baik, yang bagus, yang boleh dikatakan tidak perlu kita curigakan. Jadi saya nampak ianya tidak mempunyai masalah yang besar bagi kita menyokong ataupun meluluskan yang ada ini.

Namun demikian, saya juga ingin menyebutkan secara lebih terperinci lagi supaya kefahaman kita tidak boleh dikotak-katikkan ataupun dikacau oleh ilmu yang sempit ataupun pengetahuan yang tidak berasas kepada apa yang hendak kita bentangkan pada hari ini. Saya hendak bagi tahu bahawa Akta Agensi Pekerjaan Swasta ini adalah bertujuan pertamanya adalah untuk mengawal dan mengatur urusan-

urusan agensi ataupun aktiviti ini di bawah kita, di bawah Kementerian Sumber Manusia supaya ianya licin, teratur, sistematik dan juga tidak disalahgunakan. Kedua-dua, agensi pekerjaan swasta merupakan satu agensi yang menjaga ataupun menolong kepada kepentingan pencari-pencari kerja warga negara Malaysia.

Agensi pekerjaan swasta ini satu badan yang boleh kita daftarkan pencari-pencari pekerja Malaysia boleh daftarkan dengan agensi pekerjaan swasta ini sama ada dia hendak kerja dalam negeri, sama ada dia hendak kerja luar negeri. Kita juga sedar bahawa ramai di kalangan rakyat Malaysia ini yang hendak cari kerja dia bukan sahaja boleh dengan pihak kerajaan, bukan sahaja dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, bukan sahaja menerusi elektronik *labours exchange* di bawah Kementerian Sumber Manusia, di bawah Jabatan Tenaga Kerja tetapi kita juga beri kepada agensi-agensi swasta. Macam sekolah, ada sekolah kerajaan, ada sekolah swasta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Larut.

Datuk Abdul rahman bin Bakar: Sila.

Dato' Raja Ahmad zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan isu yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Ada dakwaan mengatakan apabila ada kelulusan daripada pihak kerajaan, kemudian surat ini telah dimaklumkan kepada kedutaan yang berkenaan untuk melibatkan pengambilan pekerja dengan negara yang berkenaan. Tetapi timbul pula satu arahan daripada kedutaan yang berkenaan mesti dapat satu lagi surat mengesahkan bahawa dia benar-benar mendapat izin daripada Kementerian Sumber Manusia. Minta sedikit penjelasan, kerana ini telah timbulkan banyak kekeliruan akhirnya mereka henti mendapat surat kelulusan tetapi tidak dapat menjalankan peranan mereka dalam hubungan ini, terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebenarnya ini tidak terlibat di bawah agensi pekerjaan swasta kerana agensi pekerjaan swasta yang ada di bawah kawalan Kementerian Sumber Manusia hanya dibenarkan untuk mengambil pekerja-pekerja pembantu rumah (*maids*). Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Larut tadi ialah mengenai dengan pihak-pihak lain selain daripada agensi pekerjaan swasta untuk

dibenarkan membawa pekerja. Walau bagaimanapun, saya akan siasat perkara itu dan akan memaklumkan kedudukannya kemudian.

Mengenai dengan pencari kerja di luar negara, sebenarnya sehingga hari ini bilangan yang ditolong ataupun yang dibantu oleh agensi pekerjaan swasta ini dalam memberikan pekerjaan rakyat Malaysia ke luar negara, sehingga setakat ini lebih kurang 3009 orang. Selain daripada itu juga, agensi pekerjaan swasta ini membantu rakyat Malaysia menempatkan pekerjaan-pekerjaan dalam Malaysia, bukan sahaja luar negara tapi dalam Malaysia. Kategori yang ketiga agensi pekerjaan swasta ini boleh mengambil pekerja luar negara hanya untuk pembantu rumah, itu pun mesti melalui daripada pihak imigresen. Saya hendak sebutkan dalam Dewan yang mulia pada hari ini, agar kita punya perbincangan jelas dan juga tidak mengelirukan.

Saya hendak memberitahu soal-soal membawa pekerja-pekerja asing ini adalah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang membenarkannya, sama ada membenarkan melalui permintaan daripada majikan-majikan ataupun membenarkan permintaan daripada pihak-pihak yang lain. Tetapi yang menjadi tugas dan tanggungjawab kita ialah apabila pekerja-pekerja itu datang, soal pekerjaan mereka, *employment* mereka, soal gaji, soal insentif, soal cuti, soal peraturan, soal hak dia, soal hak pekerja, soal hak majikan, soal yang lain adalah merupakan tugas dan tanggungjawab daripada pihak kita sendiri iaitu Kementerian Sumber Manusia.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Silakan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat kementerian ini bersama-sama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengkaji dengan secara menyeluruh keperluan untuk tenaga sumber manusia di sini, sama ada sebagai pembantu rumah ataupun pelbagai bidang dan juga menetapkan cara-cara yang berkesan. Misalnya kalau kita hendak pekerja ini hanya untuk pembantu rumah dan cara-cara birokrasi dihapuskan dan penyelewengan yang lain dihapuskan, tolonglah agensi ini menyelesaikan masalah bersama-sama dengan agensi di luar negara seperti di Indonesia. Kadangkala agensi di Indonesia itu yang tidak mengikut cara yang betul sehingga timbul masalah dan sebagainya.

Baru-baru ini pihak kementerian ataupun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengumumkan bagi pihak majikan peluang untuk menggunakan pekerja asing sebagai pembantu di tempat penjaja dan sebagainya. Apabila timbul masalah ini, mereka yang hendak berbuat demikian, pergi ke beberapa pihak kementerian dan juga imigresen kerana timbul masalah dan dikatakan ada penyelewengan pula. Bolehkah Yang Berhormat dengan menyeluruh mengkaji hal ini, macam mana kita boleh elakkan penyelewengan kerana mahu, tidak mahu rakyat Malaysia memerlukan pekerja-pekerja ini. Mahu atau tidak mahu kerana perkembangan sosial ekonomi dan Yang Berhormat boleh tolong. Macam mana kita menyelesaikan masalah ini?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Memang sudah lama kerjasama dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, malah kementerian-kementerian lain kita lakukan. Bukan setakat pengesyoran daripada Yang Berhormat bagi Kepong, walaupun pengesyoran itu saya anggap satu pengesyoran yang baik. Kerjasama ini telah dilakukan bertahun-tahun dan kita kena ingat bahawa masalah kedatangan pekerja-pekerja ataupun orang asing ini bukan berlaku dewasa ini ataupun abad ini. Ia berlaku sejak di abad 15, 16, 17, 18, 19, banyak. Malah ramai kita dalam Dewan ini asal keturunan kita, pekerja asing, betul tidak? Pekerja asing. Hari ini jadi Ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara, pemimpin, ketua jabatan. Itu proses asimilasi daripada pendatang kepada negara ini sendiri. Namun demikian, apa yang saya hendak tegaskan di sini bahawa kerajaan dan kementerian sebenarnya tidak pernah berdiam diri dan tidak akan berdiam diri untuk menangani pelbagai isu.

Hari ini kita sedar ada Jawatankuasa pendatang asing di peringkat kabinet. Kita juga

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ipoh Timor.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Sudah tiga jam tidak boleh access internet, kita sebut IT. Apa masalah yang berlaku? Kerana Parlimen ini berhubung dengan dunia, kita mahu tahu pekerja asing atau apa masalahnya. Tiga jam tidak boleh akses langsung, apa sudah berlaku? Bolehkah kita tahu apa yang berlaku? *'We are out of the world!'*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ipoh Timor ini suara kuat tetapi isi tidak ada pun. Tidak ada terikat apa pun dengan soal Akta Seksyen 3, Seksyen 4, tidak ada apa.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan M. Kula Segaran: *Point of Order, Point of Order*, dia cakap *point of order* bukan polisi.....

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yalah *point of order* tetapi you sebutkan itu....

Tuan M. Kula Segaran: *Don't get excited, don't get excited!*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah Yang Berhormat, baik, baik.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yalah, saya bercakap tentang Akta Agensi tiba-tiba *point of order!*

Tuan Lim Kit Siang: RM100 juta belanja, Parlimen tetapi tidak boleh akses internet?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: *Point of order*, boleh you sebut tetapi mengikut ataupun berkaitan dengan apa yang kita bahaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, baiklah Yang Berhormat....

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: You tidak biasalah!

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, cukup, Yang Berhormat....

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Apakah tidak tahu Peraturan 36, 38. Bercakap mestilah berdasarkan kepada yang dibincangkan, yang diusulkan, tidak faham-faham, duduklah, *sit down*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduklah Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak faham!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, memang saya sudah minta disiasat dan sebenarnya

apa yang ditegur oleh Timbalan Menteri, saya fikir pun tidak ada salah apa sebab tiba-tiba Yang Berhormat bangun.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, tidak apalah, baik, tidak apa.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan sebahagian.....*[pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah. Yang Berhormat Timbalan Menteri, teruskan jawapan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Bercakap, ganggu tidak kena tempat, itu yang saya tidak setuju, diamlah, saya hendak bercakap benda yang betul, buang masa. Saya hendak sebut bahawa tujuan akta itu adalah satu tujuan yang sangat baik, yang sangat murni dan....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Nantilah sekejap, sekejap lagilah, bagi kacau sahaja, bukannya ada isi sangat. Ya? Sekejap ya. Akta Agensi Pekerjaan Swasta ini dilaksanakan dengan cara pengeluaran lesen di bawah Seksyen 7 dan mengaitkan aktiviti-aktiviti tentang permohonan baru, memperbaharui lesen, 'endorsing', pertukaran premis, pertukaran nama dan juga status APS

Saya juga hendak terangkan sedikit tentang syarat-syarat lesen yang dinyatakan di bawah Seksyen 9. Pertamanya, fasal ini ada pertanyaan. Perlu kepada permohonan ini adalah warganegara Malaysia. Sekiranya perkongsian ditubuhkan di Malaysia, maka majoriti syernya hendaklah dipegang oleh warganegara Malaysia. Perakuan kelakuan yang baik, mempunyai premis yang sesuai, urusan dijalankan secara bermoral, menandatangani bon tunai ataupun jaminan. Yang ini merupakan perkara-perkara yang.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya berharap apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat termasuk badan kawal selia itu adalah sungguh

berkesan untuk mengawal semua ini. Tetapi Yang Berhormat sebut tadi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa masalah kalau pekerja asing ini timbul kerana ada anak di sini dan sebagainya, selain daripada masalah sosioekonomi yang lain. Walaupun Yang Berhormat berkata, sudah ada langkah yang sempurna, tetapi saya nampak tidak ada mengenai anak-anak yang lahir di sini. Apakah yang dibuat oleh pihak kementerian dan juga kementerian yang lain untuk menyelesaikan masalah anak-anak yang lahir di negara ini.

Bolehkah Yang Berhormat buat satu bincuan, beritahu kepada kita bilangan anak-anak yang lahir kerana pekerja-pekerja yang datang ke Malaysia ini. Saya bukan hendak sebutkan sejarah. Memang setakat ada makhluk manusia di sini, ada penghijrahan. Itu memang satu hakikat dan kenyataan. Tetapi hari ini, macam manalah kementerian ini dapat menyelesaikan masalah sosioekonomi, kesan-kesan pekerja yang datang ke sini?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dia Kepong ini pandai minta kerajaan sahaja menyelesaikan masalah itu masalah ini tetapi dia sendiri tidak buat apa-apa [*Ketawa*]. lalah betullah tidak ada apa-apa. Namun demikian berbagai masalah yang dibangkitkan bukan sahaja soal anak tetapi soal kebajikan, kepentingan, kedudukan, ekonomi, gaji dan sebagainya banyak telah diusahakan dan dilaksanakan dan sedang diusahakan. Sekiranya Yang Berhormat ada masalah yang disebutkan sebagai anak tidak dapat diselesaikan tadi berikanlah kepada kitalah, kita cuba selesaikan.

Saya hendak sebutkan di sini tentang lesen tadi juga perlu ada sedikit bayaran *fee* lesen sekadar RM25 sahaja. Tentang *fee* ini bukanlah satu perkara yang besar yang tinggi. Untuk mereka yang ingin mewujudkan APS mereka perlu bayar bon tunai dalam negeri sebanyak RM1,000, bon tunai untuk luar negeri RM5,000, *charge fee* pendaftaran untuk tempatan RM12 sahaja, *charge fee* pendaftaran untuk luar negeri RM20 sahaja. *Fee* yang dikenakan bagi yang mendaftar untuk pekerjaan tempatan RM5 sahaja, untuk pekerjaan luar negeri RM10 sahaja kepada orang yang hendak cari kerja. Jadi tidak benar dakwaan Ipoh Barat bahawa kita *collect* duit itu berbilion-bilion ringgit. *Collect* ataupun pungut ini pula kerana kepentingan orang UMNO. Itu dakwaan palsu, karut dan mengikut perasaan yang tidak benar. Tipu. Saya minta Ipoh Barat tidak membuat satu *statement* dalam Dewan yang mulia ini dengan cara emosi tidak

berasas. Saya cabar Yang Berhormat Ipoh Barat bangun kalau hendak bangun jawab kepada tuduhan. Di mana dikatakan berbilion-bilion itu sedangkan APS yang ada yang kita luluskan ini baru seribu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Barat bangun.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Bolehlah, bangunlah.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih kerana memberi satu pencabaran. Tuan Yang di-Pertua, nombor satu bila saya membahaskan perkara ini saya begini, mengatakan bahawa bila kerajaan memberi lesen untuk syarikat-syarikat rekrut orang dari luar negara ada kenal pasti atau ada *regulations* tertentu yang mengenakan bahawa bukan sahaja ada perlu warga negara-warga negara yang tertentu di negara ini yang perlu menjadi *partner* dalam syarikat tersebut, baru dia boleh dapat lesen tersebut dan dia diberi anugerah ini dan dia pergi rekrut dari luar negara. Dan setiap orang yang rekrut kita semua tahu kos ini adalah sebanyak RM2,000 hingga RM3,000 yang dibayar oleh pendatang asing. Kalau dikalikan dengan 2 juta rakyat berapakah wang tersebut? Saya bukan katakan yang khususnya ada sesiapa orang yang kena mengena tetapi saya katakan ada ramai di antaranya adalah yang berkaitan dengan pihak politik dan di antaranya ialah dari UMNO. Itu benar. Adakah Yang Berhormat ingin katakan atau jelaskan di sini bahawa tidak ada satu orang pun ahli politik UMNO yang berkongsi dengan syarikat-syarikat tersebut. Kalau demikian cakaplah sedemikian.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat bercakap secara *general* tidak ada bukti-bukti, bagaimana kalau saya ada DAP, bagaimana kalau saya kata ada parti lain. Kalau *you* kata ada daripada UMNO *you* buktikan, mana bilion-bilion ringgit yang kita *charge*. Kita bercakap dengan agensi pekerjaan swasta jangan tak faham. Kalau *you* tak faham *you* keluarkan kenyataan-kenyataan yang tidak betul. Bila tidak betul, kalau kita marahkan *you*, *you* marah balik, kalau kita kata bodoh tetapi tidaklah kata *you* tu bodoh kalau kita kata bodoh tetapi tidak kata bodoh *you* marah. Saya tidak kata *you* bodoh tetapi kalau kita kata. Jadi bila kita bercakap dalam Dewan yang mulia ini anggap sesuatu yang kita hendak ucapkan yang mulia, yang benar dan yang betul. Tujuan saya menyatakan tentang fee ini adalah untuk menafikan sama sekali...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Nampaknya Timbalan Menteri suka mendengar kenyataan yang betul, seolah-olah begitu tinggi integritinya. Namun saya ingin tanya bosnya tauke kamu itu Menteri Sumber Manusia, dia sudah membuat perjanjian dalam Dewan yang mulia ini bahawa Akta Buruh Sarawak (*Sarawak Labour Ordinance*)

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu perkara belum jawab lagi.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya sudah timbulkan, saya mahu dia menjelaskan pendiriannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jika Yang Berhormat hendak minta penjelasan tanya yang berkaitan dengan apa yang sedang kita bincangkan sekarang.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, ya, dia mahu dengar kenyataan yang berasas tetapi Menterinya berkata sesuatu yang tidak berasas dan menunaikan perjanjiannya. Apakah pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan satu perjanjian yang dibuat oleh Menteri

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tidak payah bangkitkanlah. Nantilah kalau sampai kepada perkara yang berkaitan dengan Bandar Kuching.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya menyebut kenyataan Ipoh Barat kerana Ipoh Barat memberikan kenyataan yang tidak berkaitan dengan Rang Undang-undang yang kita bincangkan. Ini seorang lagi bangun tidak berkaitan. *You* hendak debat....

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak ada kaitan

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: *You* hendak debat. *Listen here, listen here first.* *You* hendak debat mesti merujuk kepada yang dihadkan perbahasan pada fasal / Peraturan Mesyuarat 38. *You* bercerita mengenai Menteri apa kaitan dengan IPS? Saya tidak layan. *Sit down*, duduk. Perkara-perkara lain.....

Tuan Chong Chieng Jen: [*bangun*]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Duduk, saya tidak layan kerana tidak ada kaitan. Tuan Speaker tidak kasi maka saya pun tidak kasi. Soalan tidak standard. *Better you sit down, duduklah.*

Tuan Chong Chieng Jen: [*Menyampuk*]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tak ada, tak ada, tak layan. Perkara Peraturan-peraturan Mesyuarat

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Peraturan Mesyuarat, apa itu 38?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ee, *you* tak baca ke itu 38?

Tuan Lim Kt Siang: *You* sebut 38, saya mahu tanya apa itu 38?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Perbahasan atas apa-apa usul selain daripada usul hendak menangguhkan Majlis Mesyuarat dan perbahasan atas apa-apa rang undang-undang atau pindaan hendaklah berkaitan dengan usul-usul atau rang undang-undang atau pindaan itu, jangan cuba *test* sayalah. Saya jadi Ahli Parlimen sejak tahun 1986 lagi. Ha, duduklah.

Perkara-perkara umum yang dibangkitkan banyak....., ini cakap sikit duduk terus. Pertama mengenai dengan pekerja asing. Pekerja asing ini walaupun tidak masuk dalam ini tetapi saya hendak layan sedikit kerana ia merupakan perbahasan yang lama yang panjang, 3 hari.

Tuan M. Kula Segaran: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ipoh Barat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Nanti sekejap. Kerana pekerja asing ini walaupun dia tidak masuk dalam Akta ini tetapi apabila dia sudah datang ke mari memang menjadi tanggungjawab pihak Kementerian Sumber Manusia khususnya dari segi amah, *maid* dan juga yang lain-lain. Kita kena ingat bahawa negara kita ini sebuah negara yang membangun yang dibangunkan oleh Barisan Nasional bukan DAP ye dan bukan Pas.

Negara kita ini berada dalam keadaan yang stabil baik dari segi ekonomi, baik dari segi politik dan sebagainya. Pertumbuhan ekonomi dalam suku tahun pertama tahun ini bertambah berganda menjadi 5.7% lebih baik daripada jiran-jiran kita termasuk lebih baik daripada Singapura. Faktor kekukuhan kestabilan ekonomi, politik, sosial, agama dan sebagainya menawarkan daya minat yang tinggi kepada orang-orang luar

untuk datang bekerja ke negara kita. Begitu juga sejarah telah membuktikan kepada kita bahawa kestabilan ini telah mengundang banyak kebahagiaan juga kepada negara kita. Bayangkanlah kalau dalam keadaan negara yang memerlukan tenaga-tenaga buruh yang bersifat 3D, *dirty, dangerous and difficult* yang dianggap kotor saya rasa kalaulah bilangan ini lebih kurang 480,000 diperlukan dalam 4 sektor iaitu dalam bidang pertanian dan perladangan lebih kurang 200,000 diperlukan, dalam bidang *manufacturing* ataupun pembuatan lebih kurang 150,000, dalam bidang pembinaan

Tuan Lim Kt Siang: [*Keluar meninggalkan Dewan*]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Balik dah Ipoh Timur? Cepat, duduklah dahulu. lebih kurang 100,000 [*Ketawa*]. Tak tahan dia, jadi yang lain jangan cubalah. *You* punya *boss* dah balik, anak-anak ni tidak ada apa bagi saya, kecil sangatlah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Mmenyampuk*]

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [*Menyampuk*]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dalam bidang perkhidmatan lebih kurang 50 ribu, jumlah 80 ribu, banyak. Siapa yang anak-anak nak datang kerja? Yang DAP dok bising-bising pun tak ada anak-anak tuan puan, Yang Berhormat-Yang Berhormat, keluarga, waris, pengundi nak datang bekerja, tak ada.

You kata siswazah menganggur banyak, betul. Orang yang lulus SPM ada 10 ribu, *diploma holders* saja ada 36 ribu, *ijazah holders* saja ada 18 ribu lebih, campur-campur 65 ribu. Bubuhlah *around figure*, 70 ribu. Kalau semua orang ini nak kerja dalam sektor yang dianggap kotor, berbahaya dan menggunakan tenaga kudrat ini, tidak ada seorang pun yang menganggur. Masalah adakah anak yang dikatakan lulus ijazah ini nak pergi menoreh getah, ada? Ada ke nak pergi kait kelapa sawit, ada? Ada ke nak pergi panjat bangunan 30, 20 tingkat termasuk rabungunya yang rosak, ada? Tak ada, tak ada yang nak pergi, Ipoh Timor, Ipoh Barat, tak ada termasuk Seputeh tak ada.

Jadi, kalau kita perlukan tenaga-tenaga yang banyak ini untuk membangunkan negara sedangkan mereka ini tidak datang maka sudah tentu produktiviti negara tergendala. DAP sendiri setuju, dulu apabila kita sekat pekerja asing.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ipoh Barat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sikit lagi, kita sekat pekerja asing maka industri kecil dan sederhana terbantut. IKS terbantut, semua major enterprise terbantut, tak boleh, *you* juga sanggup macam tu. Bila kita ambil, *you* bising, bila kita tak ambil pun *you* bising, serba tak kenalah, itulah kerja pembangkang. Buat tak kena, tak buat tak kena, buat salah, tak buat salah. Apalah, porahlah. Ha! Silalah bangun.

[Dewan riuh seketika]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tiga perkara, nombor satu mungkin Timbalan Menteri sudah lupa untuk jawab perkara yang saya bangkitkan mengenai adakah Timbalan Menteri boleh mengesahkan bahawa tidak ada seorang pun ahli politik yang menjadi syer dalam agensi pekerjaan.

Nombor dua, mengenai *dangerous*, 3D itu. Bukan rakyat Malaysia tidak mahu kerja tetapi yang menjadi masalah ialah bila membayar gaji yang terlampau kurang. Kalau kita membayar gaji mereka yang sentiasa *in relation to* perkara yang dibuat oleh mereka, kita mesti boleh dapat kerana saya berpandu kepada negara-negara yang maju seperti di Amerika, Australia dan New Zealand. Dan ini adalah perkara yang perlu diambil tindakan.

Perkara ketiga adalah di antara perkara-perkara yang saya telah bangkit, mengenai iklan di surat khabar yang mengatakan bahawa ada kerja kosong di luar negara. Kerap kali kita dengar bahawa pekerja-pekerja itu diambil di negara ini dan bila mereka berhijrah ke luar negara, mereka ditipu dan apakah tindakan yang telah diambil supaya tidak ada *advertisement-advertisement* yang menganiayakan rakyat Malaysia.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang tipu itu sama ada orang perseorangan dan sebagainya, bukan dilakukan oleh agensi pekerjaan swasta. Itu adalah individu, manusia perseorangan, itu *you* boleh report pada polis, takkan tak faham. Saya jaga APS ini macam jaga anak dalam buaian, kes penipuan daripada 1,600 hanya ada dua saja. Kalau lebih daripada dua, *you* buktikan pada saya. Kes yang berlaku pendakwaan ini hanya ada 20 saja, lebih daripada 20, *you* beritahu pada saya. Jawablah, saya bukan nak argue dengan *you* tapi saya suka bercakap secara fakta. Bila kita bercakap secara fakta, ha, kawan belakang pun sambut, faktalah. Kalau tak cakap secara fakta, kita jadi pembangkang yang merapu.

Saya nak beritahu tentang yang pekerja asing ini, tidak ada negara yang maju tidak mempunyai pekerja asing, semua ada. Dakwaan daripada Ipoh Barat, kata New Zealand, kata Australia tak ada pekerja asing, ini tipu semua. Saya dah pergi ke Australia, dah duduk, dah tengok, sembelih biri-biri tu, orang Arab, di New Zealand pun sama, semua pekerja-pekerja itu pekerja asing, masuk Afghanistan, masuk Bangladesh, masuk Iraq, masuk Iran, masuk India.

[Dewan riuh seketika]

Tuan M. Kula Segaran: *[Bercakap tanpa berdiri sambil memegang pembesar suara]* Tak betul, tak betul.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dan dengar lagi saya nak beri figure-figure ini, jangan cakap tak betul pegang duduk macam ni saja, macam sakit buasir je. *[Ketawa]*. Amerika Syarikat.....

Tuan M. Kula Segaran: Itu tidak ada asas dia punya cakap.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Amerika Syarikat, saya nak beritahu penduduk dia 295 juta, pekerja asing dia 35 juta; German 82.5 juta, pekerja asing dia 7.3 juta; Jepun 128 juta, 1.7 juta pekerja asing; Perancis 60.7 juta, pekerja asing dia 6.3 juta; Rusia yang mempunyai semangat nasionalisme yang kuat mempunyai 141.5 juta, pekerja asing 13.5 juta.

Maknanya apakah negara-negara ini nak sangat pekerja asing, tak nak macam kita juga tapi dalam soal membangunkan negara, membangunkan ekonomi, membangunkan kesejahteraan, membangunkan keamanan, had kerja-kerja buruh am ni biarlah dia, Ipoh Barat. Yang kerja-kerja profesional, separa profesional biarlah kita. Kementerian Sumber Manusia hari ini, tahu tak Ipoh Barat, kita latih lebih daripada, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Lebih pada 17 ribu orang setahun, dalam 33 bidang kursus diploma, 33 kursus persijilan dan tahun ini sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, semangat sangat orang Terengganu saya ini. Saya cukup tertarik tadi, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan statistik perangkaan yang telah diberi kepada kita, di

mana terdapat pendatang-pendatang ataupun pekerja-pekerja asing di dunia secara globalnya. Malah ini merupakan satu fenomena global, persoalan saya sekarang, Yang Berhormat ya, apakah Akta kita ini juga mengambil kira faktor-faktor globalisasi ini? Kalau boleh sedikit penjelasan pada kami.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, faktor-faktor globalisasi ini sebenarnya faktor yang tidak boleh kita pinggirkan. Dalam apa juga arus perkembangan negara sekarang ini kaitan dengan hal-hal yang sedemikian hendaklah kita ambil kira. Kalau tidak kita jadi, orang Terengganu kata 'katak di bawah tempurung', jadi sempit fikiran kita. *[Ketawa] [Disampuk]* Tak nak kata, kasihan kat dia, nanti banyak sangat dia tak nak duduk situ, dia lari pula. *[Ketawa]*.

Jadi, sebenarnya kita sedang menangani masalah kehadiran pekerja-pekerja asing ini dengan begitu serius. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang kita kasihi menganggap penggantungan yang terus kepada pekerja asing ini sebahagian subsidi, nak minta sedekah sokmo.

Tuan M. Kula Segaran: *Point of Order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *Point of Order*, mana satu?

Tuan M. Kula Segaran: *Point of Order.*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila, sila

Tuan M. Kula Segaran: Merujuk kepada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Peraturan Mesyuarat?

Tuan M. Kula Segaran: Peraturan 30 di mana dia kata merujuk kepada nama Ahli Parlimen, perlu katakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu nak tegur jugalah.

[Dewan riuh]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Itu nama Perdana Menteri kita, tak kan tak boleh sebut.

Tuan M. Kula Segaran: Bukan saya cakap itu tak betul, itu betul tapi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya nak sebut, tidak ada salah apa Lailahaillallah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tunggu. Peraturan Mesyuarat 30, itu meminda usul.

[Dewan riuh]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dia tipu, dia tipu, Tuan Yang di-Pertua, tak ada pun. Tidak ada, dia tipu. *[Ketawa]*

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua, adakah

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ala, Ipoh Barat ni, tipu sungguh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tapi bukan 30 lah.

Tuan M. Kula Segaran: *Regulation*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan 30 lah?

Tuan M. Kula Segaran: Sesuatu yang ada, sedia ada.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Peraturan mana? Peraturan mana? Saya ada peraturan ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada, tapi bukan 30.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ha, tak ada.

Seorang ahli: Ambil tindakan, ambil tindakan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dia salah masuk pintu tu. Lain kali *prepare* lah sikit nak bercakap tu, bersiap sedia sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu memang adalah, kita ikut itu Peraturan Mesyuarat, tak payah sebut nama.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya lah.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 30 ini fasal meminda usul lah, tak ada kena mengena. Saya kasihan melihat Ipoh Barat ini.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ingat dia pusing, pasal apa dia pusing. Banyak sangat masuk toilet kot. *[Ketawa]* Dia pening. Jadi, berbalik kepada soal pekerja asing ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jawapan boleh sambung minggu depan kerana masa sudah sampai 5.30.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya perlu tangguhkan mesyuarat untuk usul penangguhan dikemukakan.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

5.30 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

MENGAMBIL LEBIH BANYAK BANGSA CINA DAN INDIA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, sila.

5.31 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Langkah segera mengambil lebih banyak rekrut daripada bangsa Cina dan India dalam perkhidmatan awam. Sejak beberapa bulan kebelakangan ini, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuat seruan berulang kali supaya lebih ramai rakyat Malaysia berketurunan Cina dan India memilih untuk menyertai pasukan polis. Syabas diucapkan kepada pihak PDRM kerana usahanya untuk menjadikan pasukan itu pelbagai kaum.

- (i) jumlah keanggotaannya ditambah agar kehadirannya dirasai di seluruh negara;
- (ii) lebih berkesan memerangi jenayah dan memelihara keamanan dan undang-undang negara;
- (iii) untuk menjadikannya sebagai teladan perpaduan nasional dan persefahaman di antara penduduk berbilang bangsa, agama dan kebudayaan.

Walau bagaimanapun, sehingga kini usaha PDRM tidak berjaya menarik lebih ramai orang Cina dan India menyertai semasa pengambilan rekrut baru diadakan. Pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Pasukan Angkatan Tentera juga harus mencontohi usaha PDRM untuk menjadikan keanggotaan pelbagai bangsa. Selain dari mengeratkan perpaduan nasional, langkah sedemikian juga akan menambah kecekapan perkhidmatan awam dan Pasukan Angkatan Tentera kita terutamanya semasa cuti perayaan diambil. Ini hanya 3.4% orang bukan Melayu yang menganggotai perkhidmatan awam. Bilangan orang bukan Melayu dalam perkhidmatan awam semakin merosot. Dari 25% bagi yang berbangsa Cina dan 98% bagi yang berbangsa India kepada 8.3% dan 5.2% masing-masing.

Ini jelas menunjukkan ketiadaan usaha yang berkesan dilakukan untuk mengambil lebih ramai orang bukan Melayu berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Pandangan kerajaan bahawa orang bukan Melayu tidak berminat menganggotai perkhidmatan awam adalah tidak benar sama sekali.

Pandangan PDRM bahawa keengganan orang bukan Melayu menganggotainya adalah berkait rapat dengan perangai dan sikap kebudayaan dan bangsa-bangsa itu juga meleset. Jika pandangan ini benar, mengapakah negara-negara seperti China, Taiwan, Singapura dan India tidak mengalami apa-apa masalah merekrut orang-orang berbilang bangsa itu dalam pasukan polis, tentera dan perkhidmatan awam mereka.

Oleh itu, pandangan itu adalah satu salah anggapan dan tidak boleh diterima. Mesti ada sebab yang lebih munasabah mengapa orang bukan Melayu enggan menyertai pasukan polis, perkhidmatan awam dan tentera. Kemungkinan salah satu sebab ialah kekurangan atau ketiadaan informasi tentang pengambilan rekrut baru dan kekosongan jawatan. Sebab lain ialah tanggapan prospek kenaikan pangkat, gaji serta

keadaan perkhidmatan yang tidak menarik. Tidak ada sebab lain mengapa orang bukan Melayu tidak berminat untuk menganggotai perkhidmatan tersebut.

Baru-baru ini, Kementerian Kesihatan telah menyeru agar lebih ramai orang bukan Melayu menyertai perkhidmatan jururawat di hospital-hospital. Adalah diketahui umum bahawa kekurangan jururawat telah berlaku di hospital-hospital awam. Mengapa? Ini kerana, kekurangan orang bukan Melayu menyertai perkhidmatan itu dan juga kerana ramai jururawat bukan Melayu yang terlatih dan berpengalaman telah meninggalkan negara untuk berkhidmat di Singapura dan negara-negara Timur Tengah seperti Saudi Arabia. Mengapa? Ini kerana, suasana perkhidmatan dan gaji yang lebih lumayan dan adanya harapan kenaikan pangkat. Kekurangan jururawat bukan Melayu amatlah menghairankan kerana hanya 2% sahaja diambil sebagai jururawat pelatih.

Ramai pesakit bukan Melayu menghadapi kesulitan berkomunikasi dalam bahasa Malaysia di hospital kerajaan. Akan tetapi tiada jururawat yang boleh berkomunikasi dalam bahasa pesakit, iaitu bahasa Cina atau dalam bahasa Tamil. Adalah sia-sia seruan Kementerian Kesihatan supaya orang bukan Melayu menyertai jurusan jururawat sekiranya gaji dan suasana perkhidmatan serta harapan kenaikan pangkat adalah tidak menarik. Kebiasaannya, pada perayaan Hari Raya, keseluruhan sistem perkhidmatan awam tidak berfungsi dan keseluruhan pekerja awam bercuti ataupun bercuti sakit serta ada yang tidak hadir bekerja.

Ini tidak akan berlaku sekiranya terdapat pekerja-pekerja berbangsa India dan Cina yang dapat memenuhi kekosongan tersebut seperti mana yang pernah berlaku dahulu kala. Satu perubahan minda dan usaha yang bernas perlu diimplementasikan oleh JPA untuk mengambil lebih ramai orang bukan Melayu berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Kesimpulannya, perkhidmatan awam, polis dan tentera, kita harus terdiri daripada pelbagai bangsa, selaras dengan prinsip keadilan dan kesaksamaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

5.35 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya sedar dan begitu prihatin terhadap kurangnya penjawat awam dari kaum bukan Melayu dalam perkhidmatan

awam. Malah, kesedaran ini jauh lebih komprehensif berbanding keprihatinan yang diwar-warkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat sebentar tadi, iaitu yang melibatkan hanya rakan-rakan kita dari kaum Tionghoa dan India. Kerajaan yang mahu hanya yang terbaik untuk semua, begitu terkilan kerana bumiputera daripada Sabah dan Sarawak juga menghadapi masalah yang sama.

Justeru, kerajaan bangga kerana kita mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, iaitu satu badan yang mana ahli-ahlinya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Suruhanjaya ini yang diamanahkan tugas pengambilan kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebagai sebuah agensi pelantikan sektor awam yang terbesar di negara ini adalah sebuah badan yang bebas dan berkecuali. Ini bermakna tindakan suruhanjaya ini adalah terbatas kerana ia tidak mahu dilihat sebagai memihak kepada mana-mana kaum tertentu. Namun suruhanjaya tetap berusaha dari masa ke semasa mengambil pelbagai langkah untuk menggalakkan dan menambah bilangan pemohon bukan Melayu menyertai perkhidmatan awam, khususnya perkhidmatan yang berada di bawah bidang kuasanya selaras dengan aspirasi negara.

Berdasarkan statistik dalam tahun 2003 misalnya, daripada sebanyak 333,074 jumlah permohonan, permohonan dari kalangan kaum bukan Melayu hanya 4.09%, iaitu 13,503 permohonan yang juga merupakan 1.89% ataupun 6,250 permohonan dari kaum Tionghoa dan 2.2% ataupun 7,253 permohonan oleh kaum India. Ini tidak banyak berbeza dengan tahun 2004 di mana daripada sejumlah 403,631 permohonan, kadar permohonan dari kaum bukan Melayu sebanyak 4.41% iaitu 17,629 permohonan, iaitu 2.3% ataupun 8,067 permohonan rakan-rakan kita dari kaum Cina dan 2.3% ataupun 9,562 permohonan daripada kaum India.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini terjadi walaupun suruhanjaya telah mengambil pelbagai langkah agar trend itu berubah menjadi lebih baik. Contohnya dalam Program Hari SPA dengan pelanggan. Pelajar dari kaum bukan Melayu diundang khas untuk diberi penerangan dan bimbingan mengenai peluang-peluang kerjaya dalam perkhidmatan awam. Kadangkala program tersebut diadakan di sekolah menengah Cina ataupun di tempat yang terdapat ramai penduduk bukan Melayu. Setiausaha SPA telah beberapa kali muncul di televisyen sama ada RTM atau TV3 menjelaskan

beberapa aspek mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, iaitu termasuklah peluang pekerjaan yang ditawarkan.

Malahan dalam Program Sure Kerja yang telah diadakan di Universiti Malaya, Kuala Kangsar dan Kota Bharu oleh Kementerian Sumber Manusia baru-baru ini, SPA adalah satu-satunya agensi awam yang turut mengambil bahagian. Walau bagaimanapun sambutan, kita dapati sambutan rakan-rakan kita dari kaum bukan Melayu tidaklah memberangsangkan.

SPA menyediakan peluang yang sama kepada semua warganegara Malaysia untuk memohon jawatan tanpa mengira asal keturunan mereka. Maklumat mengenai perkara ini dan cara memohonnya adalah disediakan secara *on line* melalui laman web. Begitu juga dengan iklan-iklan disediakan dengan jelas. Justeru kerajaan tidak sependapat dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat yang mengatakan masalah timbul kerana kekurangan atau ketiadaan informasi mengenai kekosongan jawatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kesedaran kerajaan dan keprihatinan SPA akan kekurangan kaum bukan Melayu yang menyertai perkhidmatan awam, saya yakin tindakan yang sedang dan akan diambil oleh kerajaan dan SPA akan dapat menangani masalah ini.

PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH TAMAN PINGGIR HIJAU DI JALAN IPOH, LUMUT TERBENGKALAI

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batu Gajah.
17.43 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Projek perumahan terbengkalai Taman Pinggir Hijau di Jalan Ipoh, Lumut, Perak. Projek Perumahan Taman Pinggir Hijau di Jalan Ipoh, Lumut, Perak ini telah terbengkalai sejak tahun 1996. Ia adalah sebuah projek perumahan kos rendah pada harga jualan RM25,000. Seramai tidak kurang daripada 400 orang pembeli ini telah membayar 20% dan 50% daripada harga jualan kepada pemaju. Mereka ini meminjam daripada bank dan menggunakan simpanan di hari tua mereka. Kesalnya syarikat pemaju tersebut telah digulung pada tahun 2000. Beberapa bulan yang lepas pembeli mendapati binaan

separuh siap telah dirobohkan oleh individu tertentu dan mereka telah membuat laporan polis berkenaannya. Ini meninggalkan pembeli-pembelinya dalam kesulitan, rumah tidak ada tetapi dibebani dengan hutang di mana mereka masih berterusan membayar balik pinjaman bank dan faedah. Ada di antara mereka telah dihadapkan ke mahkamah kerana tidak menjelaskan pinjaman bank tersebut.

Persoalan di sini adalah apakah bentuk bantuan yang akan dihulurkan oleh kementerian ini. Saya berpendapat projek terbengkalai ini wujud dan menyebabkan pembeli-pembelinya tanpa perlindungan kerana kelemahan polisi kerajaan. Selain itu mereka telah menyerahkan memorandum kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Yang Amat Berhormat pernah melawat *site* tersebut pada tahun 2001 tetapi mereka masih menunggu bantuan. Ia amat merisaukan kerana baru-baru ini pembeli-pembeli dihubungi oleh pihak tersebut dan kononnya mendakwa bahawa mereka telah dilantik oleh kerajaan Negeri bagi mengambil alih projek tersebut tetapi gagal mengemukakan sebarang dokumen bukti berkenaan pelantikannya. Cubaan untuk mendapatkan pengesahan daripada kerajaan Negeri gagal kerana saya telah menulis surat beberapa kali kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak tetapi surat yang dihantar tiada jawapan. Surat saya bertarikh 2 Mac dan 5 April tahun ini. Pembeli risau tertipu lagi tetapi pada masa yang sama merasa kemungkinan itu harapan mereka. Kerajaan heboh akan mendirikan lebih banyak rumah kos rendah tetapi bagaimana pula dengan pembeli-pembeli rumah kos rendah ini yang projeknya terbengkalai kini.

Ketika saya bangkitkan perkara ini melalui pertanyaan jawab bertulis, kementerian menjawab dengan menyatakan bahawa kajian telah dibuat ke atas projek itu oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad tetapi memutuskan mengeluarkan projek ini dari senarai pemantauan kerana pemulihan projek melibatkan kos yang tinggi.

Saya mempunyai soalan Tuan Yang di-Pertua untuk hari ini kerana dalam soalan pertanyaan soalan ke 65 jawapan yang sama juga diberikan kepada pertanyaan ini. Tambahan dimaklumkan bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri Perak berminat untuk memulihkan projek ini dan sedang berunding dengan pembeli-pembeli. Jawapan adalah tidak tepat sehinggakan hari ini pembeli-pembeli masih tidak mendapatkan perundingan daripada mana-mana pihak termasuk Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP). Sudikah Yang Berhormat Menteri turun padang bagi berjumpa dengan pembeli dan

melihat dengan sendiri kedudukan projek tersebut dan berapa lama mereka perlu tunggu sebelum bantuan diberi oleh kementerian.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat projek perumahan ini mengandungi 422 unit rumah teres kos rendah berharga RM25,000 di mana surat perjanjian jual beli telah ditandatangani pada 3.11.1997 dan sepatutnya siap pada 3.11.1999. Pihak pemaju iaitu Make Five Resources Sdn Bhd. telah berjaya menjual sebanyak 404 unit rumah kepada pembeli-pembeli.

Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat disiapkan kerana pemaju menghadapi masalah kewangan dan terhenti pembinaannya pada tahap kemajuan 10% hingga 50%. Akibat masalah kewangan yang dihadapi oleh pemaju suatu perintah penggulungan telah dibuat oleh mahkamah Tinggi Ipoh pada 24 Ogos 2000 dan pegawai penerima Malaysia cawangan Ipoh telah dilantik sebagai pelikuididasi ataupun *liquidator* sementara untuk mentadbirkan hal ehwalnya. Pihak kementerian mengklasifikasikan projek ini sebagai projek perumahan terbengkalai sejak tahun 2000.

Langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh kementerian ini bagi mencari jalan penyelesaian untuk pemulihan projek tersebut ialah pertamanya telah mengarahkan Syarikat Perumahan Negara Berhad ataupun SPNB membuat kajian untuk membolehkan projek ini pada tahun 2002. Mengikut kajian yang dijalankan pihak SPNB telah melaporkan pada 31 Mei 2005 kepada kementerian bahawa projek tersebut perlu dikeluarkan daripada pemantauannya kerana melibatkan kos yang tinggi bagi tujuan pemulihannya. Berdasarkan kepada laporan SPNB pihak kementerian akan mengkaji semula laporan tersebut dan akan berbincang semula dengan SPNB bersama kerajaan Negeri bagi mencari jalan menyelesaikan masalah tersebut.

Selain daripada SPNB jika sekiranya ada pihak-pihak lain yang berminat untuk memulihkan projek tersebut mereka bolehlah berbincang dengan pihak kementerian ini dan Jabatan Insolvensi Malaysia. Bagi pembeli-pembeli yang telah mengambil pinjaman melalui bank bagi tujuan pembiayaan pembelian rumah tersebut, mereka bolehlah berhubung terus dengan bank masing-masing untuk menstrukturkan semula pembayaran balik pinjaman berkenaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selesailah urusan kita mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3). Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi hari Isnin minggu hadapan.

Mesyuarat tamat pada jam 17.47 petang.